



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- .. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- .. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- .. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- .. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- .. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- .. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. DAVID (Damansara).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- .. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- .. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE KAW (Keluang).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- .. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- .. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,  
P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.  
(Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,  
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 8hb November, 1978

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### KONSEP ROHANIAH/JASMANIAH

1. Tuan Mohd. Nakhate bin Haji Ahmad  
minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan benar-benar menjadikan perimbangan antara rohaniah dan jasmaniah sebagai dasar dalam pembangunan negara; dan
- (b) jika Kerajaan benar-benar menjadikannya dasar dalam pembangunan negara apakah konsep rohaniah, konsep jasmaniah dan konsep perimbangan antara keduanya yang digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan dasar tersebut sebagai dasar pembangunan negara.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memberi jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa:

- (a) Kerajaan memang benar-benar menjadikan perimbangan antara rohaniah dan jasmaniah sebagai dasar dalam pembangunan Negara.
- (b) (i) Konsep rohaniah yang digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan dasar pembangunan negara pada dasarnya adalah berasaskan kepada ajaran keagamaan.

Untuk tujuan pembangunan rohaniah Islamiah ini Kerajaan telah

mewujudkan Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah melalui Bahagian Ugama ini mengadakan kursus-kursus dakwah, ceramah-ceramah, bengkel-bengkel dakwah dan lain-lain kegiatan yang bercorak kerohanian kepada semua lapisan rakyat di negara ini yang dijalankan oleh Institiut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH). Tenaga pegawai-pegawai di Institiut Dakwah dan Latihan Islam ini akan ditambah dari masa ke semasa bagi memperluaskan lagi kegiatan dakwah ini. Begitu juga satu peruntukan telahpun diluluskan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah kompleks yang lengkap bagi Pusat Islam yang mengandungi auditorium, dewan syarahan, bilik-bilik kuliah, asrama dan pejabat-pejabat pentadbiran. Di samping itu juga Kerajaan berusaha seberapa mungkin untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi mengawasi pengaruh-pengaruh luar yang boleh merosakkan akhlak umat Islam di negara ini. Walau bagaimanapun sikap Kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha seperti ini ianya sentiasa bersikap pragmatik dan menimbangkan keadaan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

- (b) (ii) Konsep jasmaniah, sukalah saya nyatakan, kalau Ahli Yang Berhormat betul-betul baca Buku Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) saya kira Ahli Yang Berhormat akan menemui jawapannya. Dalam Kata Pendahuluan di dalam buku tersebut umpamanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada

mengatakan: 'Rancangan ini (maksudnya Rancangan Malaysia Ketiga) merupakan satu usaha yang berani, penuh dayacipta dan tegas, semata-mata untuk menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik dewasa ini. Ianya adalah satu-satunya usaha yang terbesar pernah dilakukan oleh Kerajaan untuk faedah semua rakyat. Rancangan Malaysia Ketiga telah dirangka khusus untuk menyatukan asas-asas yang telah sedia ada dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai bagi mengukuhkan lagi perpaduan dan kesejahteraan rakyat. Dengan itu, Rancangan ini sesungguhnya mengandungi dasar-dasar, program-program dan projek-projek yang berteraskan tindakan supaya dapat dipergiatkan lagi kemajuan ke arah membina sebuah negara yang bersatu-padu, sejahtera, adil dan kukuh seperti mana yang termaktub dalam Rukunegara dalam tempoh jenerasi kita sekarang.

Konsep perimbangan antara rohaniah dan jasmaniah yang digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan dasar sebagai dasar pembangunan negara adalah suatu konsep yang liberal yang dapat diterima oleh semua rakyat di negara ini sebagaimana yang diterangkan di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin, quote: "Wakazalika ja'alnaakum ummatan wasatan litakunu syuhada ha'alam nas". Demikianlah kami jadikan engkau, kata Tuhan, umat pertengahan, yakni berseimbangan di antara rohani dan jasmani supaya engkau jadi saksi atas manusia sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, jelas bahawa dasar pembangunan negara kita adalah sejajar dengan nikmat Al-Quran itu sendiri. Mudah-mudahan kita dapat perlindungan Allah dan dapat kejayaan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Oleh kerana konsep perimbangan yang digunakan itu ialah konsep liberal, saya kurang jelas terhadap konsep ini. Apakah yang dimaksud dengan konsep liberal itu ialah satu-satu aliran falsafah Barat iaitu fahaman liberalism yang menerima segala macam untuk adunan yang kadang-kadang bertentangan dengan Islam sendiri untuk dijadikan sebagai teras rohaniah?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pada pembangunan yang besar-besar yang telah dijalankan oleh Kerajaan negara kita terutama sekali pembukaan tanah, ini adalah ternyata pembukaan tanah ini untuk memberi sosio-ekonomi kepada seluruh lapisan rakyat dan maksud liberal di sini, yang saya katakan tadi, ialah negara kita tidak menindas satu-satu kaum dan diberi peluang kepada semua kaum-kaum menjalankan pembangunan ekonomi dalam negara kita ini sesuai dengan keadaan yang wujud dan sesuai pula dengan semangat Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Oleh kerana itulah yang dimaksudkan, adakah Kerajaan bercadang hendak menghapuskan punca-punca maksiat seperti judi dan lain-lain yang bertentangan dengan semua agama? Adakah Kerajaan sekarang ini berpuashati dengan perimbangan yang wujud dan adakah Kerajaan yakin bahawa seluruh rancangan pembangunan ini menuju ke arah mengurangkan punca-punca maksiat.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan bersedia dan pernah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan sendiri hendak menghapuskan segala maksiat yang berlaku dalam negara kita ini yang boleh merosakkan pembangunan ekonomi. Tetapi pertanyaan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya rasa tidak berkait secara langsung dengan apa yang saya katakan tadi dasar pembangunan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Sila.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Oleh kerana apa yang hendak dijalankan itu berasaskan kepada keugamaan dan perkara-perkara yang seperti ini adalah bertentangan dengan semua agama, bukan agama Islam

sahaja, tetapi ugama-ugama yang lain, adakah kenyataan yang diberi itu menunjukkan bahawa Kerajaan tidak bercadang hendak mengeluarkan lesen-lesen judi, loteri atau sebagainya yang juga menimbulkan maksiat dan adakah bermakna daripada statement itu bahawa Kerajaan juga akan mengharamkan arak dan apakah kenyataan itu juga tidak bertentangan dengan kebenaran yang diberi oleh Kerajaan untuk mendirikan kilang-kilang arak misalnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi ini bagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sudah terkeluar sedikit daripada asalnya. Pertanyaan asal ini ialah mengenai konsep perimbangan dan konsep perimbangan sudah dijelaskan.

#### PEGAWAI PERUBATAN/DOKTOR PAKAR ANGKATAN TENTERA

2. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan memandang berat akan kekurangan pegawai perubatan/doktor pakar dalam Angkatan Tentera; samada Kerajaan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan melanjutkan tempoh perkhidmatan wajib bagi pegawai perubatan/doktor pakar supaya anggota-anggota tentera boleh mendapat khidmat perubatan yang kemaskini di samping menawarkan tanggagaji yang lebih menarik dan kemudahan yang lebih baik kepada pegawai perubatan/doktor pakar ini; jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memandang berat atas kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan doktor-doktor pakar bukan sahaja di dalam Angkatan Tentera tetapi juga di dalam memenuhi keperluan keseluruhan rakyat di negara ini.

Dasar mengenai pengambilan pegawai-pegawai perubatan dan doktor-doktor pakar dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera kita adalah sedang dikaji. Oleh kerana kajian ini meliputi segenap aspek seperti syarat-syarat perkhidmatan, kerjaya dan lain-lain faedah lagi, jadi kajian ini adalah memakan sedikit masa.

Berhubung dengan cadangan untuk memanjangkan tempoh perkhidmatan wajib doktor-doktor dengan Angkatan Tentera, perkara ini juga masih dalam perbincangan di antara Kementerian Pertahanan dengan Kementerian Kesihatan.

#### TARIAN SINGA

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

(a) apakah sikap Kerajaan dalam pertunjukan tradisional orang-orang Cina 'Tarian Singa' sebagai mengalu-alukan ketibaan tetamu kenamaan termasuk Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di kesemua perayaan dan adakah amalan tersebut melanggar undang-undang;

(b) adakah beliau mengetahui bahawa polis tidak diberitahu dengan sepenuhnya mengenai sikap Kerajaan dalam masalah meluluskan permohonan untuk Tarian Singa dan adakah beliau akan menasihati polis supaya bermurah hati mengenai pertunjukan Tarian Singa sebagai memperkenalkan kebudayaan tradisional kaum Cina; dan

(c) adakah Kerajaan akan mengiktiraf Tarian Tradisional Singa sebagai sebahagian dari Kebudayaan Malaysia, dan menjadikan Tarian Singa itu sebagai satu acara di dalam Perayaan Hari Kebangsaan, jika tidak mengapa.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Tidak ada peruntukan dalam undang-undang yang melarang persembahan Tarian Singa untuk mengalu-alukan tetamu kenamaan samada Menteri, Timbalan Menteri, Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Tarian tersebut boleh ditunjukkan oleh orang-orang Cina sebagai satu ciri kesenian tradisi mereka. Prinsip ini adalah sesuai dengan Perlembagaan dan semangat Rukunegara bahawa setiap kaum boleh mengamalkan tradisi Kebudayaan masing-masing.

(b) Soal meluluskan permohonan untuk mengadakan sebarang pertunjukan adalah terletak di tangan pihak polis. Tegasnya segala kebenaran untuk mengadakan sebarang pertunjukan kesenian baik pertunjukan dari orang-orang Melayu, Cina atau India adalah semata-mata terserah kepada pihak Polis.

(c) Berhubung dengan soal ini, sukalah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar kepada prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah begitu lama menjadi panduan kepada perkembangan kebudayaan di negara ini. Dalam proses membina kebudayaan kebangsaan kita, tidaklah semestinya kesemua ciri-ciri tradisi kaum akan diserapkan menjadi ciri-ciri kebangsaan.

Ada tradisi yang hanya dikekalkan sebagai tradisi kaum sahaja dan ada pula yang melampaui batas kaum atau suku yang boleh menjadi ciri umum kebangsaan seperti taat setia kepada Raja dan Negara, Bahasa Kebangsaan, tata susila dan keperibadian kebangsaan dan sebagainya yang benar-benar memberikan identiti Malaysia.

Unsur-unsur luar atau yang bukan pribumi juga boleh diterima asalkan ianya memenuhi kehendak-kehendak Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah ditetapkan. Mana-mana unsur yang tidak merupakan ciri umum akan menjadi ciri Budaya kaum atau kelompok masing-masing sahaja walaupun ianya tradisi pribumi sendiri.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini mengapa Tarian Singa tidak dimasukkan dalam acara-acara perayaan Hari Kebangsaan yang diadakan baru-baru ini dan adakah ini disebabkan bahawa Tarian Singa bukanlah sebahagian dari jenis kebudayaan Malaysia?

Yang kedua, saya ingin tahu mengapa Kerajaan hendak mengambil satu sikap yang melengah-lengah issue ini oleh kerana pada masa yang lepas saya ada bangkitkan hal ini dan saya ada menerima satu jawapan bahawa

Kerajaan akan membuat satu kajian samada Tarian Singa boleh diterima sebagai sebahagian kebudayaan artis Malaysia tetapi sehingga hari ini satu keputusan pun belum dibuat.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab dalam soalan ketiga tadi.

**Tuan Lim Kit Slang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa Tarian Singa sebagai satu tanda mengalu-alukan ketibaan tetamu tokoh-tokoh Kerajaan tidak perlu didapatkan polis permit, di samping itu Tarian Singa untuk mengalu-alukan ketibaan lain-lain orang memerlukan polis permit?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkandung dalam (b) jawapan saya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebudayaan Malaysia adalah berasaskan dan berteraskan kepada kebudayaan pribumi yang tidak semestinya tiap-tiap kaum memaksa atau mencuba menonjol-nonjolkan kebudayaan tradisional mereka supaya diterima sebagai kebudayaan Malaysia? Jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah ketegasan Yang Berhormat Menteri dalam soal kebudayaan Malaysia ini?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan bahawa asas Kebudayaan Nasional kita telah jelas dan telah diterima pada prinsipnya oleh Kerajaan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali perlu dijelaskan dalam Dewan ini, ada tiga prinsip dasar Kebudayaan Kebangsaan kita.

Pertama, teras Kebudayaan Nasional mestilah berasaskan kebudayaan pribumi dan rakyat asal rantau ini.

Yang kedua, kebudayaan asing yang wajar dan sesuai boleh diterima menjadi asas Kebudayaan Nasional.

Yang ketiga, Islam adalah unsur terpenting bagi mewujudkan Kebudayaan Nasional itu.

Jadi berdasarkan tiga prinsip inilah Kerajaan memegang dasarnya dan melaksanakan dasar Kebudayaan Nasional itu dan untuk melaksanakannya pula Kerajaan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan berkenaan dengan kebudayaan dan di antara ahli-ahli yang duduk dalam Majlis itu terdiri daripada semua kaum yang pakar dalam hal kebudayaan ini dan telahpun menyiapkan suatu laporan awal dalam hal ini. Kajian telah dibuat dan Kerajaan telahpun melantik Jawatankuasa Penyelaras bagi melaksanakan dasar ini menurut prinsip-prinsip yang saya terangkan tadi.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak definasi kebudayaan kebangsaan itu ada konflik, tiap-tiap kali kita dengar inilah Kebudayaan Kebangsaan, itulah Kebudayaan Kebangsaan. Bolehkah Kerajaan beritahu apakah sebenarnya Kebudayaan Kebangsaan. Tarian Singa (lion dance) ini tentulah ramai orang di negara kita memikirkan sebagai Kebudayaan Kebangsaan, fasal ini bukan suatu perkara baru, perkara ini sudah beratus-ratus tahun di negara ini ada juga lion dance. Bolehkah Kerajaan menerima lion dance sebagai satu Kebudayaan Kebangsaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat jawapan yang baru diberi tadi sudah meliputi jawapan yang dikehendaki dalam soalan tambahan itu.

**Tuan V. David:** Tetapi definasinya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah juga dijawab tadi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tadi Yang Berhormat Menteri Kebudayaan ada sebutkan kebudayaan bumi yang asal, bolehkah beliau memberitahu kepada Dewan ini apakah pengertian kebudayaan bumi yang asal yang dimaksudkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan kebudayaan bumi, kebudayaan pribumi.

**Tuan Chan Teck Chan:** .....kebudayaan pribumi yang dimaksudkan tadi.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tak silap saya sudah terangkan tadi. Sudah jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah sebabnya tarian-tarian seperti tarian singa dan tarian-tarian kaum lain termasuk orang-orang Asli seperti Kadazan dan Iban tidak disertakan dalam pertunjukan kebudayaan semasa pemimpin-pemimpin luarnegeri datang melawat dengan secara rasmi ke Malaysia.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, jelas diterangkan tadi dasar ini dan Kerajaan sedang mengkaji manakah satu tarian dan sebagainya yang harus dijadikan tarian nasional. Sehingga ini belum lagi Kerajaan menentukan satu yang tetap sebagai tarian nasional kita, tetapi dalam pada itu Kerajaan sedang mengkaji seperti yang saya sebutkan tadi dan Kerajaan telahpun membentuk dua buah badan iaitu sebuah Badan Penasihat dan sebuah Badan Penyelaras.

#### PENUNTUT-PENUNTUT DI YAYASAN PELAJARAN TINGGI

4. **Tuan V. David** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut-penuntut di yayasan-yayasan pelajaran tinggi dan bilangan yang tidak diberi tempat di institusi-institusi tersebut mengikut kaum dan bilangan penuntut mengikut kaum yang sedang belajar di seberang laut. Memandangkan ketiadaan upaya pihak Kerajaan mengadakan tempat-tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi samada Kerajaan akan membenarkan penubuhan Universiti Merdeka yang dicadangkan itu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bilangan penuntut di yayasan pelajaran tinggi sesi 1978/79 adalah seperti berikut:

<i>Institusi</i>	<i>Bumiputra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain</i>	<i>Jumlah</i>
UM .. .. .	3,487	2,775	490	100	6,852
UKM .. .. .	3,926	273	85	—	4,284
UTM .. .. .	2,882	321	58	19	3,280

<i>Institusi</i>	<i>Bumiputra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain</i>	<i>Jumlah</i>
UPM .. ..	2,807	250	84	3	3,144
USM .. ..	1,253	939	145	6	2,343
ITM .. ..	7,574	—	—	—	7,574
KTAR .. ..	83	5,753	399	5	6,240
<b>JUMLAH ..</b>	<b>22,012</b>	<b>10,311</b>	<b>1,261</b>	<b>133</b>	<b>33,717</b>

(b) Bilangan yang tidak mendapat tempat di Yayasan Pelajaran tinggi adalah seperti berikut:

(i) Bagi mengikuti kursus-kursus di universiti yang memerlukan kelayakan masuk STP/HSC.

<i>Bumiputra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
4,362	2,605	538	33	7,538

(ii) Bagi mengikuti kursus-kursus di universiti yang memerlukan kelayakan masuk SPM/MCE.

<i>Bumiputra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
11,823	3,970	619	98	16,510

(iii) Bagi mengikuti kursus di ITM. Jumlah—8,480 (semua bumiputra)

(iv) Bagi mengikuti kursus di Kolej Tunku Abdul Rahman.

<i>Bumiputra</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
37	3,094	222	3	3,356

(c) Bilangan pelajar yang sedang belajar di Seberang Laut dianggarkan berjumlah 35,987 orang. Sungguhpun angka ini tidak 100% tepat oleh kerana kebanyakan daripada penuntut-penuntut persendirian tidak melapur diri di Kedutaan Malaysia di Seberang Laut. Ini terdiri daripada:

<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>
7,690	21,904	5,896	442

(d) Pendirian Kerajaan terhadap Universiti Merdeka telah beberapa kali diterangkan di Dewan yang mulia dan diharap Ahli Yang Berhormat akan merujuk kepada jawapan-jawapan yang lalu.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan ada sebanyak 35,000 pelajar yang belajar di luar negeri. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan atau cadangan bagi membolehkan semua 35,000 pelajar itu masuk di universiti atau kolej di negara kita?

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang kita dapati menunjukkan bahawa 35,000 penuntut-penuntut kita belajar di luar negeri menggambarkan bahawa Kerajaan kita tidak memaksa sesiapa pun

untuk belajar dalam universiti-universiti yang ada di negara ini. Ini juga menunjukkan bahawa tempat-tempat di universiti yang ada sekarang memang tidak mencukupi kalau kita hendak menerima semua mereka yang layak, tetapi kalau kita kaji di seluruh negara di dunia ini pun tidak ada negara yang dapat memberi tempat untuk setiap mereka yang layak untuk belajar di universiti.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu persidangan ini macam mana

pendaftaran pemohon dipilih, mengikut merit atau adakah lain-lain criteria.

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran pemohon dibuat oleh Unit Pusat Universiti di bawah Kementerian Pelajaran dan kelayakan untuk memasuki universiti adalah berdasarkan kepada data-data tertentu yang diperolehi oleh unit-unit tertentu terutama sekali dari segi kecekapan, ketinggian markah lulus dalam HSC/SPM dan bilangan tempat yang ada diperuntukkan oleh universiti-universiti tempatan bagi mereka yang layak.

**Tuan Hishamuddin bin Yahaya:** Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan samada jumlah 35,000 ini terdiri daripada mereka yang telah gagal untuk memasuki institusi tinggi di negara ini ataupun termasuk daripada jumlah mereka yang memang pergi awal semenjak sekolah menengah lagi dan juga mereka yang sengaja belajar ke luar negeri.

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah angka 35,000 lebih ini adalah termasuk mereka yang telah pergi lebih awal sebelum tempat yang ada kita khaskan di universiti-universiti tempatan.

**Tuan V. David:** Adakah satu konsep untuk menerima pemohon masuk di tiap-tiap tempat di universiti mengikut markah dan tidak ada lain-lain criteria?

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, penerimaan masuk ke universiti tempatan—Universiti Malaya, Universiti Pertanian dan Universiti Sains Malaysia adalah berdasarkan kepada keperluan tenaga rakyat, keperluan tenaga pakar yang terdidik yang diperlukan oleh negara dan ini telahpun dirancang oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Timbalan Menteri telah memberi tahu perangkaan berkenaan universiti-universiti mengikut kaum. Saya ingin bertanya khusus berkenaan Universiti Malaya. Adakah perangkaan yang diberikan tadi termasuk mereka di dalam kelas-kelas pre-science, pre-engineering dan yang keduanya adakah juga diambil kira mereka yang mengikut kursus Diploma dan kursus post-graduates.

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini adalah angka-angka yang didapati dari Universiti Malaya yang menunjukkan penuntut-penuntut yang sedang belajar di Universiti Malaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Lee Boon Peng tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Stephen Yong Kuet Tze.

*(Soalan No. 6 Y.B. Datuk Stephen Yong Kuet Tze tidak hadir)*

## MAYAT-MAYAT DI HOSPITAL TAWAU

7. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar terdapat aduan yang meluas tentang perkhidmatan yang perlahan dan tidak cekap di Hospital Tawau yang mengakibatkan ketidakselesaan kepada orang yang ramai dan tempat mayat di hospital tersebut tidak berfungsi dengan betul dan akibat ini mayat-mayat mudah reput dalam beberapa hari sahaja dan sila nyatakan tindakan Kementerian beliau telah ambil mengenai aduan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerana soalan yang ditimbulkan itu tidaklah begitu specific maka Kementerian saya hanya dapat memberikan jawapan secara umum. Dalam beberapa tahun yang lalu Hospital Tawau adalah sebuah hospital yang telahpun menjalankan perkhidmatan yang baik dan licin kepada orang ramai dan tidak ada terima aduan dari orang ramai seperti yang dinyatakan itu. Meskipun begitu Jabatan Perubatan Sabah sentiasa mencuba memperbaiki mutu perkhidmatan setakat yang terdada kepada masyarakat.

Mengenai rumah mayat suka saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerosakan yang berlaku ke atas alat pendingin mayat telah dikesan oleh pihak Hospital Tawau sejak awal bulan Julai 1978

dan tindakan segera telah diminta dari Jurutera Bahagian Jabatan Kerjaraya Tawau meminta beliau membaiki alat pendingin tersebut. Alat pendingin itu telah diperbaiki pada akhir bulan September, 1978.

### RANCANGAN TV MALAYSIA

8. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa segala rancangan TV Malaysia terlampau banyak siaran dari negara-negara barat, seolah-olah sekali pandang macam ditayang di negara-negara barat sahaja. Tidakkah ada rancangan untuk menambahkan siaran yang berbentuk kebangsaan dan lakunan-lakunan dari negara-negara ASEAN dengan cara alih suara ke Bahasa Malaysia.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa rancangan TV Malaysia terlampau banyak menyiarkan siaran dari negara barat kerana lebih daripada 55% rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTM sekarang adalah rancangan-rancangan tempatan dan usaha menambahkan rancangan-rancangan seperti itu sedang dilakukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat matalamat RTM ialah supaya rancangan-rancangan TV mengandungi 60% terbitan tempatan dan 40% rancangan daripada luar negeri.

Mengenai rancangan-rancangan daripada negara-negara ASEAN pula, pihak RTM ada menyiarkan rancangan-rancangan seperti itu dari masa ke semasa tetapi secara yang agak terhad dan ia tidak dapat menaikkan kadar siaran rancangan-rancangan dari negara ASEAN itu oleh kerana negara-negara ASEAN sendiri mempunyai kesulitan menerbitkan rancangan-rancangan yang boleh digunakan untuk siaran oleh RTM. Walau bagaimanapun, sekarang ini TV Malaysia ada menyiarkan rancangan-rancangan daripada Indonesia dan filem-filem daripada Filipina dalam Bahasa Tagalog yang dialih suara ke Bahasa Malaysia. Selain dari itu TV Malaysia juga menyiarkan rancangan-rancangan yang berbentuk muzikal dan rencana dalam rangka penukaran antara bahan-bahan penyiaran dalam Wilayah ASEAN.

### HOSPITAL BESAR SARIKEI

9. **Tuan Edwin anak Tangkun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan akan memperluaskan Hospital Besar Sarikei memandangkan betapa cepat bertambahnya penduduk di kawasan ini, jika ya, bila.

**Tuan Jawan anak Empaling:** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Sarikei yang asal telah siap dalam tahun 1972 dan mengandungi 40 buah katil. Ini telah ditambah lagi kepada 63 buah katil dalam tahun 1972. Dalam Kajian Separuh Penggal, Kementerian telah mengemukakan cadangan sambungan kepada Hospital Sarikei yang mana termasuk sebuah wad mengandungi 36 buah katil, quarters kelas II dan IV. Jika cadangan ini diluluskan pembinaan akan bermula pada pertengahan tahun 1979.

### PINJAMAN YANG DIBERI

10. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perusahaan Awam menjelaskan sejak penubuhan MARA berapa banyakkah pinjaman yang telah diberikan dan berapa banyakkah pinjaman yang terpaksa di "write off".

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhan RIDA pada tahun 1951 dan diikuti dengan MARA pada tahun 1965 jumlah terkumpul pinjaman yang telah dikeluarkan berakhir 31.8.1978 ialah sebanyak \$222,887,798. Pinjaman yang telah dihapuskan (write off) berakhir 31.8.1978 ialah sebanyak \$1,035,149.94.

**Tuan V. David:** Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beri information di Dewan ini, saya ada baca dalam surat khabar tiang-tiang bangunan MARA telah roboh. Bolehkah beri penerangan sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lain daripada soalan asal.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu Dewan ini apakah sebabnya write off sebanyak \$1,035,149.94 terpaksa berlaku?

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berlaku disebabkan beberapa faktor, iaitu kadang-kadang baki pinjaman itu begitu kecil dan dengan baki pinjaman yang kecil itu kalau hendak mengambil tindakan undang-undang melalui mahkamah ia memakan belanja lebih banyak lagi daripada baki pinjaman itu. Selain daripada itu oleh kerana kita tidak dapat menyelidik atau mencari peminjam-peminjam yang berkenaan dan termasuk juga setengah-setengah peminjam yang bankrupt.

**Tuan Lee Kaw:** Saya ingin bertanya, sistem yang diamalkan oleh MARA, berapa lama orang-orang yang pinjaman itu tidak dibayar baru tindakan write off dibuat.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Saya telah menyatakan sejak tahun 1951 hingga sekarang iaitu 31.8.1978, jadi tidak ada jawapan atas soalan itu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya bukan begitu. Yang Berhormat dari Keluang bertanya, berapa lama hutang itu baru dihapuskan.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Ini bergantung kepada keadaan.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi tahu oleh kerana beliau sendiri mengaku bahawa write off itu terpaksa dibuat kerana peminjam-peminjam itu tidak boleh diketahui di mana mereka tinggal dan ada juga beberapa sebab lain, jadi, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan bahawa kawalan yang rapi dijalankan oleh pihak Kementerian supaya jangan terhilang peminjam-peminjam itu sehinggakan pihak Kementerian tidak dapat mencari orang itu.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, dengan penyusunan semula MARA baru-baru ini, kita telah melengkapkan cara-cara untuk mengambil balik pinjaman-pinjaman itu, misalnya kita sedang melaksanakan satu konsep yang dinamakan konsep supervised credit dan juga selain daripada itu, kita akan mempesatkan kegiatan-kegiatan kawalan credit.

## PENGIRING MOTOSIKAL POLIS

**11. Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang satu kemalangan yang melibatkan seorang pengiring motosikal Polis dengan seorang pelajar yang berlaku di Pulau Pinang pada 4hb Ogos, 1978; jika ya, nyatakan hasil siasatan dalam perkara ini;
- (b) berkaitan dengan insiden ini Ketua Polis Negara telah mengarah supaya diadakan satu siasatan dalam perkara mengoyak kenyataan yang diambil dari seorang saksi dalam kemalangan dan nyatakan hasil siasatan dalam perkara ini;
- (c) siapakah orang-orang kenamaan yang berhak mendapatkan pengiring motosikal; dan
- (d) memandang kepada bahaya kepada orang ramai disebabkan oleh pengiring-pengiring motosikal ini, apakah Kerajaan sedia menghentikan penggunaan pengiring-pengiring motosikal untuk orang-orang kenamaan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, saya sedar. Siasatan telahpun dijalankan dan perkara ini adalah di dalam tangan Timbalan Pendakwa Raya, Pulau Pinang.
- (b) Kejadian itu telah disiasat dan perkara ini juga dikemukakan kepada Penolong Pendakwa Raya Pulau Pinang dan beliau telah berpendapat tiada terbukti sebarang kes yang hendak dibawa ke hadapan.
- (c) Siapakah orang-orang kenamaan yang berhak. Ini adalah ditentukan, Tuan Yang di-Pertua, oleh Persidangan Majlis Raja-Raja dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dan senarainya adalah seperti berikut:

1. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan

Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.

2. Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Pemangku Raja.
3. Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan, Sultanah dan Tengku Ampuan serta isteri-isteri Pemangku Raja.
4. Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan isteri-isteri mereka.
5. Wakil-wakil kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan/Wakil-wakil Tuan Yang Terutama Yang di Pertua Negeri.
6. Raja Muda/Pengerusi Jemaah Pemangku Raja (Council of Regency)
7. Menteri yang dilantik sebagai Wakil Perdana Menteri di dalam mana-mana upacara rasmi.
8. Undang Yang Empat (Negeri Sembilan).

Selain daripada pengiring-pengiring motosikal Polis juga diberikan kepada Tetamu-tetamu Negara yang ditentukan.

- (d) Saya hendak mengatakan di sini, tidak benar sama sekali apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong bahawa pengiring-pengiring motosikal Polis ini membahayakan orang ramai bahkan sebaliknya iaitu untuk menjaga keselamatan dan memelihara supaya perjalanan tetamu kita atau siapa-siapa yang dikawal itu adalah dilakukan dengan lancar dan juga perkara ini digunakan sebagai pengawalan kehormatan. Bagi pihak Kerajaan tidaklah ada cadangan untuk menghentikan tugas outriders ini kerana mereka mempunyai satu tanggungjawab yang penting.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan (a) dan (b) adalah terpulang kepada Timbalan Pendakwa Raya dan untuk (b) tidak ada asas untuk mendakwa pegawai yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu selain daripada tindakan dari sisi undang-undang, apakah tindakan tatatertib yang akan atau yang telah

diambil terhadap pegawai iaitu seorang Inspector yang telah dituduh ia mengoyak statement yang dibuat oleh seorang "eye witness" kepadanya iaitu statement yang pertama yang dibuat senama dengan seorang peguam iaitu Sam Ganapathy dan selepas itu statement kedua yang juga dibuat oleh saksi itu kerana diminta oleh pihak polis dan bukannya dengan sendiri.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil yang paling tinggi di sisi polis itu dibawa perkara ini kepada DPP, jadi tidaklah ada lagi rasanya langkah yang akan dibuat.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya meminta Yang Berhormat Menteri samada selain dari sisi undang-undang adakah tindakan diambil kerana Yang Berhormat sendiri kata pegawai itu tidak akan dibawa ke Mahkamah. Jadi, apakah tindakan dari segi tatatertib Jabatan yang pihak polis atau Kementerian beliau sendiri akan mengambil terhadap orang ini supaya tidak berlaku perkara semacam ini pada masa yang akan datang.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi kalau letak dengan DPP itu letaklah di sini.

**Tuan Lee Kaw:** Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah outrider yang eskot VIP dalam bandar mengikut 30 batu satu jam atau ia ada hak istimewa. Kita tengok dalam bandar-bandar Kluang outrider ini sangat laju. Sebab itulah patutlah awas pada orang ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin pada waktu itu jalan tengah lengang.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, perjalanan ini mestilah mengikut keadaan yang dikehendaki. Kalau sekiranya kita hendak laju, sebab ada sebab-sebab yang tertentu, itulah digunakan outrider itu untuk menguakkan jalan supaya dapat kereta tetamu kita itu atau yang dimaksudkan itu dapat berjalan dengan lancar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada masa traffic jam 10 outriders pun tidak ada gunanya (*Ketawa*).

**Tuan Lee Kaw:** Tetapi adakah dikehendaki mengikut laju 30 batu satu jam, itu yang mustahak.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Mengikut keadaan yang dikehendaki seperti saya katakan. Kalau 60 batu satu jam sebab kita hendak membawa Perdana Menteri daripada satu tempat ke satu tempat, kita jalan 60 batu satu jam (*Ketawa*).

## RANCANGAN PENYELESAIAN TANAH KELANTAN

**12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar tentang kelambatan penyelesaian tanah-tanah rakyat oleh Rancangan Penyelesaian Tanah (Kelantan) menyebabkan tanah-tanah dalam kawasan tersebut beku dan tidak dapat diadakan urusan niaga serta dimajukan hampir lapan tahun dan hingga ke saat ini pun belum diselesaikan lagi; dan
- (b) bolehkah pihak berkenaan mengeluarkan hakmilik (Q.T.) sementara selepas tanah tersebut dibicara dan ditentukan hakmiliknya supaya perkara yang tersebut itu tidak berlaku.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar akan kelambatan penyelesaian tanah-tanah rakyat di dalam rancangan yang dikenali sebagai Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan. Saya juga sedar iaitu selagi penyelesaian rancangan bagi satu-satu kawasan atau jajahan tidak selesai maka tanah-tanah dalam kawasan atau jajahan itu akan terbeku dan urusan niaga tanah itu tidak boleh dijalankan. Rancangan Penyelesaian Tanah ini dijalankan supaya semua tanah-tanah milik diukur dan ditentukan sempadan-sempadannya dan hakmilik-hakmilik tuan punya disahkan dengan tujuan hendak menggantikan surat-surat keterangan tanah lama yang tidak terang dan tidak dapat

menentukan dengan nyata tanah yang disebutkan di dalam surat keterangan.

Tindakan sedang diambil untuk mempercepatkan kerja-kerja menentukan sempadan dari segi "computation dan Jabatan Ukur sudah pun membeli 2 "mini computer" dan menambah 35 bilangan jawatan. Semenjak Rancangan Penyelesaian Tanah ini dimulakan 23 tahun dahulu, sebanyak lebih kurang 260,000 lot telah diselesaikan, hanya lebih kurang 45,000 lot lagi yang telah diwartakan yang belum ditentukan sempadan dan diselesaikan.

Memandangkan kepada jumlah lot yang terlibat dan jenis kerja yang perlu dibuat kemajuan yang dicapai setakat ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang mengambil langkah-langkah konkrit untuk mempercepatkan lagi perjalanan urusan penyelesaian. Pihak Kementerian tidak mencadangkan untuk mengeluarkan hakmilik sementara kerana:

- (1) Hakmilik sementara di bawah Kanun Tanah Negara bermakna hakmilik tersebut tidak boleh disangkal lagi sungguhpun pengukuran muktamat belum ditentukan.
- (2) Dari segi pentadbiran pula pengeluaran hakmilik sementara bagi kerja yang berlebihan ke atas Pejabat-pejabat Tanah yang boleh jadi membazir kerana hakmilik kekal mungkin akan dikeluarkan terdahulu daripada hakmilik sementara ini.

Kementerian berpendapat cara yang lebih baik dari mengeluarkan hakmilik sementara ialah dengan:

- (1) Pindaan ke atas Seksyen 3 (a) dalam Ordinan Penyelesaian Tanah Kelantan.
- (2) Pindaan ke atas Peraturan 15 (4) dalam Peraturan-peraturan Penyelesaian Tanah Kelantan 1956.
- (3) Memindahkan masa rayuan.
- (4) Tambahan pembelian mini computer.
- (5) Menambahkan kakitangan terlatih. Tindakan-tindakan ini sedang dibuat.

## VIETNAM DAN ASEAN

13. **Tuan Hashim bin Endut** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh sebab Kerajaan Vietnam baru-baru ini telah memperakui bahawa Kerajaannya telah pun melafazkan persetujuannya kepada konsep mewujudkan suatu rantau yang aman, bebas dan berkecuali yang dicadangkan oleh negara-negara ASEAN samada negara-negara ASEAN akan mengundang Vietnam untuk menjadi ahli ASEAN.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, rundingan pegawai-pegawai Kementerian saya dengan Timbalan Menteri Luar Negeri Vietnam pada bulan Julai lepas adalah berhasil. Encik Phan Hien, Timbalan Menteri Luar Negeri Vietnam telah menyatakan kesediaan Vietnam untuk berbincang dengan Malaysia serta negara-negara ASEAN lainnya mengenai cadangan Rantau Aman.

Soal keanggotaan Vietnam dan ASEAN biasanya dibincangkan oleh semua negara-negara anggota.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Kerajaan memberitahu samada Perdana Menteri Malaysia bagi pihak Kerajaan Malaysia telah mengadakan perbincangan atas kemasukan Vietnam dalam ASEAN semasa Perdana Menteri Tuan Pham Van Dong melawat Malaysia baru-baru ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan soal keanggotaan. Jadi soal perbincangan itu tidak timbul.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya tanya tadi adalah samada dalam perbincangan di antara Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Vietnam perkara kemasukan ini telah ditimbul dan dibincangkan dan apakah hasil daripada perbincangan itu, bukan samada permohonan ada atau tidak.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

## POTFOLIO HAL EHWAL BANDAR

14. **Dr Chen Man Hin** meminta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa

potfolio baru ditubuhkan khas untuk Wilayah Persekutuan dan oleh kerana masalah-masalah bandar juga terdapat di bandar-bandar yang lain, samada potfolio tersebut boleh meliputi semua kawasan-kawasan bandar dan dinamakan semua sebagai potfolio untuk hal ehwal bandar.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menubuhkan sebuah Kementerian khas bagi Wilayah Persekutuan, memandangkan perlunya perhatian penuh diberikan kepada Wilayah Persekutuan yang menjadi Ibu Negara.

Sebagai Ibu Negara, Wilayah Persekutuan menjadi pusat tumpuan semua aktiviti-aktiviti pemerintahan, pentadbiran dan politik, serta juga aktiviti-aktiviti perdagangan, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran. Ia juga menjadi tumpuan orang-orang luar negeri dan menjadi pusat konvensyen antarabangsa. Wilayah Persekutuan sedang pesat membangun, dan juga mempunyai kepadatan penduduk yang paling ramai. Jumlah penduduknya sekarang dianggarkan hampir satu juta, dan dijangka akan meningkat dengan pesat dalam beberapa tahun yang akan datang.

Oleh yang demikian, Wilayah Persekutuan menghadapi berbagai-bagai masalah dan kerumitan yang harus diselaras dan diuruskan oleh sebuah Kementerian yang boleh menumpukan usaha dan perhatiannya bagi maksud itu.

Selain daripada menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi pada masa sekarang, Wilayah Persekutuan perlu juga mempunyai perancangan masa hadapan, bukan sahaja untuk menampung keperluan penduduk-penduduk yang kian bertambah, tetapi juga untuk menjadikannya sebagai Ibu Negara yang lebih moden dan lengkap, terutama sekali sebagai pusat pemerintahan dan perdagangan.

Atas sebab-sebab itulah, maka saya telah menubuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Berhubung dengan masalah-masalah perbandaran di bandar-bandar lain, sukalah saya menjelaskan iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam senarai perundangan (Legislative Lists) dalam Perlembagaan

Persekutuan, kuasa berkenaan dengannya adalah kepunyaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, tidaklah perlu bagi saya mengubah potfolio Kementerian Wilayah Persekutuan supaya meliputi semua kawasan-kawasan bandar.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada lain-lain undang-undang untuk bandar-bandar di negeri-negeri lain tetapi masalah-masalah bandar ialah serupa dengan masalah di Wilayah Persekutuan dan masalah yang asas seperti setinggan-setinggan dan lain-lain adalah di seluruh Malaysia. Sebab itu saya mahu tanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehkah dia tukar potfolio ini kepada Kementerian Perbandaran untuk mengatasi masalah-masalah asas?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab mengikut Perlembagaan iaitu perbandaran-perbandaran seumpama itu di bawah kuasa negeri.

**Dr Chen Man Hin:** Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk penyelarasan atau co-ordination.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendaklah dipinda dahulu Perlembagaan, baru boleh.

## PARTI POLITIK PERKAUMAN

15. **Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa satu-satunya halangan besar pada mencapai perpaduan di antara rakyat Malaysia ialah kerana ujudnya parti politik perkauman yang menimbulkan syak wasangka. Jika sedar, adakah beliau akan mengharamkan semua parti politik perkauman seperti itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, parti-parti politik yang dianggotai oleh sesuatu kaum dengan sendirinya tidaklah menghalang perpaduan negara. Sejarah negara membuktikan bahawa orang-orang Melayu, China, India dan lain-lain keturunan telah dapat hidup dengan aman serta bersatu-padu sejak kemerdekaan.

Apa yang menghalang usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk perpaduan ialah

timbulnya sentimen-sentimen perkauman akibat tindakan-tindakan parti-parti politik tertentu yang membangkitkan issue-issue perkauman. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh nampaknya sengaja tidak mahu memahami sejarah tentang peranan yang telah dimainkan oleh parti-parti di dalam Parti Perikatan, bagi menyatukan tenaga semua kaum di negara ini, untuk mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Usaha bagi memupuk perpaduan ini telah diperluaskan lagi melalui Parti Barisan Nasional.

Di samping itu ada parti yang mendakwa ianya sebagai parti perpaduan dan berbilang kaum, seperti DAP. Tetapi yang sebenarnya parti itu mempunyai fahaman dan pandangan perkauman yang sempit (*Tepuk*) dan menimbulkan syak wasangka di kalangan kaum-kaum di negara ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan parti-parti politik yang dianggotai oleh sesuatu kaum sahaja.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sengaja mahu ungkit dan cucuk pihak DAP. Kami tidak menerima pandangan itu. Tetapi ingin saya tahu dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri samada benar atau tidak bahawa parti-parti perkauman yang ujud dalam negara ini adalah Parti UMNO, MCA dan MIC, yang masing-masing mewakili satu-satu kaum. Samada sedar atau tidak sedar. Dan Parti DAP bukanlah satu parti yang mempunyai fahaman dan pandangan perkauman yang sempit sepertimana yang dituduh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini pun sudah ada dalam jawapan awal tadi. Ketiga-tiga parti yang tersebut pada mula itulah yang memerdekakan negara ini. Sudah disebutkan tadi (*Tepuk*).

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** (Kepada Tuan P. Patto) Duduk dahulu! Perkara yang sudah dijawab; jangan disoal lagi.

**Tuan P. Patto:** Ini soalan tambahan, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang belum dijawab. Yang sudah dijawab buat apa ditanya lagi.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan ini belum dijawab, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah!

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 6 adalah diberi di bawah ini)*

### PELABUR-PELABUR TEMPATAN

5. **Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk menarik lebih banyak lagi pelabur dalam negeri memandangkan pelabur-pelabur tempatan adalah dijangka akan menyumbangkan sebahagian besar daripada jumlah pelabur swasta yang berjumlah \$26.8 billion dan pelabur asing akan menyumbang sebanyak 14%.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk menggalakkan lebih banyak pelabur-pelabur tempatan untuk melabur dalam negara ini. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menganjur seminar pelaburan bagi pelabur-pelabur tempatan pada peringkat negeri dan wilayah dengan kerjasama pihak berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dalam beberapa negeri di Malaysia. Tujuan seminar-seminar ini ialah untuk menerangkan kepada pelabur-pelabur tempatan tentang peluang-peluang pelaburan yang terdapat dalam negara ini serta berbagai galakan-galakan, kemudahan dan bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan untuk membantu pelabur-pelabur dan menubuhkan projek-projek perindustrian dalam negara ini.
- (ii) FIDA menguruskan kajian-kajian projek, kajian-kajian feasibiliti, laporan menyelidikan dan kajian pasaran dengan tujuan untuk membantu pelabur-pelabur tempatan dalam mengesan projek-projek yang 'viable'.

FIDA juga membantu pelabur-pelabur ini untuk mendapatkan rakan usahasama asing dalam penyertaan usahasama.

- (iii) FIDA telah menubuhkan tujuh pejabat wilayah di beberapa negeri-negeri di Malaysia khusus bertujuan untuk menghubungi pelabur-pelabur tempatan dan menggalakkan mereka untuk menceburi sektor perkilangan.
- (iv) Pada umumnya, FIDA sedang meluaskan dan mempergiatkan kegiatan-kegiatannya untuk mengesan bakal-bakal pelabur tempatan dan untuk menggalakkan mereka supaya menimbankan kegiatan perkilangan.

### MINYAK SUPERSHELL

6. **Datuk Stephen Yong Kuet Tze** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa kos satu gelen minyak petrol Supershell di Miri (sebuah kawasan pengeluaran minyak) lebih 5 sen dari yang dijual di Kuching.

**Dato' Lew Sip Hon:** Saya sedar bahawa harga satu gelen minyak Supershell di Miri adalah lebih 5 sen daripada yang terdapat di Kuching, Sarawak.

Suka saya menyatakan di sini bahawa soalan yang serupa ini telah pernah di kemukakan di dalam Dewan Perundangan Negeri Sarawak. Saya telah dimaklumkan bahawa jawapan yang telah diberi dalam Dewan itu adalah perbezaan ini berlaku disebabkan "supply economies" dan keadaan di Sarawak pada keseluruhannya. Ini adalah kerana Syarikat Shell sahaja yang mempunyai kilang penapis minyak di Lutong, sementara Syarikat Esso tidak. Memandangkan dari segi 'supply economies', Syarikat Shell boleh memberi harga rendah daripada yang terdapat di Kuching. Sebaliknya pula, Syarikat Esso yang membawa bekalan dari Singapura tidak mungkin menurunkan harganya kerana 'supply economies'nya adalah ex-Kuching. Disamping itu, minyak mentah yang ditapisikan oleh Syarikat Shell ialah minyak tempatan, manakala Syarikat Esso mengimpot minyak mentahnya dari Timur Tengah. Memandangkan kepada keadaan ini, jika Syarikat Shell mengurangkan harganya di

Miri dan lain-lain bandar di Sarawak seperti yang terdapat di Kuching sekarang, satu keadaan akan berlaku di mana semua penduduk di Sarawak akan menumpu pembelian minyak Supershell daripada Stesyen-stesyen Shell sahaja. Oleh itu, Syarikat Shell akan menghadapi 'storage problem' di tiap-tiap setesyen minyaknya dan disamping itu juga, Syarikat Shell sahaja tidak berkemampuan menampung keperluan penduduk di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, tanggungjawab menetapkan harga barang-barang petroleum di Sarawak adalah terletak di tangan Kerajaan Negeri. Kementerian saya tidak mengambil bahagian di dalam perbincangan dengan syarikat-syarikat minyak di dalam menetapkan harga minyak di Sarawak. Ini adalah kerana masalah-masalah yang dialami di Sarawak adalah berlainan dengan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Apa yang dilakukan oleh Kementerian saya hanyalah memberi garis-garis panduan kepada Kerajaan Negeri itu.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 telah dibacakan kali yang kedua dan Usul Anggaran Pembangunan, 1979 dipersetujui dan sebaik-baik sahaja lepas itu, Dewan ini ditangguhkan kepada hari Selasa 14hb November, 1978 jam 2.30 petang.

**Dato' Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan

ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 telah dibacakan kali yang kedua dan Usul Anggaran Pembangunan, 1979 dipersetujui dan sebaik-baik sahaja lepas itu, Dewan ini ditangguhkan kepada hari Selasa 14hb November, 1978 jam 2.30 petang.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (7hb November, 1978).

DAN

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (7hb November, 1978).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk memberikan jawapannya.

3.35 ptg.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa perbincangan ke atas Rang

Undang-undang Perbekalan 1979 dijalankan, beberapa perkara yang jatuh di bawah tugas dan tanggungjawab Kementerian saya telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya akan cuba dengan sedaya upaya saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perlombongan dan tanah runtuh (landslide) dan berganjak (cave-in). Kejadian mati lemas ke atas kanak-kanak yang mandi atau bermain di lombong-lombong telahpun dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini. Sukalah saya terangkan di sini sekali lagi bahawa di mana terdapat kegiatan-kegiatan melombong, kita tidak dapat elak dari adanya kolam-kolam lombong yang tidak ditimbus sepenuhnya. Ini disebabkan samada kolam-kolam tersebut akan digunakan sebagai kawasan hampas pada satu masa kelak ataupun sebagai takungan simpanan air. Bagi tiap-tiap satu operasi perlombongan akan terdapat ciri-ciri di mana apabila sesuatu lombong ditimbus, yang lainnya akan dikorek dan ini akan berterusan jika perusahaan perlombongan hendak dikekalkan di negara kita. Kejadian ini tidak dapat dielakkan dan di sini timbullah pula peranan ibu bapa di dalam menasihatkan anak-anak mereka tentang bahayanya bermain atau mandi di lombong dan mereka dilarang dari melakukannya.

Bekenaan dengan kejadian tanah berganjak atau 'cave-in' sukalah saya terlebih dahulu menegaskan di sini bahawa kejadian-kejadian ini bukanlah merupakan tanggungjawab Kementerian saya ataupun ianya semestinya ada berkaitan dengan perusahaan perlombongan. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa asas atau 'foundation' tanah di negara kita adalah sebahagian besarnya terdiri daripada batu kapur (limestone) dan memanglah menjadi satu kelaziman bagi tanah-tanah yang mempunyai ciri-ciri 'karstic' ini mengalami kejadian 'cave-in'. Ini adalah disebabkan sifat semula jadi batu kapur yang akan mudah hancur dan larut akibat reaksi kimia apabila kena air. Apabila batu-batu kapur yang menjadi asas ini hancur dan tidak dapat menampung tanah yang di atasinya, maka kejadian 'cave-in' atau tanah berganjak tidak dapat dielakkan. Kerap kali juga ianya

berlaku tanpa apa-apa kaitan dengan perusahaan perlombongan. Kejadian 'cave-in' di Mambang di Awan dekat Kampar, Perak baru-baru ini merupakan satu contoh yang amat tepat.

Menyentuh tentang kejadian tanah berganjak di Jinjang, suka saya jelaskan di sini bahawa kawasan tersebut adalah terletak di atas tanah dara dan dari kegiatan perlombongan berhampiran perkampungan tersebut dapatlah diputuskan bahawa ianya mempunyai asas batu kapur. Walaupun demikian, tanahnya mempunyai komposisi selut keras dan stabil, dan jarak paling dekat permukaan lombong berhampiran dengan rumah-rumah yang ada ialah 109 kaki. Setelah kajian lanjut dijalankan oleh Jabatan Galian, keputusan telah dibuat supaya sebagai satu langkah segera, perlombongan tidak dibenarkan di kawasan yang berhadapan dengan perkampungan tersebut dan walaupun kawasan tersebut stabil, pihak lombong tersebut telah mengambil langkah untuk menimbus lobang yang ada sekarang dengan hampas-hampas dari lombong yang berdekatan untuk memastikan yang keadaan muka lombong berkenaan tidak membahayakan. Kajian tersebut juga menampakkan bahawa terdapat satu 'fault line' yang merentangi kawasan tersebut yang boleh menyebabkan perubahan tanah dan mengakibatkan keretakan dinding dan lantai. Asas batu kapur kawasan tersebut juga berkemungkinan besar berlarut (dissolve) disebabkan anak sungai bawah tanah. Perkara-perkara ini boleh menyebabkan punca tanah berganjak atau keretakan dinding dan lantai di kawasan tersebut.

Berhubungan dengan perkara ini Jabatan Penyiasatan Kajibumi juga telah menjalankan ujian ke atas keretakan dinding dan lantai di kawasan tersebut dan dari tempoh masa ianya dibuat, iaitu dalam bulan Februari 1978 hingga 4hb November, 1978, tidak terdapat sebarang bukti bahawa kejadian keretakan itu berterusan atau berlaku lagi, sebagaimana yang dikatakan.

Kejadian tanah runtuh disebabkan di sebahagian muka lombong dekat Jinjang Utara pada hari Ahad 20hb Oktober, adalah disebabkan oleh hujan yang lebat pada hari ini yang mengakibatkan air dari parit yang selari

dengan permukaan lombong tersebut melimpah dan menghakis muka lombong tersebut. Muka lombong tersebut masih lagi stabil walaupun kejadian tersebut berlaku. Langkah-langkah memperbaiki keadaan telah diambil dengan mengubah buat sementara waktu haluan parit berkenaan ke satu kolam lombong yang lama yang kini digunakan sebagai kawasan hampas. Di samping membina semula tebing parit itu, kerja-kerja piling juga dilakukan. Sebaik sahaja parit yang ada itu diperbaiki, penimbusan akan dibuat di kaki muka lombong tersebut dan penimbusan hidraulik akan dilakukan ke atas muka lombong itu untuk penstabilan yang berkekalan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa mengikuti dan mengambil berat tentang kejadian-kejadian seperti ini bukan sahaja di Jinjang, malah juga bagi seluruh negara. Justru itu, saya telah mengarahkan Merinyu-merinyu Galian dan pihak pengurus lombong-lombong supaya terus lebih berjaga-jaga dan mengawasi segala pergerakan benteng-benteng dan tanah-tanah perlombongan untuk mengurangkan, jika tidak dapat mengelakkan sama sekali, kejadian-kejadian tanah runtuh pada setiap masa, lebih-lebih lagi di musim tengkujuh sekarang ini. Walaupun pihak perusahaan perlombongan telah dapat mengurangkan kemalangan-kemalangan yang berlaku di lombong-lombong pada tahun ini, mereka tidak semestinya berpuas hati tetapi sebaliknya berusaha lebih kuat lagi untuk meningkatkan mutu keselamatan di lombong-lombong mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyakit yang telah menimpa ke atas beribu-ribu pokok getah pekebun-pekebun kecil di kawasan Ulu Muda sukalah saya menjelaskan di sini bahawa menurut kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pihak Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) penyakit yang dimaksudkan itu ialah jenis penyakit 'luruhan daun' yang disebabkan oleh sejenis kulat yang diberi nama 'phytophthora'. Penyakit luruhan daun ini biasanya berlaku pada tiap-tiap tahun di musim hujan di negeri-negeri Kedah, Perlis dan sebahagian kecil di Utara Perak dan Kelantan.

Pihak RRI telahpun menjalankan penyelidikan yang mendalam untuk mengawal penyakit ini dan ubat kulat yang sesuai dan

'efektif' telahpun didapati masalah yang dihadapi sekarang iaitu untuk mendapatkan alat penyembor yang sesuai dan berpatutan harganya. Sehingga pada masa ini satu alat penyembor yang dinamakan 'fagging machine' adalah merupakan alat yang sesuai dan berkesan bagi mengawal penyakit ini. Selain daripada itu pihak RRI juga sentiasa mengawasi perkembangan penyakit ini di tempat-tempat yang terlibat dan berusaha mengatasinya dengan kerjasama pihak RISDA dan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti FELDA dan FELCRA.

Menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Pagoh yang mahukan supaya keanggotaan ANRPC diperbesar lagi supaya ia boleh memainkan peranan yang lebih berkesan lagi di dalam menentukan harga getah, seperti OPEC yang begitu berpengaruh di dalam menentukan harga minyak.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini, bahawa tujuan ANCRPC ditubuhkan adalah untuk mengstabilkan harga getah supaya kedua-dua pihak iaitu negara-negara pengeluar dan pengguna dapat menerima faedahnya. Perjanjian penstabilan harga getah diperingkat ANRPC ditan-datangani adalah bertujuan untuk mengstabilkan harga getah dan bukannya sebagai 'price hike'. Dalam hal ini usaha untuk mencapai satu perjanjian bagi menstabilkan harga getah dengan penyertaan negara-negara pengeluaran dan pengguna adalah sedang dalam peringkat perundingan di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perdagangan dan pembangunan (UNCTAD). Adalah diharapkan perjanjian tersebut akan dicapai tidak berapa lama lagi dan akan dapat membantu mengstabilkan harga getah asli.

Dari segi keanggotaan ANRPC, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ANRPC telah ditubuhkan pada tahun 1970, dengan dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Thailand, Sri Lanka, Singapura dan Vietnam Selatan. Kemudian pada tahun 1975, India dan Papua New Guinea pula telah menjadi ahli ANRPC dan pada tahun ini Republik Social Vietnam pula telah turut serta menjadi ahli ANRPC.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Padang Rengas telah membangkitkan soal kurangnya sambutan daripada pihak swasta untuk membina kilang-kilang bagi memproses reja-reja kayu di beberapa tempat di negeri Perak. Sebenarnya sambutan pihak swasta untuk membina kilang-kilang bagi memproses reja-reja kayu setakat ini masih kurang menggalakkan bukan sahaja di negeri Perak tetapi juga di seluruh Semenanjung Malaysia. Sambutan yang dingin daripada pihak swasta mengenai perkara ini adalah kerana:

- (i) Bekalan reja-reja kayu yang utama adalah didapati daripada kilang-kilang papan dan papan lapis yang kedudukannya adalah berselerak. Oleh itu adalah tidak ekonomik untuk mengumpulkan reja-reja kayu tersebut daripada kilang-kilang papan dan papan lapis untuk dibawa ke kilang memprosesnya, dan ini akan mempengaruhi bekalan bahan mentah ke kilang tersebut;
- (ii) Penubuhan kilang bagi memproses reja-reja kayu ini memerlukan penanaman modal yang banyak umpamanya kilang Kiko Chipboard di Kuantan dengan daya pengeluaran lebih kurang 10,000 meter padu 'papan serpai' setahun memerlukan perbelanjaan kira-kira sejumlah \$15 juta.
- (iii) Pasaran bagi hasil-hasil pengeluaran daripada kilang-kilang memproses reja-reja kayu juga adalah terbatas kepada pasaran di luar negeri sahaja kerana negara kita belum lagi berkemampuan untuk menggunakan bahan-bahan tersebut secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya sedang mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah pembaziran reja-reja kayu ini dengan menggalakkan perusahaan kilang papan serpai dan papan gentian kayu 'chipboard' dan 'fibreboard' secara usahasama dengan negara-negara yang dapat membantu bukan sahaja dari segi penanaman modal, jaminan hasil pengeluaran tersebut bahkan juga dari segi bantuan teknik dalam proses pengeluaran. Kementerian saya juga

sentiasa memberikan galakan atas penubuhan kilang-kilang memproses kayu yang bercorak 'secondary/tertiary' dengan menggunakan hasil pengeluaran daripada kilang kayu utama dan adalah diharapkan dengan cara ini akan dapat mengurangkan pembaziran ke atas reja-reja kayu.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga telah membangkitkan masalah pembukaan kawasan hutan yang berleluasa dan ini mungkin akan mengganggu kawasan tadahan hujan. Seterusnya Ahli Yang Berhormat meminta Kerajaan supaya menetapkan syarat-syarat tertentu untuk tujuan pembukaan kawasan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya nyatakan di sini, di dalam Persidangan Keempat Majlis Perhutanan Negara yang di adakan baru-baru ini satu Dasar Perhutanan Negara telahpun dipersetujui untuk dilaksanakan di peringkat Persekutuan. Dasar ini adalah bertujuan untuk mengujudkan kerjasama yang erat di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan supaya dapat diujudkan pengurusan perhutanan yang teratur dan berkesan serta penggunaan khazanah negara dengan bijak, sejajar dengan keperluan negara yang sedang membangun.

Di antara lain Dasar Perhutanan Negara ini, telah mengisytiharkan tanah-tanah yang cukup luas serta sempurna atau sesuai kedudukannya (strategically located) di seluruh negara mengikut cara penggunaan tanah yang baik untuk menjamin:

- (i) Iklim dan rupa buminya sempurna, bekalan air yang bersih, kesuburan tanah dan keadaan alam sekitar yang memuaskan supaya akibat banjir dan hakisan tanah dapat dikurangkan. Kawasan hutan ini dinamakan 'Hutan Perlindungan.'
- (ii) Pengeluaran semua jenis keluaran hutan dalam negara dengan cara yang berpanjangan serta dengan kadar yang berpatutan untuk pertanian, kegunaan tempatan dan eksport. Kawasan hutan ini dinamakan sebagai 'Hutan Berhasil'.

(iii) Kawasan-kawasan yang cukup bagi tujuan beristirahat, menjalankan penyelidikan serta pendidikan dan memelihara tumbuhan-tumbuhan dan mergastua. Kawasan hutan ini dinamakan 'Hutan Lipur'.

Di samping matlamat-matlamat tersebut melalui Dasar Perhutanan Negara juga, Kerajaan Persekutuan adalah bertujuan untuk menjalankan pengurusan kawasan hutan simpan kekal dengan sempurna serta melaksanakan usaha-usaha pembangunan, pemulihan dan menghutan semula supaya dapat memberi munafaat-munafaat dari segi sosial, ekonomi dan kestabilan alam sekitar fizikal.

Menyentuh teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Pedas yang mahukan Kerajaan Persekutuan supaya memberi pertimbangan yang segera terhadap cadangan galakan cukai, bagi penanaman semula hutan (Reforestation incentive).

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkara ini adalah sedang di dalam pertimbangan agensi-agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan. Tindakan seterusnya akan diambil sebaik-baik sahaja ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan daripada agensi-agensi dan Jabatan-jabatan yang berkenaan diterima.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya saya tidak dapat menyentuh semua perkara yang telah dibangkitkan itu Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian.

3.55 ptg.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil minat terhadap perkembangan pertanian dalam perbincangan

dasar Belanjawan untuk tahun 1979. Sungguhpun perkembangan pertanian pada keseluruhannya adalah memuaskan tetapi Kerajaan kita telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk menggubal Dasar Pertanian Negara dan kerja-kerja sedang giat dijalankan untuk melahirkan dasar itu.

Dalam masa yang tidak lama lagi adalah dijangkakan Kerajaan dapat mengemukakan Dasar Pertanian itu. Kerajaan adalah sangat mengambil berat untuk mewujudkan dasar ini dalam konteks pembangunan negara sekarang memandangkan perkembangan pertanian kita kebanyakannya masih lagi berasaskan kepada cara lama. Dengan adanya satu dasar itu maka kita dapatlah merangka tapak perjuangan dalam bidang pertanian moden samada dari segi jangka pendek ataupun jangka panjang dalam bidang domestic-oriented crops ataupun export-oriented crops dan juga dari segi kegunaan family hinggalah kepada rancangan pertanian sebagai pekerjaan yang tetap.

Dasar Pertanian ini digubal bukan sahaja terhad kepada tanaman pertanian untuk makanan atau pertanian untuk perusahaan tetapi juga meliputi bidang hasil-mahsul laut (marine products) dan juga ternakan haiwan. Dengan data-data yang diperolehi nanti maka dapatlah kita menyusun semula program pertanian untuk masa depan, lebih-lebih lagi sekarang ini kita memasuki zaman sains dan teknologi yang semuanya ini mempunyai pengaruh masing-masing kepada perusahaan pertanian dan kaum tani, lebih-lebih lagi petani-petani kecil samada dari segi produksinya ataupun kosnya.

Perusahaan pertanian ini berlainan sekali daripada perusahaan elektronik. Misalnya kilang-kilang jentera, apa-apa formula produksinya diperolehi maka kerja-kerja berjalan secara sistematik tetapi perusahaan pertanian ini adalah terlalu exposed kepada alam semula jadi. Bagaimana tetap atau accurate pengiraan datanya sekalipun kita akan mengalami kesukaran jika alam semula jadi tidak mengizinkan. Misalnya awal tahun ini di Kedah-MADA, kawasan yang dijaga begitu teliti dan secara saintifik. Dengan ada kemarau maka air yang disimpan itupun tidak mencukupi, sebaliknya dalam beberapa

bulan sahaja iaitu sekarang ini kita sudah diserang pula oleh hujan yang lebat. Bagi Kerajaan khasnya Kementerian Pertanian, apa yang kita buat ialah menggunakan segala kebolehan dan ilmu untuk menjayakan perusahaan pertanian di negara kita dan jika ada peristiwa yang berlaku yang menimpa kepada perusahaan ini adalah takdir belaka dan bukanlah kecuaiian Kerajaan kita.

Begitu juga dengan penyakit tanaman. Mengikut hemat kita segala langkah sentiasa diambil untuk mengelakkan penyakit tanaman ini tetapi penyakit itu menyerang juga tanaman-tanaman kita seperti 'Bina Perang' yang susah hendak dihapuskan tetapi cepat sangat merosakkan tanaman kita. Tahun ini Bina Perang menyerang semua negeri kecuali Pahang dan Kelantan. Ini semuanya merugikan kaum tani yang juga merupakan beban kepada Kerajaan yang terpaksa membelanjakan lebih daripada \$300,000 sekali gus untuk mengawal penyakit padi ini. Sekarang ini penyakit mulut dan kuku haiwan timbul di dua tempat, iaitu di Rantau Panjang dan di Muar. Sungguhpun negara kita bebas dari wabak penyakit ini semenjak tahun 1939 dan hanya meletus beberapa tempat tahun 1973 tetapi sekarang ini menyerang ternakan haiwan kita. Penyakit ini bukan tumbuh di negara kita tetapi dibawa masuk oleh carrier yang tertentu dari luar negeri. Insya Allah, dengan adanya kerjasama dari orang ramai, maka kita juga dapat mengawal penyakit itu dengan secepat-cepatnya.

Menyentuh tentang penyakit mulut dan kuku ini maka ubat yang mujarabnya ialah memusnahkan haiwan itu dengan sertamerta. Dalam hal ini sukalah saya hendak mengatakan bahawa tiap-tiap ekor haiwan yang dimusnahkan itu dengan sertamerta diberi gantirugi kepada mereka.

Apa yang saya harapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menolong meyakinkan kaum tani dalam hal sistem pemusnahan ini kerana masih ada di kalangan kaum tani tidak dapat menerima pembunuhan haiwan itu lebih baik daripada cuba mengubatinya apabila kita berhadapan dengan penyakit ini. Saya membuat rayuan ini kerana kami juga kaum tani kita enggan menyerahkan haiwan-haiwan mereka untuk

dimusnahkan atas sebab-sebab yang tertentu. Jika haiwan-haiwan ini tidak dimusnahkan maka wabak ini akan berlarutan dan akan menimpa seluruh negara kita yang akan merugikan kepada kaum tani kerana wabak ini merebak terlalu cepat. Janganlah sayangkan seekor binatang untuk merugikan sekandang haiwan.

Untuk makluman Dewan, maka sukalah saya hendak mengatakan bahawa penyakit ini telah dapat dihapuskan di Muar, dan dengan demikian mulai hari ini saya telah mengisytiharkan kawasan Muar itu bebas daripada penyakit mulut dan kuku. Malangnya keadaan di Rantau Panjang masih lagi ada, tetapi pihak Kementerian dengan kerjasama Jabatan-jabatan lain seperti Polis, Kastam, RELA, LDC, dan lain-lain Jabatan bagi bekerjasama dengan Kementerian Pertanian untuk mencegah sebarang kemasukan haiwan secara haram ke negara kita. Setakat ini jumlah haiwan yang musnah ialah lembu dan kerbau sebanyak 547 ekor, kambing 30; babi 97 di Muar sahaja. Belanja gantirugi yang telah dibayar setakat ini ialah sebanyak lebih daripada \$351 ribu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Saya tidaklah bercadang hendak menjawab satu persatu masalah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tetapi akan memberikan penjelasan atas mauduk-mauduk yang tertentu yang dikemukakan dan insya Allah saya akan mengambil tindakan segala pandangan yang dikemukakan pada kita.

Sebelum merdeka, negara ini hanya mengeluarkan 30% sahaja daripada keperluan beras negara, sekarang kira-kira 85% telah dapat dikeluarkan. Kejayaan ini dicapai hasil daripada perancangan Kerajaan yang dilaksanakan secara sistematik. Penambahan keluaran beras negara disebabkan oleh berbagai langkah yang diambil alih oleh Kerajaan. Bila tanaman padi dua kali setahun dimulakan dulu hanya seluas 1,514 ekar sahaja yang boleh ditanam 2 kali setahun, tetapi sekarang sudah meningkat kepada lebih daripada 500 ribu ekar. Adalah diharapkan menjelang tahun 1980 kelulusan tanaman padi dua kali setahun

dijangka meningkat kepada 686,300 ekar. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua kawasan seluas 324,000 ekar telah diberikan kemudahan-kemudahan taliair untuk membolehkan tanaman padi dua kali setahun. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga seluas 225,000 ekar lagi dijangka diberikan kemudahan serupa itu. Setakat ini 47,200 ekar telahpun disempurnakan.

Di samping itu pengenalan benih-benih padi baru yang tinggi hasilnya telah dapat meningkatkan lagi hasil pendapatan kepada kaum tani kita. Petani-petani juga digalakkan menggunakan kaedah-kaedah baru untuk mengurangkan kemerosotan dan kehilangan padi selepas dituai (post harvest losses) dan kerugian ini sahaja adalah lebihkurang 12% pada satu ekar. Tenaga petani-petani itu sendiri disusun menerusi Koperasi-koperasi Peladang untuk menambahkan kecekapan dan keluaran hasil usaha bagi meninggikan taraf hidup mereka. Tenaga tersebut akan digembeling menerusi 210 buah Koperasi-koperasi Peladang yang sedang ditubuhkan di seluruh negara ini. Koperasi-koperasi Peladang ini adalah menjadi nadi ke arah kegiatan pertanian di negara ini di masa hadapan. Usaha-usaha sedang dijalankan supaya "Koperasi Peladang" itu dijadikan sebagai "base" untuk menjalankan gerakan-gerakan pertanian secara "integrated" di kalangan kaum tani.

Subsidi adalah faktor utama dalam usaha hendak menambahkan keluaran bahan-bahan makanan dan meninggikan taraf hidup kaum tani kita. Pada masa ini Kementerian Pertanian menyelenggarakan 3 jenis subsidi iaitu Subsidi Pertanian, Perikanan dan Ternakan. Bagi ketiga-tiga jenis subsidi ini telah ditentukan garis-garis dan cara-cara perlaksanaannya terutama sekali dari segi mereka yang berhak menerima dan jenis-jenis bantuan yang diberikan. Sukalah saya hendak memberi jaminan bahawa tidak ada "anak tiri politik" dalam bidang pemberian subsidi ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Jabatan Pertanian mengutuskan sebanyak \$67.07 juta untuk ini. Sehingga awal tahun 1978 ini, kawasan seluas 69,432 ekar telah diberi bantuan seperti benih, baja, racun serangga dan lain-lain keperluan pengeluaran. Hingga akhir tahun ini dianggarkan kira-kira 106,900 ekar lagi dijadualkan akan menerima

kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi. Di samping itu lebih dari 275,000 pokok buah-buahan seperti durian, mangga, rambutan, cempedak dan nangka juga telah diedarkan kepada petani-petani dalam progrem hendak mengeluarkan buah-buahan tempatan yang secukupnya untuk kita. Satu lagi rancangan subsidi yang penting ialah Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa yang diutuskan sebanyak \$62.3 juta. Sejak projek ini dimulakan kira-kira 119,342 ekar kebun kelapa telah dipulihkan ataupun ditanam semula.

Pada masa ini pemasaran hasil-hasil pertanian mempunyai dua saluran utama. Pertama, petani-petani yang menjadi ahli-ahli Koperasi Peladang memasarkan hasil-hasil mereka menerusi kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Koperasi-koperasi itu sendiri. Sebagai suatu kemudahan Koperasi-koperasi Peladang telah merangka kegiatan-kegiatan mereka secara berkelompok. Di samping itu disediakan juga pusat-pusat mengumpulkan hasil-hasil pertanian untuk dipasarkan. Sehingga sekarang 9 buah pusat memungut hasil pertanian telah dibina dan 38 lagi sedang dan akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Koperasi-koperasi Peladang juga menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan, modal pusingan pemasaran dan tenaga pengurus.

Pada masa ini Kementerian Pertanian sedang memikirkan bagaimana hendak mengujudkan satu sistem pemasaran pertanian yang effective di seluruh negara khasnya untuk barang-barang yang mudah rosak (perishable goods). Adalah diharapkan satu sistem yang sistematik untuk seluruh negara dapat diperolehi dengan menyelaraskan pemasaran yang dijalankan oleh Koperasi-koperasi Peladang dengan FAMA. Apabila kedua-dua agensi ini dapat diselaraskan tugasnya maka adalah diharapkan Kerajaan dapat menyediakan satu "link pemasaran"—dari peringkat tempatan hinggalah ke peringkat nasional untuk barang-barang pertanian.

FAMA juga bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan-kemudahan memproses kelapa kering. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga FAMA akan mendirikan 8 buah pusat demikian. Setakat ini 5

buah telahpun siap iaitu di Sabak Bernam, Selangor, Hilir Perak, Bachok, Kelantan, Rengit, Johor dan Sebangon di Sarawak.

Di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga adalah dicadangkan supaya sebuah pusat memproses kelapa kering didirikan di Kelaka dalam Bahagian Kedua Sarawak. Penubuhan pusat ini akan memberi kemudahan kepada 2,000 orang pekebun kecil kelapa yang melibatkan kawasan seluas lebihkurang 9,300 ekar.

Salah satu masalah yang terdapat di sektor pertanian ini ialah berhubung dengan tanah-tanah yang terbiar, terutama sekali di kawasan-kawasan sawah yang ditanam sekali setahun. Saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji masalah kawasan-kawasan ini dan siasatan ini hampir siap.

Di antara tujuan-tujuan utama Bahagian Parit dan Taliair ialah untuk menyediakan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan pengaliran dan saluran di kawasan-kawasan sawah untuk membolehkan tanaman padi dua kali setahun; membina ban-ban di tepi pantai dan pintu air pasang surut bagi mengelakkan air masuk ke kawasan-kawasan penanaman dan pembukaan tanah-tanah baru yang sesuai untuk pertanian di tepi-tepi pantai.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua 135 projek taliair berharga \$162 juta juga telah dilaksanakan, manakala dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah dijangka sebanyak 409 rancangan serupa akan diadakan dengan belanja \$303 juta. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa menambahkan kegiatan-kegiatan di tempat-tempat yang perlukan kemudahan-kemudahan tersebut. Manamana kawasan yang didapati menghadapi masalah parit dan taliair ini adalah sentiasa dikaji dan diambil tindakan untuk memelihara kepentingan tanaman-tanaman yang diusahakan oleh petani-petani kecil. Salah satu masalah besar yang dihadapi untuk memberikan kemudahan-kemudahan ini ialah mengenai punca-punca air.

Sekarang ini bahagian Parit dan Taliair sedang membuat experiment mendapatkan air di bawah tanah (underground water resources). Dari hasil experiment-experiment itu adalah dipercayai kita boleh bergantung

kepada sumber air ini dengan menggunakan teknik-teknik dan teknologi-teknologi baru. Saya sangat puas hati dengan hasil experiment di Meranti, Kelantan. Experiment ini dijalankan bersama oleh DID, MARDI, DOA, FAMA dan State EPU. Satu lagi akan didirikan di Bachok, Kelantan dan beberapa lagi experiment akan dijalankan di tempat-tempat lain.

Kementerian Pertanian akan berusaha sedaya upaya untuk menjadikan underground water resources ini sebagai salah satu sumber air—bukan untuk kegunaan sawah kaum tani sahaja tetapi untuk makanan dan minuman manusia.

Usaha-usaha untuk memodenkan sektor perikanan khususnya meninggikan taraf hidup nelayan-nelayan juga sentiasa diperhitungkan. Di sebahagian besar daripada kira-kira 70 ribu orang nelayan di negara ini terdiri daripada nelayan-nelayan kecil dan miskin, maka pemberian subsidi-subsidi seperti motobot, enjin bot dan jaring-jaring kepada mereka itu juga telah dipergiatkan. Ini dapat disaksikan dengan jumlah peruntukan yang diberikan iaitu kira-kira \$2 juta sahaja dalam Rancangan Malaysia Kedua dan \$72 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Institiut Latihan Perikanan di Batu Maung dan Sekolah-sekolah Perikanan Laut untuk melatih nelayan-nelayan supaya menjadi nelayan-nelayan yang lebih cekap. Sehingga akhir 1977 Institiut Perikanan telah melatih seramai 338 orang belia nelayan untuk mengendalikan bot-bot menangkap ikan sehingga seberat 80 tan dengan kekuatan enjin 400 kuasa kuda ke atas. Sementara itu Sekolah-sekolah Perikanan Laut di Kuala Trengganu dan Gelugor telah melatih seramai 810 orang nelayan dalam jangka waktu yang sama untuk meninggikan kecekapan mereka dalam hal-hal pelayaran dan teknik penyelenggaraan enjin serta menangkap ikan secara moden untuk membolehkan mereka menjadi jurumudi dan juruenjin.

Matlamat Kerajaan kita ialah untuk menampung keperluan daging sepenuhnya. Pada masa ini antara 70% ke 80% daripada keperluan daging telahpun dapat dikeluarkan. Bagi mencapai maksud tersebut maka

Kerajaan terpaksa menambahkan bilangan ternakan di negara ini. MAJUTERNAK telah pun membuka 7 buah ladang ternakan, untuk membiak lembu-lembu. Lembu-lembu telah diimpor terutama sekali daripada Australia dan negara-negara lain termasuk Thailand untuk dipelihara dalam ladang-ladang MAJUTERNAK dan juga di stesyen-stesyen ternakan haiwan serta dibahgi-bahagikan juga kepada penternak-penternak kecil iaitu kaum tani kita di kampung-kampung. Mengikut kajian yang telah dibuat, lembu-lembu yang dipelihara oleh MAJUTERNAK dan stesyen-stesyen Jabatan Haiwan didapati kadar kematiannya sebanyak 3.9% manakala penternak kecil di kampung-kampung 8.06% sahaja. Kematian ini disebabkan oleh cara-cara pemeliharaan ke atas lembu-lembu itu. Oleh itu adalah kurang tepat untuk menyatakan yang banyak bilangan lembu-lembu yang diimpor ini telah mati.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahalah jawapan saya dan perkara yang saya tak sebutkan di sini saya akan ambil perhatian dan di mana juga yang boleh, kita akan laksanakan untuk kepentingan kita bersama, khususnya kaum tani dan nelayan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberi jawapan.

4.16 ptg.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1979, dan sukacitalah saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran yang membina itu akan diambil perhatian oleh Kementerian ini dan tindakan-tindakan yang wajar akan diambil terhadapnya.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda bahawa Kerajaan perlu menggalakkan rakyat mempelajari cara-cara menjaga kesihatan mereka, sukacita saya menegaskan bahawa Kementerian ini adalah sentiasa berbuat demikian.

Perkhidmatan kesihatan adalah terbahagi kepada 4 bidang yang besar seperti berikut:

- Pendidikan/Penggalakkan (Promotive)
- Pengubatan dan Rawatan (Curative)
- Pencegahan (Preventive) dan
- Pemulihan (Rehabilitative)

Semua bidang-bidang tersebut mempunyai unsur-unsur untuk aktiviti-aktiviti pelajaran kesihatan dan ianya adalah dijalankan dari masa ke semasa oleh semua pegawai-pegawai dari semua peringkat dengan tujuan-tujuan tertentu. Penyampaian pelajaran kesihatan kepada semua golongan masyarakat adalah dilakukan samada secara individu atau kumpulan pada masa-masa yang sesuai bagi mereka.

Aktiviti-aktiviti khas pelajaran kesihatan yang mempunyai kaitan dengan sesuatu bidang kerja adalah dijalankan oleh kakitangan-kakitangan yang berkenaan melalui yunit-yunit bergerak sendiri ataupun melalui Yunit-yunit Bergerak Jabatan Penerangan.

Mengenai masalah doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, yang juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar, saya sedar akan kerumitan masalah ini dan oleh itu, Kementerian ini sentiasa mengkaji cara-cara untuk mengatasinya. Walau bagaimanapun, oleh kerana masih terdapat kekurangan doktor-doktor keseluruhannya dalam negara ini, masalah ini mungkin diatasi dengan sepenuhnya dalam masa jangka panjang. Buat sementara ini, sukacita saya memaklumkan bahawa di atas permohonan Kementerian, pihak Kerajaan Indonesia telah pun bersetuju meminjamkan 100 orang doktor-doktor yang akan dihantar berperingkat-peringkat untuk berkhidmat di Malaysia selama 3 tahun mulai dari bulan Januari 1978. Kementerian ini juga sedang mengurus untuk mendapatkan doktor-doktor dari Burma diambil secara kontrek. Di samping itu, Kementerian ini juga sedang mengkaji cara-cara lain untuk mengatasi masalah ini, dan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar supaya Pakarpakar Perunding dan doktor-doktor persemburan dibenarkan berkhidmat dengan Kerajaan secara sambilan sedang ditimbangkan jua oleh Kementerian.

Berkenaan dengan cadangan supaya Kerajaan mengkaji cara perubatan acupuncture, saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan sedar bahawa acupuncture, adalah satu cara rawatan bagi beberapa penyakit. Oleh yang demikian, Kementerian ini sedang membuat kajian teliti tentang acupuncture sebagai satu rawatan dalam bidang perubatan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang tentang pembinaan lebih banyak lagi hospital-hospital dan klinik-klinik desa di luar bandar, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah meluluskan peruntukan bagi melaksanakan pelbagai projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi tahun 1979. Saya sedar bahawa kedudukan kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan masih belum lagi mencukupi untuk memenuhi keperluan negara, tambahan lagi tidak ada keseimbangan kemudahan di antara bandar dan luar bandar. Oleh sebab itu satu rancangan telah dirangkakan untuk membina beberapa buah hospital serta kemudahan-kemudahan kesihatan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Matlamat Kementerian untuk mengadakan kemudahan-kemudahan hospital dan kesihatan yang mencukupi akan memakan masa yang lama dan hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Berkenaan dengan bekalan api dan air di hospital-hospital, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian ini sedang melaksanakan satu rancangan pemasangan jentera-jentera "standby generator" secara berperingkat bagi semua hospital-hospital di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemasangan "standby generator" ini telah dibuat di 9 buah hospital-hospital dalam tahun 1977, 11 buah dalam tahun ini dan di 10 buah hospital lagi dalam tahun 1979. Hospital Daerah Tanjung Karang akan dibekalkan dengan "standby generator" dalam tahun 1980; dan tiap-tiap buah hospital di dalam negara ini dijangka akan mendapat "standby generator" pada tahun 1982.

Adalah dimaklumkan juga bahawa semua hospital-hospital adalah dibekalkan dengan tangki air, dan sekiranya tangki air ini tidak cukup besar untuk menyimpan air,

Kementerian ini akan membina tangki yang lebih besar mengikut nasihat dari pihak Jabatan Kerja Raya. Walaupun demikian, sekiranya terjadi musim kemarau yang panjang, ada kemungkinan bekalan air kepada hospital yang berkenaan akan terjejas.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar tentang seorang kakitangan Kementerian ini yang sudah lama bersara akan tetapi belum mendapat pencennya, adalah dimaklumkan bahawa oleh sebab kes yang dibangkitkan itu bukannya spesifik, maka tindakan yang sewajarnya tidak dapat diambil. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan kes yang tertentu itu kepada Kementerian ini, ianya akan memudahkan Kementerian ini menyiasat akan perkara ini.

Walau bagaimanapun, suka saya memberitahu bahawa pegawai-pegawai Kementerian ini sudah lama diarahkan iaitu perhatian khas perlu diberikan kepada kertas-kertas pencen bagi pegawai-pegawai yang akan bersara supaya pembayaran pencen dapat dipercepatkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mengenai rumah mayat hospital Kangar, sukacita dimaklumkan bahawa rumah mayat di hospital tersebut adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu satu bahagian untuk yang beragama Islam dan satu lagi untuk yang bukan beragama Islam, dan saya sedar bahawa buat masa ini, rumah mayat ini belum lagi dibekalkan bilik sejuk (Freezer). Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk membekalkan bilik sejuk di rumah mayat ini pada masa akan datang.

Berkenaan dengan kelakuan kakitangan-kakitangan Kementerian ini yang juga telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, semua kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan telah dinasihatkan supaya sentiasa bersopan santun apabila menjalankan tugas-tugas mereka. Kementerian ini juga telah melancarkan "Kempen Gerakan Mesra" untuk memperbaiki dan mempereratkan perhubungan di kalangan kakitangan-kakitangan dan juga di antara kakitangan-kakitangan dan orang awam.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Simunjan tentang pembinaan sebuah hospital di daerah Simunjan, adalah dimaklumkan bahawa mengikut cadangan Kementerian ini, pembinaan hospital tersebut adalah tidak diutamakan setakat ini kerana:

- (1) Sebuah Pusat Kesihatan baru telah dibina di Simunjan dan diubahsuai supaya mempunyai 10 buah katil untuk pesakit;
- (2) Bandar Simunjan sedang menghadapi hakisan tanah (erosion) dari Sungai Batang Sadong dan bandar itu terpaksa dipindahkan kepada satu kawasan yang jauhnya 2 batu dari tempat asalnya. Kementerian saya akan menimbang cadangan untuk membina satu hospital baru selepas kawasan baru itu mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, taliair dan lain-lain;
- (3) Pada masa ini Kementerian Kesihatan berpendapat kemudahan yang ada sekarang di Simunjan adalah memadai buat sementara waktu ini. Sebagaimana amalan biasa di hospital-hospital lain, kes-kes teruk yang terdapat di Simunjan adalah dirujuk kepada Hospital Daerah Serian yang boleh dihubungi melalui bot atau dengan kereta dalam masa 1½ jam. Tambahan pula sesuatu kes teruk jika perlu, boleh dirujuk kepada Hospital Besar di Kuching melalui helikopter.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tentang bekalan air, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai "commitment" untuk membekalkan air kepada orang ramai terutama sekali penduduk luar bandar, dan dijangkakan bahawa dalam tahun 1985, 88% penduduk ataupun 13.9 juta orang akan mendapat bekalan air dari Jabatan Kerjaraya serta sistem-sistem bekalan air Kementerian Kesihatan. Berkaitan dengan perkara ini, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian ini mempunyai 2 pasukan bekalan air di Negeri Trengganu—satu bertempat di Kuala Trengganu dan satu lagi di Dungun. Oleh sebab kekurangan kakitangan terlatih, didapati tidak mungkin ada lebih dari 2 pasukan bagi Negeri Trengganu, tetapi

Kementerian ini berharap menambahkan pasukan-pasukan bekalan air di negeri itu apabila lebih ramai Inspektor Kesihatan Umum dilatih di Instituit Kesihatan Umum. Suka saya memaklumkan juga bahawa Kementerian ini telah membina 8 sistem bekalan air "gravity" di Daerah Kuala Trengganu sejak tahun 1975 dan sejumlah 19 sistem ini telah atau akan disiapkan di Negeri Trengganu hingga akhir tahun ini, yang menjadikan sejumlah 16,249 penduduk-penduduk luar bandar akan mempunyai bekalan air paip di rumah-rumah mereka.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani berkenaan dengan pembinaan sebuah hospital empat tingkat di Daerah Sungai Petani. Saya sedar tentang keadaan dalam hospital yang ada sekarang. Oleh itu, kerja-kerja untuk memodenkan hospital ini telah bermula semenjak dalam Rancangan Malaysia Kedua lagi seperti memperbaiki Jabatan Pesakit Luar, sambutan dan pindaan kepada makmal, pembinaan asrama jururawat dan rumah mayat.

Kementerian ini akan terus memoden dan memperbesarkan hospital Sungai Petani sehingga hospital ini boleh memuatkan sebanyak 600 buah katil. Beberapa projek-projek telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga seperti sebuah wad blok 4 tingkat yang mempunyai 136 katil, yunit kecemasan penyakit jiwa, dobi dan dapur baru. Untuk memenuhi hasrat ini, satu pelan induk perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum projek-projek ini dapat dilaksanakan untuk mengelakkan sebarang kerumitan dan gangguan kepada perkhidmatan-perkhidmatan hospital yang berjalan sekarang, apabila pembinaan dijalankan. Sukacita, saya memaklumkan bahawa pelan induk telahpun disiapkan dengan kerjasama pihak Jabatan Kerjaraya dan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek ini telah diluluskan oleh pihak Kerajaan. Dengan hal yang demikian, adalah dijangkakan pembinaan wad blok 4 tingkat akan dimulakan pada akhir tahun 1979.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak tentang pembinaan surau bagi rakyat yang beragama Islam di Hospital-hospital, sukacita saya memaklumkan bahawa

surau-suaru telah sedia ada di hospital-hospital Daerah Taiping, Kuala Kangsar, Tapah, Telok Anson, Parit Buntar, Batu Gajah, Lumut dan Tanjung Malim.

Kementerian ini sangat menggalakkan pembinaan surau di hospital-hospital dan dasarnya ialah supaya tiap-tiap hospital mengadakan sebuah surau sebagai tempat beribadat bagi pesakit-pesakit, keluarga-keluarga pesakit, pelawat-pelawat dan kakitangan hospital yang beragama Islam. Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri telah diarah untuk memajukan cadangan-cadangan mereka kepada Pengarah Kemajuan Negeri bagi mendapatkan peruntukan bagi membina surau di kawasan hospital-hospital. Dengan itu, hospital-hospital yang lain di Perak akan mendapat surau apabila peruntukan diperolehi daripada Pengarah Kemajuan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya ini saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan. Kesemua teguran-teguran ini akan diambil perhatian oleh Kementerian ini dan tindakan-tindakan yang wajar juga akan diambil terhadapnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi jawapan.

4.55 ptg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya mengucapkan terima kasih di atas segala pandangan dan teguran serta juga syor-syor yang telahpun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berkaitan dengan perkara-perkara di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Secara ringkasnya terdapat beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam dan juga kebajikan ahli-ahli pasukan

keselamatan. Sebenarnya kebanyakan daripada perkara-perkara tersebut telahpun dikemukakan di dalam Dewan ini samada dalam bentuk soal jawab ataupun semasa Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan Titah Ucapan Diraja. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya bagi menggulung Ucapan Titah Diraja dalam Dewan ini pada 18hb dan 19hb Oktober yang lalu dan juga saya sendiri semasa menggulung perbahasan itu di Dewan Negara telahpun menerangkan dasar-dasar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi melaksanakan tanggungjawabnya mengenai perkara-perkara itu.

Walau bagaimanapun sukalah saya mengulaskan mengenai perkara-perkara yang telahpun disentuh sedikit sebanyak oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Pertamanya, berhubung dengan ancaman dadah, sebagaimana telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ancaman dadah adalah berat dan perlu diperangi sama sepertimana kita memerangi ancaman komunis, yang demikian pihak Kementerian saya akan mengambil segala tindakan mengikut undang-undang terhadap penyalahgunaan dadah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah mengesyorkan supaya rakyat Malaysia yang menjadi pengedar-pengedar dadah antara-bangsa dilucutkan kewarganegaraan mereka dan juga hukuman ke atas mereka yang disabitkan dijalankan dengan segera. Kementerian saya telah mengambil perhatian atas semua syor-syor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kegiatan-kegiatan jenayah seperti membinasakan kuil-kuil yang telah juga dibangkitkan di dalam Dewan ini, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai terhadap apa juga bentuk kesalahan, mereka yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan itu diambil tindakan yang sewajarnya. Sukalah saya menegaskan di sini bahawa pihak Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan mengikut undang-undang terhadap mana-mana pihak pun yang telah melakukan kesalahan-kesalahan samada terhadap harta benda ataupun nyawa.

Mengenai seruan supaya Kerajaan mengambil perhatian berat terhadap ancaman-ancaman lanun di perairan Semporna Sabah, maka sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan memang mengambil berat terhadap ancaman ini. Langkah-langkah yang sesuai dan perlu telah dijalankan oleh Polis Merin dan juga Tentera Laut Di Raja Malaysia dan tangkapan-tangkapan telahpun dibuat. Yunit rondaan Polis Udara yang akan ditubuhkan tidak lama lagi akan juga digunakan bagi mengawal kawasan-kawasan pantai negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana terdapat banyak Ahli-ahli Yang Berhormat tidak lupa mengenangkan sumbangan bakti yang telah diberikan oleh ahli-ahli pasukan keselamatan kita dalam mempertahankan kedaulatan negara ini. Ada yang telah mengesyorkan supaya Kerajaan memberi pelajaran percuma dan biasiswa kepada mereka hingga ke peringkat universiti iaitu untuk anak-anak anggota pasukan keselamatan yang cedera parah dan tidak dapat bekerja lagi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan anak-anak anggota pasukan keselamatan yang cedera parah dan tidak dapat bekerja lagi adalah diberi bantuan persekolahan sehingga ke Tingkatan VI Atas iaitu daripada Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Untuk melanjutkan pelajaran ke universiti maka mereka bolehlah memohon biasiswa daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri dan bagi mereka-mereka yang layak tentulah tidak akan diketepikan.

Sebagai menjawab saranan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda yang meminta Kerajaan memberi perhatian penuh kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang cedera dalam menjalankan tugas, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap mereka itu. Bantuan kewangan menurut syarat-syarat yang tertentu adalah diberikan kepada mereka dan pekerjaan mereka dalam pasukan keselamatan itu adalah dikekalkan mengikut keupayaan masing-masing.

Ahli Yang Berhormat itu juga telahpun meminta Kerajaan supaya dapat membina Kompleks Polis/Tentera di Sik, Kedah sebagaimana yang terdapat di Sungai Petani

dan Kepala Batas bagi menyenangkan perjalanan gerakan-gerakan di kawasan berdekatan dengan Gubir. Dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa keperluan-keperluan seumpama ini sentiasa di dalam kajian dan langkah-langkah yang sewajarnya adalah diambil untuk memenuhi keperluan-keperluan itu dari semasa ke semasa. Buat masa ini pihak Kerajaan bercadang hendak menempatkan satu pasukan UKK ataupun Unit Kawalan Kawasan di Sik. Ini bermakna bahawa sebuah Kompleks kecil untuk kediaman anggota-anggota itu akan dibina di tempat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mendakwa bahawa Kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menekan Wakil-wakil Rakyat dari Sungai Besi dan Batu Gajah oleh kerana sungguhpun pilihanraya umum sudah berlangsung di mana kedua-dua Wakil Rakyat itu telah menang, Kerajaan masih lagi tidak mahu membebaskan mereka. Ini menurut pendapatnya bahawa Wakil-wakil tersebut patutlah dibebaskan setelah mereka dipilih.

Untuk makluman kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, penahanan Wakil-wakil dari Sungai Besi dan Batu Gajah dan pemilihan mereka sebagai Wakil-wakil Rakyat tidak ada kait-mengait antara satu sama lain. Mereka telah ditahan sebelum pilihanraya umum diadakan kerana Kerajaan mempunyai bukti-bukti yang nyata serta juga pengakuan-pengakuan daripada mereka sendiri terhadap penglibatan mereka itu dalam kegiatan barisan bersatu kominis Parti Kominis Malaya.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maklum, satu daripada tujuan Parti Kominis Malaya ialah untuk menggulingkan Kerajaan dengan secara haram, Kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi. Maksud Akta Keselamatan Dalam Negeri itu adalah jelas dan meliputi semua rakyat negara ini. Kuatkuasanya tidak memilih bulu samada terhadap orang-orang biasa ataupun Wakil-wakil Rakyat. Hak membela diri adalah terjamin di bawah peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri itu. Alasan-alasan dan tuduhan-tuduhan terhadap

penahanan adalah diberikan kepada mereka dan mereka memang mempunyai peluang untuk membela diri terhadap tuduhan-tuduhan itu di hadapan Lembaga Penasihat. Lembaga Penasihat ini adalah mengandungi ahli-ahli yang impartial dan ia bersidang dari semasa ke semasa yang tertentu mengikut peruntukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk mengkaji kes-kes mereka itu.

Berkaitan dengan kes ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyentuh perkara hak asasi kemanusiaan. Mengenai perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam dan tidaklah dapat kita menafikan bahawa ada pihak-pihak yang tertentu yang sengaja mengambil kesempatan untuk mencari jalan menggunakan kebebasan yang diberi kepada mereka bagi melakukan kegiatan-kegiatan yang boleh menimbulkan kekacauan di dalam negara ini.

Oleh itu, saya ingin menegaskan lagi sekali di dalam Dewan ini bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak atau takut-takut untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam dan Kerajaan tidak akan merelakan seseorang atau apa-apa golongan atau sebarang pihak melakukan sesuatu yang boleh mengancamkan keadaan tersebut.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban mengenai perjumpaan yang hendak diadakan oleh penaja-penaja Universiti Merdeka Sendirian Berhad tempoh hari, maka sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan mempunyai alasan-alasan yang menasabah untuk mengesyaki bahawa perjumpaan yang sedemikian itu besar kemungkinan boleh memudaratkan keselamatan awam iaitu satu keadaan yang tidak diinginkan. Cadangan untuk menubuhkan Universiti Merdeka ini sudah sampai ke peringkat nasional. Perkara ini juga akan dibahaskan dengan secukup-cukupnya di Parlimen ini pada 15hb Disember, 1978 nanti dan dengan itu Kerajaan memutuskan demi kepentingan ketenteraman awam dan keselamatan negara bahawa sebarang per-

himpunan oleh orang awam yang bertujuan untuk membincangkan perkara Universiti Merdeka tidak patut diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang inginlah lagi saya beralih pula kepada perkara pengawalan penerbitan iaitu mengenai gambar-gambar dan poster-poster lucu, bacaan akhbar, permit penerbitan dan sebagainya sepertimana yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai penjualan gambar dan poster lucu, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan telahpun dan akan terus mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya dalam perkara ini dengan merampas gambar-gambar dan poster-poster tersebut serta mengambil tindakan mahkamah terhadap penjual-penjual itu.

Dakwaan bahawa perjalanan kebebasan akhbar-akhbar tidak memuaskan sehingga membimbangkan penerbit-penerbit akhbar apabila tiba masa untuk membaharui permit penerbitan mereka tidaklah benar sama sekali. Setiap penerbit akhbar yang membuat permohonan untuk membaharui permit masing-masing telahpun diluluskan oleh Kementerian ini untuk mereka meneruskan pengeluaran akhbar masing-masing dan mereka tidaklah seharusnya merasa bimbang sekiranya mereka mematuhi segala syarat-syarat yang ada di dalam permit dikeluarkan itu.

Berhubung dengan perkara berita-berita dalam akhbar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam yang menyatakan bahawa akhbar-akhbar hanya menyiarkan berita-berita mengenai satu-satu kaum sahaja, maka perlulah diingatkan bahawa akhbar-akhbar adalah bebas membuat liputan berita mengenai sebarang aspek untuk pengetahuan umum jika penyiaran berita itu tidak bertentangan dengan undang-undang. Adalah terpulang kepada budibicara dan kebijaksanaan seseorang penerbit itu untuk memilih berita-berita atau rencana yang hendak dimuatkan di dalam akhbar masing-masing untuk menarik perhatian pembaca-pembaca.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang menjadi perhatian umum pada masa ini ialah mengenai bilangan orang-orang pelarian

Vietnam yang datang ke negara kita ini. Maka sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan amatlah mengambil perhatian berat (very concerned) di atas perkara ini bagi mencari jalan untuk mengatasinya.

Usaha baharu yang sedang dijalankan sekarang ini ialah mendapatkan kerjasama negara-negara jiran iaitu Indonesia, Thailand dan Singapura untuk bersama-sama mengatasi masalah-masalah ini oleh kerana mereka juga sedang menghadapinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengakhiri ucapan saya ini dengan lagi sekali menyampaikan ucapan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telahpun memberi ulasan-ulasan dan teguran serta juga syorsyor kepada Kementerian saya semasa perbahasan belanjawan tahun 1979 dijalankan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memberi jawapan.

4.53 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, selama perbahasan atas ucapan Belanjawan berjalan berapa hari yang lalu, ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil kesempatan untuk menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan pelajaran di bawah Kementerian saya. Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas segala pandangan dan teguran yang dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam ucapan mereka yang telah memperlihatkan betapa soal-soal pelajaran amat penting di dalam negara kita yang sedang membangun ini.

Saya mendapati beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara yang sama yang mana jawapan-jawapan telahpun diberi semasa soal-jawab lisan. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulas lagi perkara-perkara yang berkenaan itu satu persatunya. Memadailah saya memberi jawapan secara menyeluruh sahaja. Sungguhpun demikian, pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan Ahli-ahli Yang

Berhormat itu adalah diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil di mana perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang juga berpendapat bahawa rakyat mulai curiga terhadap dasar bahasa di negara ini berikutan dengan rancangan Kementerian Pelajaran hendak mengadakan Minggu Bahasa Inggeris pada tahun hadapan. Beliau berpendapat mungkin rakyat menaruh sikap ketidakpercayaan terhadap dasar bahasa di negara ini. Berhubung dengan rancangan Kementerian saya hendak mengadakan Minggu Bahasa Inggeris pada tahun hadapan itu rakyat tidak perlu bimbang oleh kerana tujuan sebenarnya rancangan ini ialah untuk meninggikan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut berikutan dengan terdapat kemerosotan kecapaian di kalangan calon-calon peperiksaan di peringkat SPM/MCE waktu akhir-akhir ini, dan bukanlah bertujuan untuk meninggikan taraf atau kedudukan Bahasa Inggeris itu sehingga sama dengan Bahasa Malaysia jauh sekali lebih tinggi daripadanya.

Tentang implikasi-implikasi yang dikhuatirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu terhadap Minggu Bahasa Inggeris saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa rancangan mengadakan Minggu Bahasa Inggeris itu bukanlah satu rancangan yang terburu-buru tetapi satu rancangan yang sedang dikaji dengan teliti dalam segala aspek.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang juga telah mencadangkan supaya ditubuhkan Persatuan Ibubapa dan Guru-guru di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut Kementerian saya berpendapat tidaklah perlu ditubuhkan Persatuan Ibubapa di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan seperti yang dicadangkan itu. Ianya lebih sesuai ditubuhkan di sekolah-sekolah seperti yang ada sekarang ini. Sekiranya ada apa-apa masalah persatuan ini boleh berhubung terus dengan Pengarah Pelajaran Negeri yang akan mengambil tindakan sewajarnya. Berkait dengan masalah di peringkat negeri dan daerah, saya berpendapat Pengarah Pelajaran Negeri adalah berupaya untuk mengawasi dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Silam, Sabah telah membangkitkan masalah kemerosotan keputusan peperiksaan SRP/LCE di Sabah terutama di kalangan calun bumiputra. Menurut beliau salah satu sebab terjadinya demikian ialah kerana kekurangan kelengkapan di sekolah-sekolah. Seperti yang telah pernah saya terangkan di dalam dewan ini, setakat ini tidak ada bukti-bukti yang sah menunjukkan bahawa keputusan peperiksaan pelajar-pelajar di luar bandar telah merosot. Walau bagaimanapun adalah diakui sekiranya dibandingkan dengan di bandar keputusan peperiksaan di luar bandar adalah tidak memuaskan. Menyedari hal ini Kerajaan telah menambahkan kemudahan-kemudahan pelajaran di luar bandar termasuk di Sabah seperti asrama, bilik-bilik darjah, rumah guru dan lain-lain lagi.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut supaya dihantar lebih ramai guru-guru ke Sabah, Kementerian saya memang telah menjalankan tindakan ini. Di samping menghantar guru-guru dari Semenanjung, Kementerian juga melatih bakal-bakal guru dari Sabah dan Sarawak di Semenanjung ini.

Berkait dengan masalah pembekalan buku-buku teks di Sabah dan Sarawak, Kementerian saya menyedari bahawa telah berlaku kelewatan pembekalan pada tahun 1978. Untuk menjamin pembekalan buku berjalan dengan lancar di Sabah bagi tahun 1979 pesanan telah dibuat kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dari bulan April 1978 lagi. Dewan Bahasa dan Pustaka telah diarah supaya memberi keutamaan kepada negeri Sabah dan Sarawak. Untuk negeri Sabah buku-buku bagi tahun 1979 telahpun dihantar di dalam bulan Oktober dan November 1978 lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah membangkitkan masalah pembekalan talivisyen dan jenerator ke sekolah-sekolah luar bandar. Beliau menyatakan bahawa tidak ada kordinasi di dalam membekalkan peti talivisyen dan jenerator oleh kerana kedua-dua perkara ini dibekalkan oleh pemborong yang berlainan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pembekalan terpaksa dibuat oleh pemborong yang berlainan kerana peti talivisyen adalah dikeluarkan oleh pengeluar tempatan dan jenerator terpaksa diimport. Kementerian saya mengakui memang ada

pembekal-pembekal yang telah tidak memenuhi perjanjian kontrak. Tindakan sewajarnya telah dan akan diambil terhadap pembekal-pembekal tersebut. Sungguhpun demikian ini tidak akan menjamin peti-peti talivisyen akan dapat dibekalkan dalam tempoh yang ditetapkan. Mengenai cadangan Yang Berhormat tersebut supaya ditubuhkan satu badan khas untuk melancarkan perjalanan program talivisyen pendidikan, saya berpendapat bahawa tidaklah perlu ditubuhkan badan seumpama itu kerana pada masa ini telahpun ada satu jawatankuasa penasihat di peringkat Kementerian yang merancangkan program-program TV Pendidikan dan juga bertanggungjawab terhadap kelancaran perjalanan program tersebut. Kementerian juga memang sedar kesulitan untuk menyediakan satu jadual waktu tayangan rancangan-rancangan TV supaya sesuai dengan semua sekolah-sekolah. Sebab itulah beberapa rancangan itu diulang tayang beberapa kali. Sungguhpun demikian sebelum satu-satu jadual waktu itu ditetapkan, Kementerian telahpun mendapat makluman balas daripada sekolah-sekolah berkenaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh mengenai bilik-bilik perpustakaan yang telah disalahgunakan. Untuk maklumat Yang Berhormat tindakan telahpun diambil bagi mengatasi kelemahan serta kekurangan yang terdapat sekarang. Yang Berhormat itu juga mencadangkan bahawa satu bilik khas yang berasingan ditubuhkan kepada perpustakaan sekolah. Ini juga telah dilakukan setakat yang termampu. Perlu diingatkan bahawa sekolah-sekolah yang tidak mempunyai cukup bilik darjah, bilik-bilik darjah adalah lebih penting daripada perpustakaan dan bilik itu perlulah dijadikan bilik darjah buat sementara waktu.

Ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah kekurangan kemudahan-kemudahan pelajaran di kawasan masing-masing dan meminta supaya Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan perkara seumpama ini memang sentiasa diambil berat oleh Kerajaan dan sekolah-sekolah baru, sekolah-sekolah gantian, tambahan dan juga keperluan perkara-perkara tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Panti telah mencadangkan supaya Kerajaan mengambil alih banyak lagi sekolah-sekolah agama rakyat di negeri-negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut, mengambil alih sekolah-sekolah rakyat bukanlah satu perkara mudah. Kerajaan Pusat hendaklah mendapat persetujuan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Di samping itu terdapat juga lain-lain masalah seperti masalah tanah, pentadbiran dan juga perkhidmatan guru-guru berkenaan yang perlu juga diselesaikan terlebih dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, Sarawak telah membangkitkan masalah kemerosotan akhlak di sekolah-sekolah. Kementerian memang sedar tentang adanya kemerosotan taraf akhlak di sekolah-sekolah dan untuk mengatasi masalah ini usaha dijalankan melalui kelas-kelas agama, mengadakan kegiatan-kegiatan luar dan juga menguatkan tindakan disiplin terhadap murid-murid yang berkenaan. Pada masa ini Kementerian sedang mengkaji untuk mengadakan kelas pendidikan akhlak di sekolah-sekolah dan ini akan diadakan di sekolah-sekolah sebaik sahaja kajian tersebut diselesaikan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat tersebut supaya masalah akhlak ini diatasi berdasarkan ajaran Islam, cadangan ini agak sulit untuk dipraktikkan memandangkan terdapatnya berbagai agama di negara kita pada masa ini. Walau bagaimanapun dengan adanya pendidikan akhlak yang akan meliputi semua kaum diharap masalah ini akan dapat diatasi. Di sini saya mengingatkan, kesalahan terhadap kemerosotan akhlak hendaklah jangan diletakkan kepada pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran semata-mata. Ibubapa dan juga masyarakat sendiri hendaklah turut serta memainkan peranan masing-masing bagi menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat dari Kapit ada menyatakan bahawa kurikulum pelajaran di negara ini adalah terlalu berorientasikan kepada akademik, dengan ini dikatakan tidak dapat menjamin seseorang pelajar setelah tamat persekolahannya untuk hidup berdikari. Saya berpendapat bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tidaklah

begitu tepat kerana pada masa ini peluang-peluang sentiasa terbuka kepada pelajar-pelajar yang berminat di dalam jurusan vokesyenal dan teknikal mulai di peringkat sekolah menengah rendah lagi hinggalah ke peringkat universiti. Bagi murid-murid di sekolah menengah rendah matapelajaran yang bercorak pra-vokesyenal seperti commercial study, sains pertanian, sains rumahtangga, pertukangan kayu dan logam telah diperkenalkan dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Bagi mereka yang berminat terus di dalam lapangan-lapangan ini mereka boleh melanjutkan pelajaran ke tingkatan empat dan lima di sekolah-sekolah vokesyenal dan teknik. Untuk mendapatkan diploma pula mereka boleh meneruskan pelajaran ke peringkat politeknik. Mereka yang ingin mendapat ijazah dalam jurusan ini boleh melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Dengan demikian tidaklah tepat jika dikatakan yang kurikulum pelajaran di negara ini terlalu berorientasikan akademik.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menyentuh mengenai dasar-dasar am pelajaran. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sukalah saya menerangkan sejarah pendidikan di negara kita. Pada hakikatnya sejarah zaman penjajah bertanggungjawab menanam semangat bergantung kepada orang lain. Ini dilakukan dengan tujuan untuk memenuhi rancangan dan muslihat penjajah, malangnya kesan tersebut masih dapat dirasakan hingga ke hari ini. Dengan menyedari hakikat ini rancangan-rancangan pelajaran yang dibuat selepas merdeka telah dipinda dan diubahsuai agar dapat memenuhi tuntutan negara dan rakyat yang sudah merdeka dan mahu berdikari.

Di samping itu perlu ditegaskan bahawa pendidikan bukanlah merupakan latihan bagi menyediakan seseorang dalam sesuatu pekerjaan. Sekolah-sekolah pula tidak dapat disamakan dengan institusi latihan yang melatih pelajar-pelajar dalam sesuatu kemahiran bagi sesuatu pekerjaan tertentu.

Pada amnya pendidikan negara ini bertujuan memberi pelajaran asas untuk membolehkan seseorang individu berkembang dengan seimbang dari segi jasmani, intelek, emosi, moral dan perasaan estetika yang ada

pada dirinya. Dari segi kemasyarakatan, pendidikan bertujuan menghasilkan warga-negara yang memahami serba-serbi mengenai ekologi dan budaya, nilai amalan sosial serta dapat berfungsi dan memenuhi kewajipan serta bertanggungjawab sebagai seorang warganegara. Pendidikan bertujuan menyemai sifat positif di dalam diri individu dan ini meliputi semangat berdikari.

Dari aspek ekonomi, matlamat pendidikan ialah untuk membantu potensi manusia yang terdapat pada seseorang individu agar ia dapat menjadi seorang perancang, pengeluar dan pengguna yang mahir, cekap, rasional serta bertanggungjawab. Dengan ini membolehkan ia memperbaiki dirinya dan memberi sumbangan terhadap ekonomi serta perkembangan negara kita.

Untuk memenuhi cita-cita dan hasrat pendidikan dan pembangunan negara, langkah positif bagi mendedahkan murid-murid kepada asas-asas kemahiran dilakukan dengan mengenalkan sistem pelajaran anika jurusan pada tahun 1965. Di peringkat menengah rendah ialah antara Tingkatan I hingga Tingkatan III, murid-murid diberi peluang memilih sekurang-kurangnya satu daripada 4 matapelajaran elektif. Matapelajaran-matapelajaran ialah Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga, Sains Pertanian dan Perdagangan. Ini bermakna sekurang-kurangnya murid-murid yang menjalani tempoh 9 tahun pendidikan asas seperti yang dijalankan di negara kita dapat memiliki asas tertentu dalam sesuatu kemahiran, apabila mereka meninggalkan bangku sekolah pada penghujung tahun yang ke sembilan. Oleh kerana memang diketahui asas kemahiran ini tidak mencukupi bagi membolehkan seseorang individu itu secara terus mendapatkan pekerjaan yang tertentu, maka adalah menjadi tanggungjawab agensi-agensi/institusi-institusi pekerjaan ataupun tempat-tempat pekerjaan itu sendiri memberi latihan samada latihan pra perkhidmatan atau dalam perkhidmatan. Pendidikan menyediakan asas yang dapat diperkembangkan selanjutnya bersesuaian dengan kehendak-kehendak atau kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh sesuatu jawatan/pekerjaan.

Di samping itu, elok juga dijelaskan bahawa Kerajaan telah mengadakan sekolah-sekolah menengah vokesyenal untuk menampung murid-murid dari peringkat menengah rendah bagi mengembangkan lagi bakat serta kemahiran yang ada pada mereka. Walaupun kemahiran-kemahiran yang diberikan di peringkat ini lebih luas dari peringkat menengah rendah, namun demikian sekolah-sekolah menengah vokesyenal tidak merupakan pusat-pusat latihan kemahiran. Murid-murid masih diberi pendidikan umum di samping kemahiran asas yang tertentu.

Di atas kesedaran bahawa negara kita memerlukan tenaga-tenaga mahir yang lebih ramai bilangannya, maka bilangan sekolah-sekolah menengah vokesyenal telah ditambah. Pada tahun 1977 terdapat 28 buah sekolah vokesyenal di negara ini.

Perkara mengambil perhitungan akan alam semula jadi supaya dijadikan bahan di dalam pelajaran atau kurikulum sekolah telah ditimbulkan. Adalah tidak wajar untuk menyesuaikan kurikulum sepenuhnya dengan tuntutan alam semula jadi sesuatu tempat itu. Walau bagaimanapun, dalam mengolah kurikulum kebangsaan perhitungan mengenai kekayaan alam semula jadi negara ini sentiasa diambil kira.

Sekiranya syor supaya penyesuaian dibuat sepenuhnya dengan keadaan semula jadi dilakukan, maka terdapat pembahagian yang ketat di mana orientasi pelajaran di bandar akan disesuaikan dengan kehendak industri dan luar bandar pula dengan kehendak pertanian dan perusahaan menangkap ikan. Ini bermakna akan berulang sekali lagi keadaan zaman penjajah di mana orang-orang luar bandar akan terus-menerus terikat dengan keadaan dan alam luar bandar. Keadaan ini sudah pasti menjejaskan sahaja ekonomi penduduk luar bandar dan di bandar tetapi yang lebih utama lagi ialah usaha-usaha ke arah perpaduan negara akan turut terjejaskan. Tindakan yang positif untuk menimbulkan semangat berdikari ialah dengan mewujudkan peluang-peluang yang lebih baik di luar bandar samada dari segi pekerjaan atau kemudahan-kemudahan, maka dengan cara itu sahajalah usaha-usaha menyemai semangat berdikari dalam jiwa anak-anak di sekolah dapat berkembang

dengan baik dan dijayakan dalam hidup mereka setelah mereka meninggalkan bangku sekolah. Dalam konteks ini, bukan sahaja Kementerian Pelajaran dan Kerajaan yang bertanggungjawab tetapi semua pihak harus memainkan peranan masing-masing dan dengan itu sahajalah perkara ini dapat dijayakan.

Yang Berhormat dari Alor Setar menyentuh mengenai pengambilan penuntut-penuntut bukan bumiputra oleh institusi-institusi tempatan amat terbatas. Suka saya tegaskan di sini bahawa memang sudah menjadi kenyataan persaingan untuk masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi semakin bertambah hebat lagi dan bilangan pelajar yang layak bertambah dari tahun ke tahun. Persaingan ini bukan sahaja dirasai oleh pelajar-pelajar bukan bumiputra tetapi juga oleh pelajar-pelajar bumiputra. Ini adalah jelas dari angka-angka berhubung dengan permohonan memasuki ke institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

	<i>Bumiputra</i>	<i>Bukan Bumiputra</i>
(a) Bilangan Pemohon ..	30,992	15,706
(b) Bilangan Berjaya ..	6,290	4,524
(c) Bilangan tidak berjaya	24,702	11,182

Daripada perangkaan tersebut nyatalah lebih ramai pelajar-pelajar bumiputra yang berkecukupan tidak berjaya memasuki institusi-institusi pengajian tinggi.

Yang Berhormat dari Petaling mengesyorkan supaya Kerajaan memberi rebate pelajaran kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan kurang dari \$15,000 setahun menghantar anak-anak mereka belajar di seberang laut kerana gagal mendapat tempat di universiti-universiti tempatan. Saya tidak dapat menerima syor Ahli Yang Berhormat itu kerana setakat ini Kerajaan tidak menganggap ini perlu. Kerajaan telah memberi perhatian yang wajar terhadap pembangunan universiti tempatan serta lain-lain kemudahan bagi pelajaran tinggi. Suka saya tegaskan sekali lagi bahawa 4 daripada 5 buah universiti tempatan masih lagi dalam proses pembangunan atau konsolidasi dan dengan itu bilangan pelajar yang boleh diambil akan sentiasa bertambah dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Petaling juga membangkitkan soal perangkaan yang kononnya bercanggah. Silalah Yang Berhormat telitikan perangkaan yang sebenar yang saya berikan sebagai berikut—tetapi beliau tidak ada di sini sekarang.

Bilangan pemohon yang memohon masuk ke universiti-universiti tempatan bagi Sessi 1978/79 adalah seperti berikut:

- (a) Bagi kursus ijazah yang memerlukan kelulusan HSC/STP—11,938 pelajar.
- (b) Bagi kursus ijazah yang memerlukan kelulusan SPM/MCE yang dikendalikan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM)—1,976 pelajar.
- (c) Bagi kursus diploma yang memerlukan kelulusan SPM/MCE yang dikendalikan oleh Universiti Teknologi Malaysia/Universiti Pertanian Malaysia (UTM/UPM) UTM—6,120 pelajar, UPM—10,231 pelajar. Jumlah yang memohon—30,265 pelajar.

Bilangan yang berjaya adalah seperti berikut:

- (a) Bagi kursus ijazah yang memerlukan kelulusan HSC/STP—4,400 pelajar.
- (b) Bagi kursus yang memerlukan SPM/MCE yang dikendalikan oleh UTM—220 pelajar.
- (c) Bagi kursus diploma yang memerlukan kelulusan SPM/MCE yang dikendalikan oleh UTM/UPM;  
UTM—926 pelajar, UPM—671 pelajar.  
Jumlah yang berjaya—6,217 pelajar.

Dengan ini bilangan yang tak berjaya ialah 24,048 pelajar.

Yang Berhormat dari Parit, Perak menyentuh mengenai sistem kenaikan pangkat di kalangan guru-guru sekarang. Untuk maklumat Yang Berhormat di bawah peraturan sistem kenaikan pangkat sekarang perakuan-perakuan adalah dibuat melalui Ketua-ketua Jabatan dan di bawa kepada pertimbangan Lembaga Naik Pangkat berkenaan. Terputanglah kepada Lembaga tersebut untuk memutuskan untuk kenaikan pangkat seseorang pegawai atau tidak.

Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat mereka mengenai pelajaran. Saya mempunyai keyakinan yang penuh, dengan peruntukan yang diberi bagi tahun 1979 akan datang dan dengan kegigihan pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran serta dibantu pula dengan pandangan bernas dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan para pendidik serta seluruh masyarakat, insya Allah, kita akan dapat meninggikan lagi mutu pelajaran di negara ini seperti yang dicita-citakan.

5.20 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Michael Chen Wing Sum):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjuk minat dengan menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian saya lebih-lebih lagi mengenai perumahan dalam membahaskan ucapan Dasar Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20.10.78.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat seperti dari Kangar, Damansara dan Kuala Lumpur Bandar menyatakan harapan mereka supaya Kementerian saya memperbanyakkan lagi pembinaan rumah awam kos rendah. Dalam hubungan ini ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian saya seboleh-bolehnya ingin mengadakan rumah bagi semua rakyat yang berpendapatan rendah. Tetapi harus diingat bahawa proses pembinaan rumah adalah memakan masa dan melibatkan beberapa faktor dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Ianya bukan satu perkara yang mudah. Tanah adalah satu bahan yang penting untuk membina rumah dan dalam keadaan sekarang di mana tanah yang sesuai untuk membina rumah semakin sukar didapati, terutamanya di bandar-bandar maka sudah tentulah kerjasama dari semua pihak yang berkuasa adalah diperlukan bagi menjamin supaya matlamat Kerajaan untuk menolong golongan berpendapatan rendah akan dapat dicapai. Tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan Malaysia. Oleh yang demikian masalah tempat di mana sesuatu rancangan

perumahan itu perlu diadakan adalah terletak di bawah budi bicara Kerajaan Negeri masing-masing. Kadangkala sesuatu rancangan perumahan itu tidak dapat dijalankan oleh kerana ketiadaan tanah Kerajaan dan juga infrastruktur. Masalah seperti ini sering terdapat di negeri-negeri kurang maju di Malaysia ini terutama dari segi infrastruktur. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebelum sesuatu rancangan perumahan itu dapat dijalankan maka infrastruktur seperti bekalan air, jalanraya, bekalan letrik dan sebagainya perlu diadakan terlebih dahulu. Dengan itu jika diperhatikan, kemajuan pelaksanaan rancangan perumahan ini di negeri-negeri yang kurang maju di Malaysia agak lambat sedikit kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang sudah maju seperti Selangor, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Wilayah Persekutuan.

Sungguhpun menghadapi beberapa masalah di dalam pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah ini Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri terus berusaha untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah awam kos rendah dan untuk mencapai matlamat ini satu kajian kemungkinan peringkat nasional mengenai 'Integrated Sites & Services and Related Low Cost Housing Programme' dengan bantuan Bank Dunia telah dimulakan; dan satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan bagi seluruh negara akan dapat dimajukan apabila kajian ini selesai kelak. Ianya juga bertujuan untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dalam bentuk yang lain yang sesuai untuk golongan berpendapatan rendah.

Di samping itu dari sektor swasta pula Pemaju-pemaju Perumahan swasta ada melaksanakan rumah harga rendah atau "low-priced houses" dengan secara persendirian ataupun berusahasama dengan agensi-agensi Kerajaan atau anak-anak syarikat mereka. Untuk menggalakkan lebih banyak lagi pembinaan rumah harga rendah itu oleh pemaju-pemaju perumahan beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan yang termasuk:

- (i) Beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri (seperti Johor dan Selangor) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan

syarat beberapa peratus daripada tanah yang diizinkan tukar syaratnya untuk perumahan hendaklah didirikan dengan rumah-rumah harga rendah. Definasi rumah ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri menetapkan harganya misalnya di Johor ialah \$15,000 sedangkan di negeri-negeri yang lain ialah kurang daripada \$20,000.

- (ii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi keutamaan kepada permohonan untuk mendapat lesen dan permit iklan apabila kemajuan perumahan ada termasuk juga 'rumah harga murah' atau harga rumah yang tidak melebihi \$25,000 seunit. Dan seterusnya Kementerian ini mengawal dari segi permit iklan, di mana rumah-rumah yang demikian setelah ditetapkan harganya tidak boleh dipinda oleh pemaaju-pemaaju kemudiannya.

Di dalam perbahasan kali ini beberapa orang Ahli Yang Berhormat seperti dari Pagoh, Kinta dan Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan penubuhan Lembaga Kemajuan Perumahan di tiap-tiap negeri bagi membuat perancangan serta pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah di negeri-negeri masing-masing. Dalam hal ini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa penubuhan sesuatu badan seperti ini adalah satu perkara yang baik. Walau bagaimanapun kita harus ingat bahawa pada masa ini terdapat banyak badan-badan yang terlibat untuk melaksanakan rancangan perumahan seperti PKEN, UDA, JKR dan sebagainya. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa negara kita mengalami masalah kekurangan kakitangan teknik seperti jurutera, arkitek, perancang bandar dan sebagainya dan penubuhan perbadanan seperti ini berkehendakkan kakitangan-kakitangan terlatih dan pekerja-pekerja mahir dan dengan kekurangan yang didapati ini sudah tentu kemungkinan untuk mendapatkan kakitangan yang cukup adalah tipis. Oleh itu, buat masa ini saya berpendapat perkara ini perlu dikaji dengan teliti. Adalah tidak berfaedah sedikit pun bagi Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan lembaga sekiranya kakitangan yang cukup dan sesuai untuk berkhidmat di lembaga atau

di perbadanan-perbadanan sedemikian tidak dapat diperolehi. Adalah lebih elok buat masa ini difikirkan masalah untuk menguatkan agensi-agensi yang sedia ada dengan kakitangan-kakitangan supaya rancangan-rancangan yang telah dibuat dapat dijalankan dengan sempurna. Di peringkat Kebangsaan Kerajaan telahpun mempunyai Jabatan Perumahan Negara untuk mengendalikan pelaksanaan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah ini. Perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Perumahan Negara adalah diberi secara percuma kepada Kerajaan-kerajaan negeri dan di sini saya suka menyatakan bahawa setakat ini sebahagian besar daripada negeri-negeri di Semenanjung telah bersetuju untuk menerima perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini, Jabatan Perumahan Negara adalah diangunkan akan membina sejumlah 15,000 unit rumah iaitu kira-kira 25% daripada matlamat unit rumah awam kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jabatan ini masih lagi menghadapi kekurangan tenaga teknikal. Walau bagaimanapun ianya akan terus berusaha untuk mengisi semua jawatan-jawatan tersebut dan adalah diharapkan keadaan ini akan beransur baik dari masa ke semasa. Pada peringkat ini eloklah kita melihat dan meneliti perjalanan dan pencapaian oleh Jabatan Perumahan Negara dan sekiranya Lembaga Perumahan seperti yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu difikirkan perlu, maka pihak Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang wajar kepada cadangan tersebut.

Saya sangat gembira kerana beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah penubuhan unit perumahan di negeri-negeri. Perkara ini telahpun disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa bulan yang lalu dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan telah juga membangkitkan dalam ucapan Belanjawan tahun 1979 pada 20hb Oktober 1978 yang lalu. Di sini saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Kementerian saya telah lama menasihatkan negeri-negeri supaya menubuhkan unit perumahan di tiap-tiap negeri bagi merancang dan mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan perumahan di dalam negeri

masing-masing. Setakat ini saya difahamkan Kerajaan Negeri Pahang dan Perlis telah mengambil tindakan ke arah ini dan saya berharap negeri-negeri lain akan mengikut jejak langkah kedua-dua negeri tersebut dan menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu supaya segala perancangan yang telah dibuat selama ini tidak tergendala. Kementerian saya akan terus berusaha bagi menjamin supaya yunit seperti ini akan dapat ditubuhkan di tiap-tiap negeri.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Panti supaya Kerajaan membina rumah-rumah yang dikhususkan untuk kaum nelayan, ingin saya menerangkan bahawa di dalam rancangan perumahan awam kos rendah, rancangan perumahan untuk kaum nelayan juga telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan negeri Johor, Pulau Pinang dan Trengganu. Sebenarnya rancangan perumahan awam kos rendah ini ditujukan khas kepada semua golongan berpendapatan rendah dan perancangan projek adalah terpulang kepada Kerajaan negeri masing-masing.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Semerah supaya Kerajaan menentukan mereka yang layak sahaja mendapatkan rumah murah ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa perkara tersebut telah, sedang dan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan. Garis panduan kebangsaan telah-pun disediakan oleh Kementerian saya dan telah-pun diberikan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri sebagai panduan dan untuk diamalkan. Garis panduan yang telah disediakan itu adalah membayangkan hasrat dan dasar Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan rumah di kalangan golongan berpendapatan rendah keseluruhannya.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk mengadakan dialog-dialog dengan Pemaju Perumahan, Kementerian saya sentiasa mengadakan dialog dengan pemaju-pemaju Perumahan, dan masalah mereka telah dikemukakan dalam dialog begini yang mana Kementerian saya mengambil perhatian terhadap masalah-masalah itu. Dialog dengan pemaju diadakan secara kumpulan-kumpulan misalnya menerusi Persatuan Pemaju-pemaju

Perumahan ataupun di peringkat individu di mana penjelasan-penjelasan diberi kepada mereka apabila dikehendaki.

Berhubung dengan seruan Ahli Yang Berhormat dari Kangar meminta pembinaan rumah-rumah dipercepatkan, Kementerian saya melalui Akta Pemaju Perumahan telah mengenakan syarat-syarat di mana pemaju hendaklah menyiapkan rumah-rumah dalam tempoh 18 bulan daripada tarikh pembeli menandatangani perjanjian jual beli. Pembeli-pembeli bolehlah mengambil langkah-langkah undang-undang sekiranya rumah-rumah tersebut tidak diserahkan dalam tempoh yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang dapat saya memberi ulasan, terhadap komen, teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Akhirnya Kementerian saya akan mengambil ingatan kepada semua ulasan, komen dan teguran-teguran lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

5.36 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan ucapan Belanjawan 1979, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ingin saya mengucapkan terima kasih ke atas minat-minat mereka dan sukalah saya memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagaimanapun, saya ingin mengulas mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang meminta Kerajaan memansuhkan Akta Penyelarasan Perindustrian oleh kerana beliau berpendapat bahawa Akta tersebut telah menghalang

perkembangan pelaburan di negara ini, sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan tidak dapat menyahut seruan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tersebut oleh kerana Kerajaan tidak bersetuju bahawa Akta tersebut telah menghalang pelaburan dan pertumbuhan ekonomi di dalam negara ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu undang-undang ini adalah bertujuan untuk memastikan perkembangan sektor perkilangan yang lebih teratur dan diselaraskan yang mana boleh meningkatkan kepercayaan para pelabur untuk terus menanam modal dalam sektor ini.

Dari segi perkembangan pelaburan di negara ini Kerajaan tidak bersetuju bahawa Akta ini merupakan faktor utama yang menyekat perkembangan tersebut. Sebagai contoh, bagi tempoh bulan Januari hingga bulan Julai 1978 bilangan projek-projek yang diluluskan telah bertambah 20% iaitu daripada 162 projek kepada 195 projek jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu. Pelaburan modal yang dicadangkan bagi projek-projek ini telah meningkat daripada \$261 juta hingga \$470 juta. Apa yang mustahak diperhatikan ialah daripada pertambahan ini, pelaburan di dalam pembesaran (expansion) dan pembahagian (diversification) projek-projek telah wujud dan meningkat dengan pesatnya iaitu sebanyak 190% daripada \$49.6 juta kepada \$145.8 juta.

Kerajaan sedar iaitu apabila Akta ini mula-mula diperkenalkan telah menimbulkan kekhuatiran di kalangan setengah-setengah pihak di dalam sektor swasta terhadap tujuan sebenarnya Akta ini diadakan dan cara-cara ianya akan dikuatkuasakan. Kementerian saya setelah mengadakan beberapa perundingan dengan pihak swasta, telah pada tahun 1977, meminda Akta tersebut sebagai langkah positif untuk menghapuskan sebarang keraguan terhadap Akta ini. Kerajaan telah juga berusaha dengan ber-sungguh-sungguh untuk menerangkan Akta ini kepada badan-badan perdagangan dan perindustrian dan juga kepada bakal-bakal pelabur. Dengan langkah-langkah yang telah diambil itu serta jaminan yang selalu diberi bahawa Akta ini akan dikuatkuasakan secara

'flexible' dan 'pragmatic'. Kerajaan yakin sebahagian besar daripada mereka yang telah terlibat telah menerima Akta ini dalam bentuknya yang ada sekarang. Ini jelas kerana Akta ini tidak lagi menjadi issue yang penting di dalam pertemuan-pertemuan yang diadakan di dalam seminar-seminar pelaburan baik di dalam mahupun di luar negeri.

Selain daripada ini, pihak Kerajaan telah-pun memberi jaminan bahawa Akta ini akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan jika didapati perlu akan dipinda lagi untuk memperkemas penguatkuasanya. Dalam hubungan ini, berdasarkan perbincangan-perbincangan yang telah diadakan baru-baru ini, dengan pertubuhan-pertubuhan dalam sektor swasta, Kementerian saya bercadang untuk membuat pindaan-pindaan lanjut kepada Akta tersebut untuk menambah lagi keyakinan terhadap iklim pelaburan di negara ini.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Raub bahawa tidak berfaedah diminta kaum Bumiputra melabur di dalam perusahaan yang berupa 'family business' sukalah saya menjelaskan bahawa berdasarkan kepada hakikat inilah maka pihak Kerajaan telah mengecualikan perusahaan-perusahaan yang mempunyai modal tetap (fixed asset) kurang daripada \$500,000 daripada sebarang syarat-syarat mengenai penyusunan ekuiti dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Ini bermakna pihak Kerajaan masih bersedia menimbangkan untuk memberi pengecualian daripada syarat ekuiti kepada perusahaan-perusahaan yang berupa 'family business' yang mempunyai lebih daripada \$500,000 'fixed asset' berdasarkan merit sesuatu kes itu. Dalam pada itu juga perlulah disedari bahawa perusahaan-perusahaan 'family business' adalah lebih berkeupayaan untuk membantu pihak Kerajaan dalam usaha-usaha mencapai matlamat Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian mereka seharusnya lebih bersedia memberi sumbangan yang sewajarnya terhadap matlamat-matlamat Kerajaan.

Walau bagaimanapun saya ingin memberi jaminan iaitu syarat mengenai ekuiti dan juga syarat-syarat yang lain yang dikenakan di

bawah Akta tersebut akan dilaksanakan secara flexible dan pragmatic supaya Akta tersebut tidak akan menjadi penghalang terhadap pembangunan pelaburan di negara ini.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kangar, Mantin, Sungei Petani, Seremban dan Kuala Kangsar berhubung dengan harga barang-barang seperti buah-buahan, alat-alat solek dan alat-alat elektrik yang telah tidak turun harganya walaupun cukai ke atas barang-barang tersebut telah diturunkan, sukalah saya memaklumkan iaitu Pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasa, Kementerian saya sedang menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan ke atas harga dan stok barang-barang yang berkenaan. Pegawai-pegawai Kementerian di semua negeri telahpun diarahkan supaya mengumpulkan maklumat-maklumat dan memeriksa invois-invois mengenai harga-harga barang yang diimpot mengikut cukai lama dan juga harga yang dijual berdasarkan kepada cukai lama. Sebaik sahaja maklumat-maklumat tersebut telah diterima maka Kementerian saya akan membuat kajian ke atas maklumat-maklumat tersebut untuk memastikan bahawa harga barang-barang tersebut diturunkan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah juga memberi amaran kepada penjual-penjual barang-barang tersebut untuk menurunkan harga barang-barang itu dengan seberapa segera yang boleh memandangkan bahawa cukai ke atas barang-barang tersebut telahpun diturunkan dan beliau telah juga memberi amaran iaitu tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya penjual-penjual barang-barang tersebut enggan membuat demikian.

Sukalah saya menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Kemaman iaitu memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk menyelerakkan perusahaan-perusahaan ke kawasan-kawasan kurang maju. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai matlamat tersebut adalah seperti berikut:

(i) Apabila Kementerian menimbangkan permohonan-permohonan untuk menubuhkan projek-projek perindustrian, ada projek-projek yang hanya diberi

kelulusan sekiranya penganjurannya bersetuju mendirikan projek-projek itu di kawasan-kawasan yang kurang maju.

(ii) Di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968, Kerajaan telah mengisytiharkan beberapa kawasan kurang maju sebagai kawasan-kawasan pembangunan. Sesebuah projek yang didirikan di kawasan-kawasan tersebut sekiranya diluluskan mendapat Galakan Pengecualian Cukai, layak mendapat Lanjutan Pengecualian Cukai itu selama 1 tahun dan jika diluluskan dengan Kredit Cukai Pelaburan layak mendapat tambahan sebanyak 5%.

(iii) Di bawah Akta itu juga Kerajaan telah memperuntukkan satu Galakan Khas untuk menyelerakkan perusahaan-perusahaan perindustrian iaitu Galakan Tempat Kedudukan. Galakan ini memberi pengecualian cukai sehingga 10 tahun kepada projek-projek yang diluluskan dengan Galakan itu yang didirikan di kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan. Galakan ini dikaji semula tiap-tiap 2 tahun untuk menentukan kesannya.

(iv) Kawasan-kawasan Perindustrian banyak dibuka di kawasan-kawasan kurang maju dan usaha telah dibuat untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan api di kawasan-kawasan tersebut; dan

(v) Beberapa Pejabat Wilayah LKPP (FIDA) telah dibuka di beberapa kawasan kurang maju seperti di Alor Setar, Kota Bharu, Kuantan, Kota Kinabalu dan Kuching, untuk berusaha menganjurkan penubuhan perusahaan-perusahaan dan memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan oleh para pelabur di kawasan-kawasan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, kemajuan yang diperolehi daripada usaha Kerajaan untuk menyelerakkan perusahaan-perusahaan perindustrian di kawasan-kawasan kurang maju sangatlah menggalakkan. Ini adalah terbukti dari segi bilangan dan peratus projek-projek yang

diluluskan yang akan didirikan di kawasan-kawasan kurang maju. Pada tahun 1971 hanya 131 projek atau 43.1% daripada projek-projek yang diluluskan adalah untuk ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Bilangan ini telah meningkat kepada 186 atau 52.4% pada tahun 1973, 332 atau 63.2% pada tahun 1974 dan 308 atau 66.8% pada tahun 1975. Dengan kemajuan yang begitu pesat dialami itu, beberapa kawasan telah tidak lagi dapat dianggap sebagai kawasan-kawasan kurang maju. Dengan kawasan-kawasan seperti ini tidak diambil kira, 264 atau 62% dari projek-projek yang diluluskan pada tahun 1976, 227 atau 56.7% pada tahun 1977 dan 143 atau 56.7% dari bulan Januari hingga bulan September, 1978 akan didirikan di kawasan-kawasan kurang maju.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman untuk mendirikan Yunit Pusat Pelaburan di beberapa buah negeri yang kurang maju dan pegawai-pegawai yang bertugas di tempat-tempat demikian diberi kuasa sepenuhnya untuk meluluskan berbagai-bagai projek tanpa merujuk kepada Yunit Pusat di Kuala Lumpur, sukalah saya memaklumkan bahawa cadangan tersebut adalah sukar untuk dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yunit Pusat yang ditubuhkan di LKPP (FIDA) adalah bertujuan untuk mengurangkan seberapa yang boleh keperluan bagi seseorang pelabur itu daripada terpaksa mengunjungi beberapa agensi Kerajaan. Permohonan-permohonan yang diterima melalui Yunit Pusat ini perlulah dipertimbangkan oleh jawatankuasa-jawatankuasa tertentu dan bukannya Yunit Pusat itu sendiri yang berkuasa memberikan perakuan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Tugas utama pegawai-pegawai di Yunit Pusat itu ialah untuk mempercepatkan proses mendapatkan keputusan terhadap permohonan-permohonan tersebut.

Penubuhan Yunit Pusat ini merupakan peringkat pertama untuk menjadikan LKPP sebagai satu "One-Stop-Agency" bagi perkembangan perindustrian di negara ini. Cadangan untuk mengadakan "package deal system" untuk memberi kesemua kelulusan yang diperlukan bagi menubuhkan projek-projek perindustrian secara semua sekali yang

merupakan peringkat selanjutnya dalam usaha memudahkan urusan para pelabur dengan Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan.

Mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan supaya pihak berkuasa meluaskan pemeriksaannya ke kawasan-kawasan luar bandar, sukalah saya menyatakan bahawa Pegawai-pegawai Kementerian saya memang sentiasa menjalankan pemeriksaan secara perluasan ke atas kedai-kedai di kawasan bandar dan luar bandar termasuklah kawasan-kawasan pendalaman. Pemeriksaan ini mungkin tidak dapat dibuat dengan kerap kali di kawasan-kawasan pendalaman oleh kerana kesulitan perhubungan jalanraya ke tempat-tempat tersebut.

Memang tidak dapat dinafikan mengenai kekurangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan dalam hal ini pihak Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk menambahkan bilangan Pegawai-pegawai di Bahagian Penguatkuasa dan pihak Kerajaan telahpun meluluskan untuk menambahkan sebanyak 32 orang Pegawai-pegawai Penguatkuasa pada tahun hadapan. Mengenai cadangan beliau supaya menurunkan kuasa penguatkuasaan kepada Pegawai-pegawai di peringkat daerah seperti Penghulu-penghulu untuk menguatkuasakan kawalan harga, ingin saya memaklumkan bahawa cadangan ini sangatlah sukar untuk dilaksanakan memandangkan bahawa pegawai-pegawai tersebut mempunyai tugas-tugas mereka yang tertentu dan sekiranya ditambahkan tugas untuk menguatkuasakan kawalan harga ianya akan membebankan kerja-kerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawai tersebut. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa dengan bertambahnya Pegawai-pegawai Penguatkuasa pada tahun hadapan, maka Kementerian ini dapat menguatkuasakan dengan lebih berkesan lagi kawalan harga di bandar-bandar kecil.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Grik yang telah mencadangkan supaya Kementerian menghantar Pegawai-pegawai yang terlatih dan berpengalaman untuk mengetuai Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri, sukalah saya

memberi jaminan iaitu Pegawai-pegawai yang ditugaskan keluar negeri telah terlebih dahulu diberi latihan-latihan di dalam dan di luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan penggalakkan eksport dan juga Pegawai-pegawai tersebut dilatih sebagai penolong kepada Pegawai-pegawai yang telah berpengalaman di Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri.

Selain daripada tindakan di atas, Pegawai-pegawai tersebut juga telah diberi taklimat-taklimat mengenai dasar Kerajaan dan makluman-makluman mengenai badan-badan Kerajaan yang melaksanakan dasar Kerajaan, sebelum mereka dihantar berkhidmat di luar negeri supaya mereka mengetahui dasar Kerajaan dengan jelas serta menjalankan tugas-tugas mereka mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Kementerian saya juga sedar mengenai perkara wartawan-wartawan luar negeri yang mengeluarkan tulisan-tulisan/rencana-rencana yang sengaja memberi gambaran-gambaran yang salah mengenai iklim pelaburan di Malaysia dan tindakan yang tertentu telah diambil oleh Pejabat-pejabat Kedutaan, Perdagangan ataupun Pejabat-pejabat Cawangan LKPP di luar negeri, untuk membetulkan gambaran-gambaran yang salah akibat dari penulisan wartawan-wartawan tersebut. Persidangan-persidangan, Seminar-seminar Penggalakkan Pelaburan yang dianjurkan oleh LKPP ataupun Badan-badan lain selain daripada bertujuan untuk menggalak pelaburan ke negara ini adalah juga bertujuan untuk memberi gambaran yang betul mengenai iklim pelaburan di Malaysia.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Grik supaya Kerajaan mengadakan 'manufacturing export house' sukalah saya menjelaskan iaitu buat masa sekarang Kementerian saya tidak ada cadangan untuk membuat demikian oleh kerana saya menganggap tugas-tugas untuk menggalakkan eksport keluaran-keluaran tempatan yang dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan yang ada sekarang adalah memuaskan dan berkesan. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencari pasaran-pasaran baru serta menggiatkan lagi galakan eksport, lebih banyak Pejabat Perdagangan di luar negeri akan dibuka dari

masa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun hadapan 5 buah lagi Pejabat Perdagangan akan dibuka iaitu di Singapura, Medan, Manila, Bangkok dan Rio de Janeiro. Kementerian juga telah mengkaji cadangan untuk membuka 'Trade Centre' (Pusat Perdagangan) di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur yang akan menjadi Pusat Pamiran Tunggal untuk semua barang-barang eksport Malaysia di mana pelawat/pengimpot luar negeri boleh melihat keseluruhan jenis barang-barang untuk dieksport serta mendapatkan maklumat-maklumat yang cukup mengenai barang-barang tersebut. Pusat Perdagangan ini akan juga menjadi penyebar tunggal maklumat-maklumat mengenai pasaran-pasaran luar negeri dan tempat pengeksport kita mendapatkan butir-butir maklumat mengenai pasaran luar negeri, selain daripada menjadi pusat perjumpaan di antara pengeksport Malaysia dengan pengimpot luar negeri yang melawat ke negeri ini.

Berhubung dengan ulasan Ahli Yang Berhormat dari Semerah mengenai pengeksportan nenas dalam tin ke Asia Barat, sukalah saya memaklumkan iaitu Kementerian saya telah mengadakan beberapa rancangan untuk meningkatkan lagi eksport barang-barang Malaysia termasuklah nenas dalam tin ke Asia Barat memandangkan pasaran ini mempunyai pengimpot yang paling baik untuk meningkatkan pembelian barang-barang dari Malaysia.

Di antara rancangan-rancangan tersebut ialah tinjauan pasaran (market survey) nenas dalam tin yang disediakan oleh Pejabat-pejabat Perdagangan di Kuwait, Jeddah dan Dubai. Maklumat-maklumat dari tinjauan pasaran ini telah diedarkan kepada pengeksport-pengeksport nenas kita untuk pengetahuan serta tindakan susulan mereka seterusnya.

Selain daripada itu, Kementerian juga telah menganjurkan rombongan perdagangan setiap tahun sejak dari tahun 1976 ke beberapa buah negara-negara Timor Tengah serta penyertaan Pamiran Perdagangan di beberapa buah bandar termasuk Jeddah dan Baghdad pada tahun 1977.

Dari tindakan-tindakan yang saya sebutkan di atas, kemajuan telah dicapai di mana

ekspot nenas dalam tin ke Asia Barat telah meningkat daripada \$1.5 juta pada tahun 1975 kepada \$5.6 juta pada tahun 1976 dan saya percaya nilai eksport ini akan terus meningkat akibat dari peningkatan galakan pengeksport yang sedang dan telah dilakukan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Grik di mana beliau menggesa Kerajaan supaya menggalakkan lebih banyak projek-projek perindustrian yang menggunakan ramai buruh, sukalah saya menyatakan iaitu pihak Kerajaan sememangnya telah berusaha untuk menggalakkan para pengusaha supaya melabur di dalam projek-projek perindustrian yang boleh menampung ramai pekerja-pekerja. Sebagai satu langkah yang berkesan, galakan Kelepasan Cukai kerana menggunakan buruh telahpun diperuntukkan bagi projek-projek perindustrian yang menggunakan ramai pekerja-pekerja. Galakan ini adalah sejajar dengan Galakan Taraf Perintis tetapi penganan pengecualian cukai adalah mengikut bilangan pekerja-pekerja dan tidak diasaskan kepada jumlah pelaburan. Di samping itu, di bawah Akta yang sama, Kerajaan telah mengisytiharkan beberapa jenis perusahaan dan barang-barang keluaran tertentu yang menggunakan ramai tenaga pekerja sebagai perusahaan-perusahaan keutamaan dan barang-barang keluaran keutamaan. Dengan pengisytiharan itu projek-projek perusahaan yang mengeluarkan barang-barang keutamaan itu layak mendapatkan Lanjutan Pengecualian Cukai selama 1 tahun sekiranya diluluskan dengan Galakan Pengecualian Cukai atau tambahan 5% kepada kredit cukai pelaburan sekiranya diluluskan dengan Galakan itu.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sektor perindustrian mempunyai matlamat untuk mewujudkan 169,900 pekerja. Dengan itu sektor perindustrian akan menyumbangkan 22.9% daripada jumlah pekerjaan baru yang akan wujud di dalam ekonomi negara menjelang tahun 1980. Matlamat ini memerlukan kadar pertumbuhan pekerjaan di dalam sektor perindustrian naik sebanyak 7.4% setahun. Sebenarnya, pada tahun 1976 kadar kenaikan yang dicapai ialah 11.8%. Pada tahun 1977

pula bilangan pekerjaan-pekerjaan baru yang diwujudkan dianggarkan telah bertambah lagi sebanyak 7.6% daripada tahun 1976. Dengan perkembangan yang telah diperolehi itu Kerajaan berasa yakin bahawa matlamat menambahkan bilangan pekerjaan di sektor perindustrian seperti yang dibentangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu akan dapat dicapai.

Menyentuh tentang harga gula yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, saya ingin menyatakan di sini bahawa harga runcit gula di dalam negeri itu semata-matanya bergantung kepada harga gula mentah di pasaran dunia. Harga runcit gula di dalam negeri bergantung juga kepada harga gula mentah mengikut kontrek gula jangka-panjang dengan Australia dan Fiji dan juga kos pengeluaran kilang-kilang gula yang disatukan (Integrated Sugar Mill) seperti Kilang Gula Padang Terap, Kilang Gula Negeri Sembilan dan Kilang Gula Felda, Perlis. Saya ingin menyatakan juga di sini bahawa mengikut rekod-rekod yang sedia ada di dalam Kementerian saya hingga bulan Oktober, 1978, pecahan bekalan gula mentah di negeri ini untuk keperluan kita adalah seperti berikut:

- |  |     |
|--|-----|
| (i) Impot dari pasaran dunia ialah ...   | 27% |
| (ii) Impot dari Australia dan Fiji mengikut Kontrek Jangka-panjang ... ..              | 55% |
| (iii) Pengeluaran daripada kilang-kilang gula yang disatukan di negara kita ini ... .. | 8%  |

Sungguhpun harga gula mentah di pasaran dunia telah turun seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut akan tetapi jelas daripada angka-angka yang telah saya maklumkan tadi, ini hanya meliputi 27% sahaja daripada keperluan kita. 55% daripada keperluan gula mentah kita perolehi daripada Australia dan Fiji di mana harganya ditetapkan oleh Perjanjian Jangka-panjang, dan mengikut harga yang ditetapkan di dalam Perjanjian tersebut kita tidak dapat menurunkan harga yang sedia ada sekarang. Berkenaan dengan pengeluaran gula tempatan yang menampung hanya 8% daripada keperluan kita, kos pengeluaran kilang-kilang ini pada permulaan ini adalah tinggi dan

sekiranya harga runcit gula diturunkan daripada peringkat yang ada sekarang, kilang-kilang ini tidak akan dapat menampung kos pengeluarannya.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa hasil daripada perundingan semula Kontrek Jangka Panjang dengan Kerajaan Australia dan Fiji ialah kebolehan Kerajaan mengekalkan harga runcit gula di peringkat 65c. sekati sekurang-kurangnya sehingga tahun 1980. Sekiranya Perjanjian tersebut tidak dirundingkan semula, harga runcit gula di negeri ini terpaksa dinaikkan kepada 75c. sekati.

Di dalam soal harga barang, saya ingin menegaskan bahawa memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk menstabilkan harga di peringkat yang berpatutan dan bukanlah untuk mengubahsuaikan harga mengikut aliran harga di pasaran antarabangsa kerana ini akan menyusahkan pengguna-pengguna. Perjanjian baru bekalan gula dengan Australia bukan sahaja menjamin bekalan yang stabil tetapi harga yang stabil juga. Di samping itu Kerajaan mesti juga memberi perhatian kepada kilang-kilang gula yang disatukan di negeri ini seperti Kilang Gula Felda, Perlis; Kilang Gula Padang Terap dan Kilang Gula Negeri Sembilan kerana kedudukan kilang-kilang ini belum lagi stabil. Kilang-kilang ini masih lagi di peringkat permulaan dengan pengeluarannya yang rendah menyebabkan kilang-kilang tersebut terpaksa menanggung kos pengeluarannya yang tinggi. Akan tetapi apabila kedudukan mereka kukuh dan pengeluarannya telah meningkat, kilang-kilang ini akan dapat menampung sekurang-kurangnya 50% keperluan negara dan ada besar kemungkinan kos pengeluarannya akan turun kerana pada masa itu kilang-kilang ini akan dapat menikmati "economies of scale" dan sebagainya. Buat masa ini kilang-kilang ini memerlukan lagi bantuan daripada Kerajaan dan harga runcit gula di peringkat 65c. sekati ini akan memberi galakan kepada kilang-kilang gula yang disatukan itu di dalam menambahkan pengeluaran mereka supaya kos pengeluarannya akan dapat dikurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga runcit gula di negara ini bukanlah

tinggi jika dibandingkan dengan harga-harga di negara-negara jiran seperti harga runcit gula di Singapura ialah 75c. sekati, di Indonesia 75c. sekati dan di Filipina satu negeri yang mengeksport gula mentah 69c. sekati.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih berhubung dengan penipuan perdagangan, sukalah saya menyatakan iaitu Kementerian saya sedar mengenai perkara tersebut. Perkara seperti ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972 dan tindakan tegas telahpun diambil oleh Kementerian saya terhadap perkara tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31hb Oktober, 1978 Kementerian saya telah berjaya memberkas sebanyak 429 kes di bawah Akta tersebut. Pihak-pihak berkenaan telah dan akan didakwa di Mahkamah mengikut undang-undang dan barang-barang yang terlibat juga akan dirampas dan dikendalikan mengikut arahan Mahkamah.

Mengenai barang-barang tiruan atau rompak cipta yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, sukalah saya menyatakan iaitu negara kita memang telah sedia ada satu Akta Hak Cipta semenjak tahun 1969. Akta tersebut bertujuan untuk memberi perlindungan yang secukupnya kepada karya-karya seni dan perindustrian yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia dan orang-orang yang menetap di negara ini atau karya-karya yang berasal dari negeri ini. Barang siapa yang merasa bahawa hasilnya telah dirompak oleh orang lain bolehlah mengambil tindakan Mahkamah di bawah Akta ini secara berseendirian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang mengulangkaji Akta tersebut dan pindaan-pindaan yang perlu akan diambil untuk memperkukuhkan lagi Akta itu. Walau bagaimanapun, sebelum apa-apa pindaan boleh dibuat kajian yang mendalam mestilah dibuat supaya pindaan-pindaan itu akan menjadi lebih berkesan dan memberi faedah kepada pihak-pihak berkenaan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang meminta Perbadanan Kemajuan Pelancungan memajukan

Tasek Ampangan Cenderoh sebagai pusat pelancungan, sukalah saya menyatakan bahawa Perbadanan Kemajuan Pelancungan memang sedar bahawa Tasek tersebut mempunyai penarikan-penarikan yang tersendiri tetapi memandangkan bahawa kawasan tersebut belum mempunyai kemudahan-kemudahan perhubungan yang lengkap bertambah pula dengan masalah-masalah keselamatan, maka pengkajian untuk menentukan kesesuaian kawasan tersebut untuk maksud-maksud pelancungan masih belum dapat dijalankan.

Walau bagaimanapun, apabila lebuhraya Timur-Barat dibuka, Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan menjalankan kajian-kajian awal mengenai kemungkinan dan kesesuaian kawasan tersebut untuk dimajukan. Sekiranya pengkajian tersebut menetapkan yang kawasan itu sesuai untuk maksud-maksud pelancungan, maka Perbadanan akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menyediakan rancangan-rancangan pembangunan untuk pertimbangan Kerajaan.

Mengenai ulasan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin berhubung dengan ketinggian harga kereta-kereta yang dipasang dalam negeri ini, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya sedar mengenai perkara tersebut. Sukalah saya menerangkan iaitu kenaikan harga kereta terutama sekali kereta-kereta yang dipasang di negara ini tidak dapat dielakkan dan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

(i) *Kenaikan harga CKD (completely knocked down pack).*

Kos komponen-komponen CKD merupakan lebih kurang 60% dari harga kereta. Oleh yang demikian sebarang kenaikan harga CKD pack bagi kereta-kereta akan juga memberi kesan kenaikan harga kereta-kereta yang dipasang oleh kilang pemasangan tempatan. Harga-harga CKD pack dinaikkan dari masa ke semasa oleh syarikat-syarikat 'principal' luar negeri bersesuaian dengan kadar inflasi yang mereka telah mengalami.

(ii) *Kenaikan kadar pertukaran mata wang asing.*

Kenaikan kadar pertukaran mata wang asing telah juga memberi kesan kenaikan harga CKD pack dan juga harga kereta-kereta. Umpamanya, dari bulan Oktober 1977 hingga bulan Oktober 1978, dalam jangkamasa satu tahun, nilai kadar pertukaran mata wang Yen Jepun telah meningkat sebanyak 25% lebih dari nilai mata wang Ringgit. Begitu juga Deutch Mark telah meningkat sehingga 11% dalam jangkamasa yang sama.

(iii) *Kos pemasangan*

Kos pemasangan yang termasuk kos buruh, "overheads" dan kos bahan-bahan tempatan telah juga meningkat mengikut kadar inflasi di negeri ini pada masa-masa kebelakangan.

Oleh yang demikian, dalam jangkamasa yang sama, umpamanya harga kereta-kereta buatan Jepun pada purata telah meningkat 17.4% dan kereta-kereta buatan Jerman pada purata telah meningkat 10.2%.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk mengawal kenaikan harga kereta telahpun diambil oleh Kementerian saya dan langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Tiap-tiap syarikat pemasangan tempatan diperlukan membuat permohonan kepada Kementerian saya dalam borang-borang tertentu untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan sebelum mereka dapat menaikkan harga kereta. Sebarang permohonan untuk menaikkan harga kereta akan diteliti oleh Kementerian saya dan kelulusan untuk menaikkan harga ke paras yang berpatutan akan hanya diberi setelah syarikat pemohon didapati ada 'justification' yang kuat untuk mendapat kelulusan tersebut.

Kementerian saya juga ada menolak setengah-setengah permohonan memandangkan mereka tidak ada alasan-alasan yang kuat untuk mendapatkan kelulusan kenaikan harga kereta mereka.

(ii) Kementerian saya telah menggesa syarikat-syarikat pemasang tempatan untuk berunding dengan syarikat-syarikat 'principal' bagi mendapat kenaikan harga CKD pack yang berpatutan.

Pengawalan harga kereta oleh Kementerian saya seperti ini merupakan mechanism yang berkesan bagi menetapkan dan menaikkan harga kereta ke paras yang berpatutan di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu berhubung dengan peruntukan saham kepada Bumiputra yang dikendalikan oleh Kementerian saya, saya tidaklah berhajat untuk menjelaskannya lagi kerana perkara tersebut telahpun diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa beliau memberi jawapan kepada soalan yang berkaitan dengan perkara itu. Walau bagaimanapun, perlulah saya menerangkan di sini berhubung dengan tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan pembelian saham Syarikat Kuala Lumpur-Kepong sebanyak 5,000 saham yang dibeli atas nama Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am. Apa yang sebenarnya berlaku ialah Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am tidak pernah memohon apa-apa saham dari Kementerian saya dan Kementerian saya tidak pernah menawar apa-apa saham kepada beliau. Saham sebanyak 5,000 unit itu ialah secara orang perseorangan untuk Ahli-ahli koperasi Dermajaya Wanita Berhad dan sebagai Pengerusi Koperasi tersebut Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am telah bersetuju namanya digunakan sebagai pemegang saham tersebut bagi pihak ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri yang telah menggesa pihak Kerajaan untuk mengkaji semula Akta Sewa Beli supaya memberi perlindungan kepada para peniaga, sukalah saya memaklumkan iaitu peruntukan-peruntukan di dalam Akta tersebut adalah mencukupi untuk menjaga kepentingan peniaga dan penyewa beli. Di

bawah seksyen 15 sekiranya seseorang penyewa gagal membayar ansurannya dua bulan berturut-turut, sipemunya bolehlah menghantarkan Jadual Keempat memberi notis supaya sipenyewa menjelaskan bayaran tunggakan. Di samping itu sipemunya juga hendaklah menghantar satu lagi notis tambahan. Sekiranya di dalam masa 21 hari, sipemunya masih juga gagal membayar tunggakannya sipemunya bolehlah menarik balik barang-barang yang disewa belikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan ulasan-ulasan berhubung dengan kegiatan Kementerian saya. Mungkin di dalam ucapan saya ini tidak menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya inginlah menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menghubungi saya supaya dapat pandangan-pandangan tersebut diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian saya.

6.18 ptg.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina terhadap Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak bercadang hendak menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan satu persatu, tetapi akan hanya menyentuh perkara-perkara penting dan perlu dijelaskan. Lain-lain teguran dan cadangan akan diambil perhatian dan di mana sesuai akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara perpaduan di negara kita. Malah ada pula yang telah menuduh terutamanya dari DAP bahawa dasar-dasar Kerajaan adalah anti-perpaduan. Sebagai menjawabnya, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan menyedari pentingnya perpaduan di dalam sesebuah negara yang rakyatnya berbilang keturunan. Maka oleh itu semua dasar Kerajaan telah dibentuk dengan matlamat untuk mengujud dan mengekalkan perpaduan di kalangan rakyat. Malangnya ada pihak-pihak tertentu yang mengambil

kesempatan untuk membangkitkan perasaan bersakit-sakit hati dan syak wasangka di kalangan rakyat, dengan alasan bahawa dasar Kerajaan adalah anti-perpaduan.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu mendakwa bahawa Kerajaan tidak menitikberatkan perpaduan rakyat dengan alasan bahawa Lembaga Perpaduan Negara hanya bertaraf sebuah Jabatan sahaja. Beliau meminta supaya diwujudkan Kementerian Perhubungan Kaum yang bertanggungjawab terus kepada Parlimen, untuk memupuk perpaduan negara dengan mengkaji segala dasar dan rancangan Kerajaan. Saya suka menjelaskan bahawa penting atau tidaknya sesuatu perkara itu tidaklah bergantung kepada kecil atau besarnya agensi yang menguruskannya. Usaha-usaha Lembaga Perpaduan Negara adalah bertujuan untuk memupuk perasaan persefahaman, muhibbah dan perpaduan, dan rasa saya usaha-usaha itu telah berhasil. Saya suka bertanya Ahli Yang Berhormat itu, selain daripada mencemuh dan mengkritik usaha-usaha Lembaga tersebut, apakah sumbangan beliau sendiri terhadap perpaduan negara?

Sebelum tahun 1969, soal perpaduan tidak pernah diperkatakan apa lagi diungkit-ungkit. Parti-parti politik yang sama-sama memperjuangkan kemerdekaan, benar-benar memahami muhibbah dan tolak ansur politik. Inilah teras perpaduan yang tidak pernah menjadi masalah di negara ini. Tetapi dengan munculnya parti DAP yang menggunakan issue-issue perkauman untuk mendapat sokongan rakyat, maka telah timbul perasaan syak wasangka di kalangan rakyat. Persefahaman dan tolak ansur politik yang telah terjalin sewaktu memperjuangkan kemerdekaan, telah sengaja dilupakan. Pemimpin-pemimpin DAPlah yang telah mencetuskan suasana ini. Mereka mendakwa memperjuangkan perpaduan, tetapi tindak tanduk mereka sebenarnya adalah anti-perpaduan dan memecah-belahkan rakyat.

Masalah penyalahgunaan dadah yang merupakan masalah besar negara kita sekarang ini, tidak pernah diperkatakan oleh DAP. Kenapa? Sebabnya, masalah ini tidak melibatkan kaum yang diwakili oleh DAP, tidak seperti Dasar Ekonomi Baru yang menurut tafsiran dan dakwaan DAP

menguntungkan segelintir orang Melayu sahaja, dan dengan demikian, memecah-belahkan rakyat negara ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** On a point of order.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa dalam ucapan saya di Dewan ini, saya bagi pihak DAP telah berucap mengenai masalah penyalahgunaan dadah di negara kita ini dan saya ada mencadangkan supaya satu Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengkaji masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan on a point of order. Itu penjelasan di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b) bukan 37 (a). Sila!

**Perdana Menteri:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menegaskan di sini bahawa usaha memupuk perpaduan negara bukanlah tanggungjawab Lembaga Perpaduan Negara sahaja, tetapi adalah tanggungjawab kita bersama, tanggungjawab setiap rakyat, termasuk Ahli-ahli DAP yang sekarang ini melaung-laungkan kecaman dan tuduhan, tetapi tidak cuba meneliti dan memahami usaha-usaha Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesedaran bahawa perpaduan adalah teras kemajuan dan 'survival' negara kita ini, Kerajaan telah membentuk Dasar Ekonomi Baru, yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dengan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan mengurangkan jurang perbezaan antara kaum. Dasar ini telah diterima oleh semua golongan rakyat negara ini. Dengan demikian, tuduhan bahawa Dasar Ekonomi Baru itu memberi faedah kepada kaum bumiputra sahaja adalah tidak benar dan melulu. Sekiranya diteliti semua rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan, jelaslah bahawa rancangan-rancangan itu telah memberi faedah kepada semua golongan masyarakat negara ini. Sekiranya semangat dan matlamat Dasar Ekonomi Baru ini benar-benar difahami dan tidak disalahertikan terutama oleh pemimpin-pemimpin DAP, saya yakin bahawa penggunaan istilah

'Bumiputra' dan 'Bukan Bumiputra' tidak akan dituduh sebagai memecah-belahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling mendakwa bahawa sistem pentadbiran negara kita masih bercorak abad kesembilan belas atau 'nineteen century methods'. Sebagai menjawabnya, saya tidaklah menafikan bahawa ada aspek-aspek dalam pentadbiran kita yang masih bercorak lama. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa seluruh sistem pentadbiran kita bercorak "abad kesembilan belas". Sebenarnya, sistem pentadbiran negara pada masa sekarang, adalah lebih moden dan lebih kemas daripada sistem pentadbiran sebelum kemerdekaan atau pada masa negara kita baru-baru mendapat kemerdekaan. Saya akui di setengah-setengah bahagian seperti di Pejabat Tanah dan Daerah, peraturan-peraturan dan procedure-procedure yang diamalkan agak ketinggalan masa (out-dated) dan patut dipermodenkan.

Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pada tahun 1965, Kerajaan telah mendapatkan dua orang pakar pentadbiran, iaitu Professor Montgomery dan Professor Eaman dari Amerika Syarikat, untuk membuat kajian menyeluruh ke atas sistem pentadbiran negara kita. Mereka telah membuat cadangan-cadangan perubahan dalam sebuah Laporan yang ringkas tetapi menyeluruh. Hasil dari Laporan itu, kita telah menubuhkan Development Administration Unit (DAU). Pegawai-pegawai tempatan di DAU telah menjalankan kajian-kajian lanjut dan hasil dari kajian-kajian itu, beberapa perubahan telah dilaksanakan oleh Kerajaan, di antaranya:

- (1) Penubuhan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi (Programme and Performance Budgeting).
- (2) Rancangan-rancangan Latihan yang comprehensive bagi Pegawai-pegawai Kerajaan.
- (3) Pengkhususan (Specialisation) dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.
- (4) Penubuhan Sistem Kontrek Kerajaan yang dipusatkan.
- (5) Sistem "Mechanization" di beberapa Jabatan Kerajaan seperti Jabatan

Pengangkutan Jalan Raya, Jabatan-jabatan Tanah dan sebagainya.

Kerajaan telah juga menubuhkan Instituit Pentadbiran Awam Negara (INTAN) dalam tahun 1972, iaitu pusat latihan yang ulung dalam bidang pentadbiran awam, yang telah menjalankan tugas-tugas latihan dengan cemerlang. Dalam tahun ini pula, Kerajaan telah menubuhkan Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM) di Jabatan Perdana Menteri, yang tugas utamanya ialah sebagai perunding pengurusan (management consultancy).

Oleh itu, sistem pentadbiran kita telah banyak mengalami perubahan dan kemajuan dan tidak statik seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Oleh kerana negara kita sedang pesat membangun, maka sistem pentadbiran juga perlu diubah dan diperbaiki dari masa ke semasa. Kesimpulannya, apa yang sesuai pada hari ini mungkin tidak sesuai lagi sepuluh tahun hadapan. Walau bagaimanapun, objektif Kerajaan untuk meninggikan mutu jentera pentadbiran negara tidak akan berubah.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa pegawai MCS menentang usaha-usaha memodenkan sistem pentadbiran, saya ingin menyatakan bahawa tuduhan ini tidak berasas dan tidak patut disuarakan, memandangkan bahawa pegawai-pegawai berkenaan tidak dapat hadir untuk mempertahankan diri mereka. Pegawai-pegawai MCS yang sekarang menjadi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik adalah pegawai-pegawai yang telah menjalankan usaha-usaha untuk memoden dan melicinkan sistem pentadbiran negara kita, iaitu mereka yang bertugas di DAU, ICDAU, INTAN, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan UPTM. Saya berpuashati dengan perkhidmatan dan prestasi pegawai-pegawai PTD, iaitu segolongan pegawai-pegawai yang menunjukkan minat dan dedikasi, dan yang taat setia kepada Kerajaan. Jikalau ada kekurangan di dalam PTD, ini ialah kerana perkhidmatan ini dikehendaki menjalankan tugas dan tanggungjawab yang lebih berat dan lebih rumit daripada MCS dahulu. Walaupun begitu, rekod perkhidmatan

pegawai-pegawai PTD pada keseluruhannya, menunjukkan bahawa mereka memainkan peranan yang penting di dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pegawai-pegawai PTD, selain daripada menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan pembangunan negara, telah juga bertanggungjawab menubuhkan dan kadang-kadang membina institusi-institusi dan perbadanan-perbadanan awam seperti penubuhan Universiti Kebangsaan, ITM, FELDA, MARA, UDA, PERNAS, PETRONAS, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), MAS dan sebagainya. Pegawai-pegawai PTD telah juga menjalankan tugas-tugas cemerlang di dalam menyelesaikan beberapa masalah jabatan-jabatan Kerajaan, seperti Jabatan Keretapi Tanah Melayu dan Pengangkutan Jalan Raya. Pendeknya, sangatlah tidak adil bagi Ahli Yang Berhormat itu untuk menuduh kumpulan pegawai ini sebagai penghalang kemajuan oleh kerana sebaliknya mereka telah menjadi tulang belakang pentadbiran negara, dan telah berusaha untuk memajukan ekonomi negara dengan tidak sedikit pun menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap gaji ataupun syarat-syarat perkhidmatan mereka. Mereka tidak pernah menentang Kerajaan dalam apa-apa cara sekalipun, tidak pernah mengancam atau mengkritik Kerajaan. Malahan sebaliknya mereka telah menerima dan menjalankan apa juga tanggungjawab yang telah diberikan dengan penuh taat setia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah mencadangkan supaya diadakan sebuah Unit Pembinaan Jalan Mukim yang khas di Pejabat Daerah. Sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas bagi rakyat di peringkat daerah, iaitu dengan cara menyediakan alat-alat Jentolak, Penggelek (Roller) dan Penyodet (Shovel) yang dikawal oleh Pegawai Daerah sendiri dan disenggarakan oleh JKR. Alat-alat tersebut boleh digunakan untuk membuat jalan-jalan mukim dan lain-lain kerja yang sesuai untuk kemudahan rakyat. Oleh kerana langkah-langkah Kerajaan ini adalah berjalan dengan baik, maka tidaklah perlu diadakan unit khas seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas pula telah membangkitkan perkara kelewatan melaksanakan projek-projek pembangunan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Kerajaan mengadakan Jawatankuasa Tindakan Negeri, dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri serta jawatankuasa-jawatankuasa yang sama di peringkat daerah, adalah supaya sesuatu projek itu dapat dilaksanakan dengan serentak dan terselaras oleh semua kakitangan Kerajaan dari semua Jabatan yang terlibat, tanpa dengan cara mengedarkan laporan dari satu Jabatan ke satu Jabatan yang lain. Surat-menyurat antara Jabatan yang dijalankan itu hanya sebagai rekod oleh Jabatan-jabatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan dan penjelasan yang dapat saya berikan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan menyentuh perkara-perkara ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Teguran dan cadangan lain yang tidak saya sentuh adalah dalam perhatian, dan jika menasabah dan sesuai, akan diterima dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan atas dasar Belanjawan 1979 beberapa hari yang lalu. Oleh sebab teguran-teguran itu menyentuh perkara-perkara seperti perumahan dan setinggan yang telahpun diberi penjelasan dalam sidang ini semasa menjawab soalan mulut, maka saya tidak bercadang memberi sekali lagi maklumat-maklumat yang telahpun diberikan itu. (*Tepuk*)

6.40 ptg.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Belanjawan tahun 1979 yang saya bentangkan di Dewan ini pada 20hb Oktober yang lalu, banyak pandangan-pandangan dan kritik-kritik serta cadangan-cadangan telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Di sini sukalah saya mengambil peluang hendak mengucapkan terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan atas sokongan kuat mereka terhadap Ucapan Belanjawan saya itu.

Nyatalah kepada saya mereka telah banyak menumpukan minat mereka pada strategi Belanjawan ini dan telah pula mengkaji dokumen-dokumen Belanjawan ini dengan teliti, sebelum datang ke Dewan yang mulia ini untuk membahaskannya. Hal ini amatlah saya gemari dan hargai.

Segala pandangan yang berguna dan kritik yang membina itu saya terima dan pandang sebagai panduan kepada Kementerian saya dalam menggubal Belanjawan-belanjawan yang akan datang.

Segala cadangan yang dibuat dalam Dewan ini akan dikaji dan ditimbang oleh Kementerian saya. Dan mana yang menasabah, akan dilaksanakan. Tetapi pujian kesyukuran semacam ini tidaklah dapat saya ucapkan kepada kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Memanglah, saya pun tak berharap sangat akan sokongan mereka.

Walaupun demikian, saya terasa keciwa juga, iaitu ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah sengaja menunjukkan sifat yang amat tidak bertanggungjawab bila mengulas tentang beberapa perkara yang berkait dengan isu-isu ekonomi dan kewangan yang saya bentangkan dalam Ucapan Belanjawan saya itu. Saya tak marah, dan saya tak membantah, hak mereka sebagai tukang bangkang. Tetapi tolonglah kritik secara membina. Janganlah hendaknya begitu 'aib sampai hendak memperdayakan rakyat tentang isu-isu ekonomi dan kewangan yang mustahak bagi keutuhan dan kesetabilan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tentang pertumbuhan ekonomi Malaysia, ada Ahli Yang Berhormat mengatakan, oleh kerana keadaan ekonomi negara-negara yang besar dan maju dijangka akan terus lembab, kita Rakyat Malaysia janganlah hendaknya optimis sangat, tetapi sudah sepatutnyalah bersyukur pula sekiranya negara kita dalam

tahun 1979 bernasib baik sekadar dapat mencapai pertumbuhan ekonomi separas apa yang kita telah capai dalam tahun 1978.

Saya sudahpun menerangkan dalam Ucapan Belanjawan saya tempoh hari bahawa Kerajaan terlibat menjunjung amanah rakyat di dalam soal pembangunan ekonomi negara supaya ekonomi kita tumbuh dan maju sepesat-pesatnya dan seluas-luasnya untuk membolehkan kita memperbaiki nasib dan kebajikan rakyat secara meluas dan merata.

Kerajaan memang cukup sedar bahawa kalau ekonomi dunia berkembang dengan lengah dan lembab maka akibatnya adalah buruk kepada pendapatan eksport Malaysia dan ini akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita.

Maka inilah sebabnya strategi Belanjawan tahun 1979 ini telah disusun supaya dapat menentang sebarang kesan yang buruk akibat dari keadaan ekonomi dunia yang lengah dan tidak pasti dan supaya dapat menjamin ekonomi Malaysia terus bertumbuh pada paras yang tinggi sesuai dengan maksud dan tujuan menjaga kesetabilan harga.

Segala langkah-langkah yang diumumkan dalam Belanjawan ini termasuklah perbelanjaan awam yang lebih tinggi adalah dimaksudkan untuk menggalakkan permintaan dalam negeri supaya dapat kita mencapai pertumbuhan ekonomi Malaysia pada paras yang tinggi iaitu 7.2 peratus pada nisbah yang sebenar bagi tahun 1979.

Dengan jalan ini, perbelanjaan pelaburan awam dijangka akan naik sebanyak 9.8 peratus pada nisbah yang sebenar, manakala pelaburan swasta dijangka akan naik sebanyak 10 peratus dalam tahun 1979.

Sekiranya keadaan ekonomi dunia merosot lagi maka Kerajaan kita tidak akan teragak-agak bagi mengadakan langkah-langkah yang lain untuk menggalakkan permintaan dalam negeri bagi menjamin supaya ekonomi kita terus bertumbuh pada paras yang tinggi supaya kebajikan rakyat tidak terjejas.

Tentang dasar perlindungan ekonomi atau protectionism dasar perlindungan ekonomi negara-negara maju, yang amat membimbangkan kita di Malaysia juga telah dipersoalkan dalam Dewan yang mulia ini.

Dasar ini seperti yang dikatakan adalah memakan diri sendiri dan negara-negara maju tidaklah seharusnya memperlindung perusahaan-perusahaan mereka yang tidak upaya bertanding kerana ini akan membawa akibat yang buruk ke atas perdagangan dunia dan akhirnya ke atas pertumbuhan ekonomi dunia.

Sebagai maklum, Malaysia tidak jemu-jemu mengambil peluang di dalam berbagai forum antarabangsa, mendesak negara-negara maju supaya membuang sekatan-sekatan ekonominya itu supaya semua pihak dapat berdagang dengan bebas.

Negara-negara membangun yang lain juga telah sama mendesak di dalam persidangan-persidangan antarabangsa tersebut. Di dalam mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Komenwel dan di dalam mesyuarat tahunan Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia baru-baru ini, saya telah menyeru negara-negara maju supaya menarik balik ombak perlindungan ekonomi yang menjadi-jadi ini dan menumpukan perhatian mereka kepada soal mengubahsuaikan struktur perindustrian mereka dengan kehendak-kehendak negara-negara membangun yang sedang meningkat keupayaan perindustriannya.

Bersabit dengan ini, sukalah saya menyatakan bahawa Presiden Bank Dunia, Encik Robert MacNamara, telah membuat seruan yang sama di dalam mesyuarat tahunan Bank Dunia itu supaya segala sekatan-sekatan perdagangan dibuang secara beransur-ansur. Tetapi malangnya, seruan-seruan ini tidak dipedulikan dan negara-negara maju terus menjalankan dasar perlindungan perdagangan mereka, kebanyakannya atas sebab-sebab politik.

Malaysia memainkan peranan yang aktif di dalam perundingan-perundingan perdagangan banyak-pihak atau (multilateral trade negotiations) yang sedang berjalan sekarang dengan menggesa supaya diturunkan ataupun dibuang segala sekatan-sekatan perdagangan. Malaysia juga meneruskan usaha-usaha ini dari segi kepentingan ASEAN di dalam dialog-dialognya dengan beberapa negara maju.

Oleh kerana ekonomi kita ialah jenis ekonomi terbuka, yang menyebabkan perdagangan menjadi suatu perkara yang penting bagi pertumbuhan dan harapan masa depan ekonomi kita, maka Kerajaan akan terus berikhtiar mendesak di segala mesyuarat antarabangsa supaya sekatan perdagangan dikurangkan.

Di sini saya suka menarik perhatian kepada ulasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban tentang pertumbuhan pelaburan swasta. Katanya, dan saya bacakan dari Penyata Rasmi Parlimen seperti berikut:

“Adalah dikatakan pertumbuhan pelaburan sektor swasta untuk tahun lalu ialah 78% dan begitu juga untuk tahun ini dan kedua-dua angka ini adalah kurang dari angka 10% yang diduga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Mungkin terdapat “cooking of figures” di sini. Umpamanya, pelaburan dalam pencarian minyak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya telah ditafsirkan sebagai pelaburan swasta. Kedua, pelaburan di dalam Badan-badan Berkanun atau badan-badan yang dikawal oleh Kerajaan telah juga ditafsirkan sebagai pelaburan di dalam sektor swasta, sungguhpun wang ini dapat daripada Kerajaan. Adalah dianggarkan sekarang bahawa Perbadanan-perbadanan Kerajaan ini mengeluarkan lebih dari 1/3 Keluaran Negara Kasar.”

Rasa saya Ahli Yang Berhormat itu macam “Pak Pandir” fahamannya, naif (naive) tentang anggaran-anggaran pertumbuhan pelaburan swasta. Adapun pertumbuhan sebenar sebanyak 7 peratus bagi tahun 1977 dan anggaran pertumbuhan sebenar sebanyak 9 peratus bagi tahun 1978 adalah berthabir dengan pelaburan swasta di bidang binaan serta alat-alat mesin dan kelengkapan dan tidaklah termasuk pelaburan di bidang perusahaan petroliam.

Kalau kita masukkan pelaburan di bidang kemudahan-kemudahan pengeluaran minyak, yang juga sebahagian dari pelaburan swasta, maka kadar-kadar pertumbuhan memanglah tinggi, iaitu sebanyak 9.6 peratus bagi tahun 1977 dan 16.3 peratus bagi tahun 1978. Angka-angka ini adalah didapati dari beberapa petunjuk berhubung dengan

pelaburan swasta, yang telah mula meningkat di pertengahan kedua tahun 1977. Oleh itu, angka-angka ini bukanlah "sengaja diadadakan" seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi disusun atas asas yang konkrit.

Ulasan-ulasan yang seperti inilah yang saya sifatkan sebagai amat tidak bertanggungjawab, bahkan, nakal dan jahat. Ahli Yang Berhormat itu memang masyhur tentang memalsukan maklumat, mengadakan yang tidak ada, untuk memperdaya rakyat Malaysia. Ini dilakukannya sewenang-wenang, tidak silu dan sesal, tidak mengenal buruk dan baik, dan tidak peduli benar atau palsu.

Cara beliau memperkarutkan apa yang benar, hanya menunjukkan seorang yang sudah putus asa, yang tak peduli bagi siapa yang menderita kehinaan, akibat ketidakjujurannya itu.

Ahli Yang Berhormat itu ada mengatakan kononnya Kerajaan "sengaja mengadadakan angka" dan membuat tohmah iaitu Kerajaan ada "mencetak duit" untuk membiayai pembangunan. Saya sebut lagi dari Penyata Rasmi Parlimen tentang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu:

"..... akibat Belanjawan-belanjawan deficit yang dibentangkan tahun demi tahun, hutang negara telah meningkat kepada \$17,957 juta dalam tahun ini. 22% dari amount ini adalah pinjaman dari luar negeri dan sungguhpun baki 78% yang lain itu dipinjam dari sumber-sumber tempatan yakni dari rakyat terdapat kebimbangan bahawa hutang awam kita adalah terlalu tinggi dan Kerajaan sedang mencetak lebih banyak wang sebagai jalan untuk mengatasi masalah ini."

Beliau tentu sekali sedar bahawa ini adalah tuduhan-tuduhan palsu. Kalau tidak, beliau mestilah dianggap samada amat tebal dalam hal pengurusan ekonomi dan kewangan, ataupun sengaja nak buat jahat dan nakal. Kita semua sedar siapa dia yang cuba mengancam keselamatan negara kita melalui aktiviti-aktiviti subversif. Tetapi saya mengambil peluang di sini hendak menyedarkan Dewan yang mulia ini kepada satu

jenis subversif atau pengkhianatan yang baru terhadap kepentingan negara kita. Pengkhianatan yang baru ini ialah pengkhianatan ekonomi atau 'economic subversion', dalam bentuk kenyataan-kenyataan yang jahat dan nakal yang sama sekali tidak berasas, dan yang bermaksud untuk memperdaya dan mengelirukan fikiran rakyat. Ini adalah 'economic subversion'.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang yang berkenaan, supaya ambil perhatian atas perkara ini dan cubalah jangan cari nama tanpa menghiraukan akibatnya yang buruk kepada diri mereka sendiri dan juga kepada orang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Keluang tak yakin inflasi dapat dikawal setakat 5 peratus dalam tahun 1978 oleh sebab bekalan wang dijangka akan bertambah sebanyak 20 peratus.

Dari segi jangkamasa panjang, memanglah perkembangan edaran wang seharusnya sesuai dengan pertumbuhan ekonomi, akan tetapi perselisihan antara pertumbuhan bekalan wang dengan pertumbuhan Keluaran Negara Kasar belumlah lagi mempengaruhi harga ke takat yang membawa erti. Dipandang dari segi keadaan ekonomi kita yang terus menerus bertumbuh pada paras yang tinggi, maka kenaikan harga barang-barang pengguna sejak tahun 1975 adalah sederhana sungguhpun kadar perkembangan edaran wang adalah kira-kira 19 peratus purata setiap tahun.

Misalnya, dalam tahun 1976 dan 1977, Angkatunjuk Harga Pengguna telah naik hanya 2.6 peratus dan 4.7 peratus masing-masing meskipun bekalan wang naik sampai 20.6 peratus dan 16.6 peratus dalam tahun-tahun tersebut. Kenaikan harga setakat ini pada tahun ini, pun sederhana. Data terakhir bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 1978 menunjukkan Angkatunjuk Harga Pengguna naik secara sederhana sebanyak kira-kira 5 peratus. Kenaikan ini nyatahlah membayangkan kesetabilan paras harga barang-barang makanan, yang juga naik sebanyak kira-kira 5 peratus berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1977. Kenaikan harga barang-barang pengguna adalah dijangka setabil pada kira-kira 5 peratus untuk seluruh tahun 1978 ini.

Jadi, kenaikan bekalan wang tidaklah seharusnya membimbangkan kerana ia belum lagi nampak mempengaruhi harga barang-barang yang tak berpatutan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memerhatikan dengan teliti akan perkembangan-perkembangan dari segi jumlah besar wang yang dibekalkan dan harga-harga barang di dalam negeri dan Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membantu menahan kenaikan harga barang-barang.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah memomok-momokkan Dewan dengan dongengnya mengenai bahaya mengadakan kurangan dalam Belanjawan, yang menyebabkan kita terpaksa meminjam untuk membiayai pembangunan. Beliau merasa bahawa keadaan itu boleh mengakibatkan berlakunya inflasi yang tak terkawal atau "runaway inflation". Beliau juga menyatakan perasaan bimbang telah timbul yang Kerajaan ada mencetak wang, sebagaimana yang saya telah sebut tadi untuk mengatasi keadaan itu. Ahli Yang Berhormat dari Keluang juga menyentuh soal meminjam dan cuba membuat tohmah seolah-olah Kerajaan meminjam kerana semata-mata gatal meminjam. Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah mengatakan, saya baca:

".....Menteri Kewangan memang akan enggan beralih daripada jalan-jalan predecessor beliau dengan alasan bahawa Kerajaan akan mengelilingi dunia minta sedekah dan meminjam untuk menjalankan projek-projek pembangunan yang ruparupanya dirancang untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Meminta sedekah dan meminjam adalah menjadi tabiat tetap dahulunya Kerajaan Perikatan dan sekarang pula Kerajaan Barisan Nasional."

Oleh kerana perkara-perkara ini kait-mengait, jiarlah saya jawab kepada semua tuduhan-tuduhan ini.

Saya suka menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa adalah menjadi dasar kewangan Kerajaan untuk berikhtiar sedaya-upaya supaya Belanjawan mendapat lebih dalam akaun semasanya. Bahkan dalam masa 18 tahun kebelakangan ini,

kecuali dalam tahun 1972, akaun semasa (current account) Belanjawan tidak pernah mengalami kurangan. Saya suka menegaskan perkara ini sekeras-kerasnya kerana memang bukan dasar kita meminjam untuk membiayai penggunaan atau perbelanjaan mengurus. Setakat mana yang boleh, kita cubalah menentukan supaya akaun semasa berada di dalam keadaan seimbang atau, sekurang-kurangnya, mempunyai lebih untuk membantu membiayai perbelanjaan pembangunan atau perbelanjaan modal. Walau bagaimanapun, lebih-lebih itu adalah jauh dari mencukupi untuk membiayai perbelanjaan yang besar yang diperlukan oleh Kerajaan untuk mempercepat pembangunan sosio-ekonomi negara.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah yang kita terpaksa belanjakan ke atas pembangunan semakin bertambah-tambah meningkat dari tahun ke tahun, terutama sekali sejak pembentukan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam mana Kerajaan telah melipatgandakan usahausahanya untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dengan itu, untuk membolehkan pembiayaan usahausaha kita bagi membina lebih banyak sekolah-sekolah, hospital, jalan-jalan, lain-lain kemudahan infrastruktur, menyediakan kemudahan bekalan letrik luar bandar dan dalam bandar, air, perumahan dan lain-lain projek sosio-ekonomi yang bermaksud memperbaiki kualiti hidup rakyat, maka kita terpaksa meminjam wang dari sumber-sumber dalam negeri dan antarabangsa. Wang yang kita pinjam itu telah digunakan untuk menambahkan setok negara dalam bentuk harta-harta yang produktif, di samping menambahkan hasil, yang sudah tentu akan menambahkan keupayaan kita membayar balik wang yang kita pinjam. Sekiranya kita tidak meminjam untuk membiayai pertambahan harta-harta tersebut, tidaklah kita dapat menyediakan semua kemudahan-kemudahan dan faedah pembangunan yang telah dinikmati oleh rakyat selama ini. Itulah sebabnya saya katakan dahulu bahawa mereka yang menentang peminjaman adalah menentang Dasar Ekonomi Baru, bahkan menentang sebarang bentuk pembangunan atau kemajuan demi kepentingan rakyat. Malah saya berani menyatakan bahawa

sekiranya Kerajaan tidak mengambil daya usaha untuk membangunkan ekonomi, kita tidak akan mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi yang sama-sama kita saksikan dalam beberapa tahun ini. Oleh itu, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat itu sendiri: adakah beliau lebih suka melihat kita tidak mempunyai sekolah untuk anak-anak kita, tidak ada hospital untuk mereka yang sakit, tidak ada jalan-jalan raya untuk kita berjalan dan mengembara? Adakah beliau lebih suka melihat keadaan ekonomi kita lembab, rakyat yang menganggur ramai bilangannya, suasana dalam negeri sentiasa tegang dan muram? Atau adakah beliau setuju yang kita patut meminjam dan gunakan wang dengan saksama dan berhati-hati seperti yang kita lakukan selama ini bagi membiayai projek-projek pembangunan supaya ekonomi kita dapat tumbuh terus menerus.

Saya mahu terangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa kita tidak ada jalan lain dan oleh sebab itu kita akan terus meminjam seperti yang sudah-sudah untuk mengekalkan, malah mempercepat usaha-usaha pembangunan negara kita. Memanglah ada satu jalan yang boleh kita pilih untuk membiayai pembangunan, iaitu dengan menaikkan cukai yang lebih tinggi, tetapi ini tentulah akan menakutkan pelabur-pelabur. Akibatnya ialah membawa kesusahan kepada rakyat. Hanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang sahajalah yang berani menunjukkan bebalnya dengan menyuruh kita ikut jalan yang bodoh ini.

Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang memang sengaja tidak mahu faham dan memutar-belitkan soal meminjam. Ahli Yang Berhormat dari Kluang misalnya, menyatakan bimbangannya kerana kurangan Belanjawan seluruhnya ialah sebanyak 49% dari hasil negara. Saya sebut apa yang telah dikatakan olehnya:

“Berkenaan dengan pinjaman, sebahagian daripada peruntukan Belanjawan sebanyak \$13,570 juta, \$4,470 juta ialah terdiri dari simpanan dan pinjaman. Ini adalah bererti bahawa kita membelanjakan sebanyak 49% daripada pendapatan yang dianggarkan. Apakah maksudnya ini? Ini adalah bererti bahawa kita meminjam \$1 dari \$3 yang kita belanja. Adakah ini bererti pengurusan

ekonomi yang baik? Saya perlu tegaskan bahawa ini tidak.”

Kritik semacam ini amatlah ganjil. Ia menunjukkan yang beliau tidak faham akan prinsip-prinsip asasi kewangan awam. Kalau inilah gayanya Ahli Yang Berhormat itu mengemukakan kritiknya, terutama sekali bila beliau dikenal kononnya sebagai bayang Menteri Kewangan DAP (DAP's shadow Finance Minister) entahlah, saya khawatir apakah akan jadi kepada negara kita ini, sekiranya partinya, iaitu DAP, dapat berkuasa (*Tepuk*). Mohon dijauhkan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan ekonomi kita sudah tentu akan lumpuh dan tinggal menjadi bayang-bayang sahaja dari ekonomi yang begitu tegap yang dapat kita sama-sama saksikan keadaannya hari ini. Bila hal ini berlaku mahu tak mahu Ahli Yang Berhormat kenalah bermain dengan bayang-bayang ekonominya sendiri. Ketika itu dapatlah kita sama-sama menonton Wayang Kulit Kerajaan DAP lengkap dengan segala alat-alatnya yang didalangkan dari jauh.

Tak payahlah saya ulangi apa yang telah saya katakan dahulu, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan semula perkara ini, silalah baca apa yang telah saya katakan sekiranya mereka tertinggal atau salah faham dengan ucapan saya itu. Lainlah, kalau mereka sengaja buat salah faham. Walau bagaimanapun saya suka menegaskan bahawa lebih 50% daripada wang yang kita pinjam dari pasaran dalam negeri adalah datangnya dari sumber-sumber kewangan yang tidak menggalakkan inflasi. Elok juga dinyatakan di sini bahawa 78% dari jumlah pinjaman kita datangnya dari sumber-sumber yang tidak menambahkan inflasi. Kita memang memerhatikan keadaan dengan teliti bagi menentukan supaya perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan tidak akan menyebabkan inflasi. Keadaan inflasi di negara ini bukanlah bertambah buruk, malah bertambah lega dan setabil pada kira-kira 5% tetapi seperti yang telah saya nyatakan, oleh sebab keadaan ekonomi kita yang terbuka, maka tidaklah kita dapat mengelakkan unsur-unsur inflasi yang datang dari luar negeri. Walau bagaimanapun “runaway inflation” atau inflasi yang tak terkawal tidak wujud di Malaysia. Untuk pengetahuan Ahli Yang

Berhormat dari Seremban juga, yang telah menyentuh keadaan di Amerika Syarikat, suka saya memberitahu beliau bahawa sungguhpun Amerika Syarikat pernah mengalami kadar inflasi yang lebih tinggi dari yang pernah kita alami, tetapi tidaklah betul bahkan karut kalau disifatkan keadaan itu sebagai "runaway inflation".

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menjawab tentang beberapa perkara berhubung dengan perbelanjaan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah kekurangan pegawai dan kakitangan di Jabatan-jabatan Kerajaan untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Sukalah saya menerangkan bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji keperluan mendapatkan pegawai dan kakitangan bagi Jabatan-jabatan Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dari masa ke semasa bukan sahaja melalui belanjawan tahunan tetapi jua pada lain-lain ketika jika sekiranya perjawatan-perjawatan tersebut perlu diwujudkan dengan serta merta. Bila menimbangkan permohonan-permohonan perjawatan yang dikemukakan oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang berkenaan, Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam biasanya meluluskan bilangan perjawatan yang mencukupi setelah ditentukan yang jawatan-jawatan itu mustahak untuk meningkatkan kecekapannya. Bagi tahun 1979 sejumlah kira-kira 18,000 jawatan baru dalam berbagai peringkat telah diluluskan untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan. Keputusan ini dibuat selepas mengadakan perbincangan yang lanjut dan terperinci. Walau bagaimanapun, kadang-kadang pengisian jawatan-jawatan yang diluluskan itu mengambil masa sedikit disebabkan oleh kekurangan calon-calon yang layak untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut terutama sekali bagi jawatan-jawatan ikhtisas dan teknikal. Oleh sebab kekurangan itu, maka Kerajaan terpaksa melaksanakan projek-projek pembangunannya sedaya upaya walaupun jumlah pegawai dan kakitangan yang sedia ada tidak cukup. Ikhtiar sentiasa dijalankan supaya dapat ditambah bilangan pegawai dan kakitangan secara beransur-ansur.

Berkenaan dengan Odit Pengurusan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat tidak begitu faham, barangkali apa yang dimaksudkan.

Mula-mula sekali saya hendak menyatakan iaitu odit pengurusan ialah satu aspek fungsi pengurusan untuk mengadakan pemeriksaan mendadak atau "spot checks" secara berterusan dalam agensi yang mempunyai yunit odit pengurusan. Oleh yang demikian, odit pengurusan akan dapat memberikan maklumat maklumbalas yang berterusan kepada pihak pengurusan tentang sejauh manakah satu-satu kegiatan yang telah dirancangan itu jaya atau gagal supaya tindakan sewajarnya akan dapat diambil dari masa ke semasa. Oleh itu, odit pengurusan tidak akan menggantikan odit luar yang akan terus dijalankan oleh Ketua Odit Negara yang bertanggungjawab untuk membuat laporan kepada Dewan ini. Cadangan supaya diletakkan odit pengurusan di bawah tanggungjawab Dewan yang mulia ini tidak munasabah kerana cawangan odit pengurusan akan bertanggungjawab terus kepada Ketua Jabatan. Saya hendak menegaskan di sini bahawa jawatan-jawatan bagi odit pengurusan ini akan diisi oleh pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman dan kelayakan yang sesuai seperti akauntan, ahli ekonomi dan lain-lain. Dengan ini adalah diharapkan supaya prestasi pelaksanaan pengurusan kewangan Kerajaan dapat ditingkatkan dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula berubah dan beralih kepada soal-soal percukaian yang telah dibahaskan dalam Dewan ini. Saya dapati beberapa Ahli Yang Berhormat telah menumpukan pandangan mereka terhadap kekurangan pelepasan perseorangan bagi cukai pendapatan dan kesan-kesan yang dikhuatiri dengan adanya pengurangan duit atas beberapa barang-barang yang tertentu. Beberapa Ahli dari Sabah dan Sarawak juga telah mengemukakan pandangan mereka terhadap kedudukan penanam-penanam lada hitam dan mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil langkah memperbaiki kedudukan kaum-kaum petani ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak memberi ulasan terhadap pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu satu

persatu kerana perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat itu adalah serupa.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang semuanya telah mengatakan cadangan-cadangan percukaian yang dibuat bagi Belanjawan 1979 adalah tidak memberi faedah kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, malahan langkah-langkah yang telah diumumkan itu mengenai pengurangan duti impot atas beberapa barang yang tertentu hanya menguntungkan mereka yang berada. Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyatakan dan saya bacakan disini:

“... perubahan-perubahan dalam kadar cukai untuk barang-barang lain adalah tidak bererti dan ianya cuma akan menguntungkan kelas berada sahaja. Adalah tidak hairan memandangkan soal daripada mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional berasal bahawa perubahan-perubahan dalam cukai impot untuk minyak wangi dan alat-alat solek sepertimana diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah disambut dengan tepuk-tepukan di dalam Dewan ini. Tetapi saya rasa sebilangan besar rakyat akan berminat untuk mengetahui mengapakah harga barang-barang keperluan tidak diturunkan.....”

Sangkaan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti ini adalah salah. Kerajaan telah berusaha untuk mengurangkan beban saaraan hidup atas mereka yang berpendapatan rendah dan langkah-langkah ini termasuk menentukan supaya barang-barang keperluan tidak dikenakan cukai sama ada cukai impot ataupun cukai eksais dan cukai jualan. Sebenarnya semua barang-barang keperluan memang tidak dikenakan sebarang cukai. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak sedar mengenai perkara-perkara ini kerana sebok dengan perkara-perkara bagi mementingkan diri dan partinya sahaja sehingga tidak ada masa hendak menyemak perkara-perkara seperti percukaian yang menyentuh kehidupan rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah. Dari segi langkah-langkah percukaian, untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah, oleh kerana tidak ada lagi cukai yang boleh dikurangkan supaya mereka yang berpendapatan rendah

itu dapat terus menikmati kehidupan tanpa beban saaraan hidup, maka Kerajaan telah mengambil langkah-langkah lain untuk mencapai tujuan yang sama. Kerajaan bukan sahaja menentukan supaya barang-barang keperluan tidak dikenakan cukai, malahan ia mengawasi juga harga barang-barang ini seperti gula, beras, tepung dan susu kerana ia bertanggungjawab terhadap kepentingan mereka yang berpendapatan rendah.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berasa keciwa kerana tidak ada cadangan dalam Belanjawan ini untuk menambah pelepasan cukai pendapatan bagi perseorangan dan isteri. Mereka menyebut pelepasan sebanyak \$2,000 untuk perseorangan dan \$1,000 untuk isteri itu tidak mencukupi. Inginlah saya menyatakan di sini sangkaan ini tidak betul. Dalam Belanjawan 1977 Kerajaan telah mengurangkan cukai untuk perseorangan dan isteri dengan memberi “rebate” iaitu \$60 bagi diri sendiri dan \$30 bagi isteri. Ini samalah seperti menambah pelepasan persendirian sebanyak \$1,500 untuk mereka yang dikenakan cukai 6%. Pendek kata pembayar-pembayar cukai yang berpendapatan rendah dalam lingkungan ini mendapat pelepasan cukai sebanyak \$4,500 untuk diri sendiri dan isterinya dan bukanlah \$3,000 seperti yang disebut-sebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam membincangkan soal pelepasan cukai pendaptan ini, tidaklah lengkap jika kita melupakan atau mengeneipkan pelepasan-pelepasan cukai pendapatan yang lain. Pelepasan cukai bagi anak-anak juga ada dicadangkan untuk ditambah iaitu daripada \$2,350 kepada \$3,000. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem yang ada sekarang ini membenarkan pelepasan untuk anak-anak digilirkan kelayakannya, iaitu anak yang kedua akan layak diberi pelepasan yang terbanyak apabila ia mengambil tempat anak yang pertama. Misalnya, apabila anak yang pertama itu mencapai umur 16 tahun dan sekiranya dia tidak lagi menjadi tanggungan ayahnya, bolehlah anak yang kedua mengambil tempat anak yang pertama. Dengan cara ini pelepasan itu dengan sendirinya bertambah untuk anak yang kedua atau seterusnya.

Selain daripada itu pelepasan untuk caruman bagi Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP) dan bayaran premium insuran adalah dicadang dinaikkan dari \$3,000 kepada \$3,500. Jika diambilkira tambahan pelepasan cukai untuk anak-anak yang dicadangkan sekarang seorang yang mempunyai anak seramai 5 orang tidaklah kena cukai jika pendapatannya kurang daripada \$500 sebulan. Kalau pelepasan-pelepasan lain sama diambilkira, iaitu pelepasan pendapatan pekerja (earned income), caruman kepada KWSP dan bayaran premium insuran yang dicadang dinaikkan sekarang, maka jumlah pendapatan yang tidak dikenakan cukai akan meningkat kepada \$875 sebulan.

Izinkan saya jelaskan bahawa pelepasan cukai sebenarnya berjumlah agak besar juga. Kesemuanya berjumlah \$10,850 yang terdiri dari:

Pelepasan Perseorangan .. ..	\$2,000
Pelepasan untuk isteri .. ..	\$1,000
Pelepasan untuk pendapatan pekerja (earned income) .. ..	\$1,000
Pelepasan untuk anak-anak .. ..	\$2,350
Pelepasan untuk caruman KWSP & bayaran insuran premium .. ..	\$3,000

Pelepasan berbentuk rebat samalah dengan jumlah pelepasan sebanyak \$1,500 dan dengan tambahan pelepasan seperti yang dicadangkan dalam Belanjawan 1979 untuk anak-anak dan caruman kepada KWSP dan bayaran premium insuran yang berjumlah \$1,150, maka jumlah pelepasan yang diberi oleh Kerajaan akan menjadi \$12,000.

Sekiranya ditambah lagi pelepasan untuk persendirian dan isteri sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bermakna banyak dari bilangan pembayar cukai yang ada sekarang tidak akan membayar cukai lagi. Bukan sahaja Kerajaan akan rugi kerana cukai yang akan diperolehi akan berkurangan, tetapi bilangan yang akan mendapat faedahnya itu hanya lebih kurang 300,000 orang sahaja iaitu jumlah pembayar cukai sekarang ini daripada jumlah 3 juta orang yang bekerja yang mana sudahpun diberi bantuan menerusi pelepasan-pelepasan seperti yang saya sebutkan tadi. Padahal yang berkehendakkan bantuan Kerajaan ialah

mereka yang berpendapatan rendah iaitu yang berjumlah 11.7 juta penduduk negara ini yang tidak membayar cukai langsung.

Sebagaimana telah saya terangkan tadi, oleh kerana bilangan orang yang membayar cukai adalah kecil sahaja jika dibandingkan dengan jumlah penduduk di negara ini, maka faedah penambahan pelepasan cukai pendapatan ini akan dinikmati oleh hanya sebilangan kecil penduduk sahaja. Mereka yang miskin dan berpendapatan rendah memang tidak membayar cukai pendapatan, dan oleh itu pelepasan cukai pendapatan tidak akan memberi manfaat langsung kepada mereka. Oleh itu, siapakah orang-orang berpendapatan rendah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu, terutamanya tentang cukai pendapatan? Nampaknya beliau hanya mengambil berat tentang kedudukan mereka yang membayar cukai sahaja dan bukan mereka yang betul-betul berpendapatan rendah dan miskin.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah menekankan bahawa Belanjawan 1979 tidak mendatangkan faedah kerana ia tidak mengandungi pelepasan cukai pendapatan, seolah-olah pelepasan cukai pendapatan sahajalah yang merupakan ukuran bagi menentukan sama ada sesuatu Belanjawan itu membawa faedah kepada rakyat atau tidak.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengulangkaji soal pelepasan cukai untuk pendapatan perseorangan.

Belanjawan bukan sahaja mengandungi perubahan-perubahan cukai tetapi juga perbelanjaan. Dari itu manfaat yang dapat diberi kepada mereka yang berpendapatan rendah bukanlah sahaja melalui cukai, tetapi juga menerusi perbelanjaan. Maka tidaklah jujur mengkritik sesuatu Belanjawan itu dengan menumpukan perhatian semata-mata kepada soal cukai.

Sebenarnya, peranan perbelanjaan adalah sama pentingnya dengan percukaian dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat. Dalam Ucapan Belanjawan, saya telah menghuraikan perbelanjaan pembangunan yang begitu banyak untuk meninggikan pendapatan dan taraf hidup rakyat yang

berpendapatan rendah. Dari segi subsidi sahaja, sebanyak \$350 juta ada diperuntukkan dalam berbagai-bagai aktiviti untuk membantu petani-petani, nelayan-nelayan dan lain-lain mereka yang berpendapatan rendah. Jika pelepasan cukai pendapatan untuk perseorangan dan isteri ditambah, katakanlah, sebanyak \$2,000 lagi, maka bantuan yang diterima oleh pembayar-pembayar cukai (atau kehilangan hasil dari segi Kerajaan), tidakpun sampai 10% daripada jumlah subsidi yang disebutkan tadi. Nikmatnya bukanlah kepada pembayar-pembayar cukai pendapatan rendah sahaja, tetapi juga kepada semua pembayar yang berpendapatan tinggi juga. Lagipun, bilangan pembayar-pembayar cukai yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan adalah berjumlah 185,253 orang sahaja. Bilangan ini amatlah kecil kalau dibandingkan dengan bilangan petani-petani, nelayan-nelayan dan orang-orang berpendapatan rendah lain yang tidak masuk dalam golongan mereka yang membayar cukai pendapatan.

Atas perkara pelepasan juga, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan pemberian "educational rebate" atau rebate pelajaran bagi mereka yang berpendapatan \$15,000 setahun ke bawah supaya dapat mereka menghantar anak-anak mereka belajar keluar negeri kerana tidak cukupnya tempat-tempat di universiti tempatan. Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak sedar iaitu Kerajaan ada memberi "rebate" seperti ini untuk pembayar-pembayar cukai. Saya berasa hairan mengapa Ahli Yang Berhormat itu suka membangkit-bangkitkan perkara ini, melainkan dia sudah kehabisan modal. Nampaknya beliau asyik dengan soal Universiti Merdeka sahaja. Pendek kata beliau adalah one-issue man.

Berhubung dengan duti eksport atas lada hitam yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, saya ingin menjelaskan bahawa kadar duti eksport telahpun diubah pada 20hb Julai, 1978. Perubahan ini telah dibuat selepas Kementerian saya mengkaji dengan sedalam-dalamnya kedudukan pengeluaran lada hitam di Sarawak yang dikatakan tidak begitu lumayan pendapatannya kerana kenaikan kos

pengeluaran dan beban cukai eksport yang kadarnya telah tidak berubah sejak zaman penjajahan lagi. Kadar duti eksport yang begitu lama wujudnya adalah tidak seimbangan dengan pendapatan penanam-penanam lada hitam. Cukai eksport terpaksa dibayar pada hal kos pengeluaran belum dapat diatasi. Untuk memperbaiki kedudukan mereka, Kerajaan telah mengadakan satu struktur duti eksport yang baru iaitu duti eksport hanya dikenakan selepas harga \$110 satu pikul bagi lada hitam dan \$130 satu pikul bagi lada putih, berbanding dengan kadar dahulu iaitu selepas \$40 satu pikul untuk lada hitam dan \$55 satu pikul untuk lada putih. Pada peringkat harga ini, penanam-penanam lada hitam sudah pun menikmati keuntungan. Oleh yang demikian, kadar duti eksport atas lada hitam yang baharu itu dapatlah menjamin pendapatan penanam-penanam lada hitam dan duti eksport hanya dikenakan selepas kos pengeluaran dapat diatasi. Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam lada hitam bukanlah semata-mata disebabkan oleh pengenaan duti eksport. Masalah-masalah lain dan lebih besar adalah berkait dengan soal tanah, penyakit pokok dan sistem pemasaran sendiri. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menggesa pihak-pihak tertentu supaya memperbaiki kedudukan ini supaya penanam-penanam lada hitam puas hati. Mengenai duti eksport, saya ingin menyatakan iaitu perkara ini sentiasa dikaji.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menegur tentang duti yang dikenakan ke atas bahan-bahan binaan dan telah mencadangkan supaya duti-duti ini diturunkan sama ada barang-barang itu dibuat dalam negeri atau tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan daripada bahan-bahan binaan adalah dibuat dalam negeri ini sekarang dan duti-duti yang dikenakan atasnya adalah untuk melindungi perusahaan-perusahaan tempatan yang mengeluarkan bahan-bahan binaan itu serta memberi banyak pekerjaan kepada rakyat kita. Walau bagaimanapun, kadar duti ini adalah dikaji dari masa ke semasa supaya peringkat perlindungan yang diberikan kepada perusahaan-perusahaan itu berada pada kadar yang minima sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Keluang telah menyentuh tentang elau pelaburan semula yang dicadangkan sebanyak 25% untuk dikuatkuasakan mulai tahun taksiran 1980. Beliau telah mencadangkan supaya elau itu diberi sebanyak 100% dan dipanjangkan kepada semua sektor perkilangan. Dalam perkara ini saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Ucapan Belanjawan saya di mana telah diterangkan iaitu tujuan mengadakan elau pelaburan semula itu ialah untuk membolehkan perusahaan-perusahaan yang sudah bertapak supaya bergiat memodenkan perusahaan mereka dan menambah pengeluarannya. Kerajaan tidak bercadang hendak memberikan elau pelaburan semula sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana langkah ini adalah bertelingkah dengan peruntukan-peruntukan galakan pelaburan yang telahpun disediakan pada masa ini seperti taraf perintis, kredit cukai pelaburan, kelonggaran cukai penggunaan tenaga buruh dan lain-lain yang mana kesemuanya layak diperolehi oleh perusahaan-perusahaan baharu. Sekiranya elau pelaburan semula diberikan dengan kadar yang sebegitu tinggi, ini bermakna perusahaan-perusahaan yang sudah bertapak tidak akan langsung menyumbangkan keuntungan mereka menerusi percukaian kepada Kerajaan. Selanjutnya keperluan mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bukanlah satu sekatan tetapi hanya untuk menentukan perusahaan-perusahaan yang diberi elau pelaburan semula itu adalah yang diluluskan mengikut Akta Penyelarasan Perindustrian.

Saya suka pula menyentuh soal kontrak yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini di mana telah dicadangkan supaya kontraktor-kontraktor pembinaan tempatan diberi peluang untuk mengendalikan kerja-kerja kontrak di peringkat daerah atau negeri. Di sini ingin saya menegaskan bahawa sudahlah menjadi dasar Kerajaan jika boleh sesuatu projek di peringkat negeri atau kawasan dikendalikan oleh kontraktor dari kawasan yang berkenaan. Ini ialah dibuat dengan tujuan untuk menggalakkan pembangunan di kawasan tersebut dan pelaburan tidak dibawa balik ke bandar. Seterusnya, jika pun tidak ada kontraktor-kontraktor

tempatan yang besar yang dapat mengendalikan sesuatu projek itu, syarat-syarat adalah dimasukkan ke dalam perjanjian kontrak supaya kontraktor tersebut menggunakan sab-kontraktor-sab-kontraktor dari kawasan projek termasuk juga pengambilan pekerja-pekerja dari kawasan pembinaan.

Mengenai rancangan ampangan yang akan dibina di kawasan Ulu Trengganu, kontrak kerja terowong lengungan misalnya, telah pun diberi kepada sebuah syarikat antarabangsa yang bergabung dengan sebuah syarikat kontraktor bumiputra tempatan dan kontraktor ini telah disyaratkan untuk menggunakan secara maksima sab-kontraktor-sab-kontraktor dari kawasan pembinaan dan juga mengambil pekerja-pekerja dari kawasan tersebut. Pihak Lembaga Letrik Negara telah diarah untuk mengawasi supaya syarat-syarat ini dilaksanakan dengan secara tegas dan memuaskan.

Mengenai kekurangan kuantiti dalam pembekalan barang-barang kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, saya suka menyatakan bahawa perkara ini adalah sentiasa dalam pengawasan. Syarat-syarat tertentu ada dalam Perjanjian Kontrak berkenaan di mana Kerajaan berhak meminta penggantian kekurangan kuantiti berkenaan. Jika terdapat kes-kes tertentu tindakan akan diambil mengikut syarat-syarat kontrak.

Di samping itu, ada juga terdapat Arahan-arahan tertentu kepada Pegawai-pegawai Jabatan yang menerima pembekalan. Mereka masing-masing bertanggungjawab untuk menentukan yang bekalan kuantiti yang diterima adalah mengikut pesanan.

Pemeriksaan tertentu juga dibuat di Jabatan-jabatan Kerajaan dan tempat punca pembekalan kontraktor-kontraktor sebagai langkah kawalan tambahan.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputra telah juga dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mencadangkan supaya satu yunit khas dibentuk di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Di samping Kementerian-kementerian lain, Kementerian saya juga sentiasa memberi

perhatian yang penuh terhadap soal kemajuan kontraktor-kontraktor bumiputra, dan telah mengambil beberapa langkah ke arah ini. Antaranya ialah menubuhkan satu Unit Bumiputra di dalam Bahagian Pengurusan Kontraktor dan Bekalan di Kementerian saya sejak tahun 1976 lagi. Unit Bumiputra ini ditubuhkan dengan tujuan untuk mempesatkan lagi penyertaan perniagaan Bumiputra dengan pihak Kerajaan. Unit ini telah mengadakan program-program tertentu untuk membantu kontraktor-kontraktor Bumiputra dengan cara memberi penerangan dan nasihat tentang penglibatan dan urusan perniagaan mereka dengan Kerajaan. Unit Bumiputra di Kementerian Kewangan sentiasa sedia memberi apa-apa penerangan dan nasihat yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat bumiputra dari segi penyertaan dan urusan perniagaan dengan pihak Kerajaan.

Di samping itu, untuk memastikan kejayaan yang lebih pesat lagi, penyelarasan yang rapi juga diadakan di antara Unit-unit Bumiputra di Kementerian yang berkenaan. Penyelarasan ini diuruskan oleh Kementerian saya di mana Unit Bumiputra, Kementerian Kewangan menjadi Urusetia kepada Jawatankuasa Penyelarasan yang dianggotai oleh Unit Bumiputra, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Bahagian Penyertaan Bumiputra, Jabatan Kerja Raya, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Bumiputra, Kementerian Kewangan.

Mengenai cadangan supaya Kementerian Kewangan mengadakan tabung pusingan (revolving fund) untuk memberi kemudahan-kemudahan pinjaman kepada pemborong-pemborong Bumiputra, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Kewangan sedar yang pemborong-pemborong bumiputra masih ada kesulitan tentang soal kewangan. Kementerian saya sentiasa memberi perhatian berat di atas perkara ini dan langkah-langkah sewajarnya sentiasa diambil untuk mengurangkan ataupun mengatasi masalah ini. Baru-baru ini, Kementerian Kewangan telah memberi kemudahan dalam bentuk pembayaran pendahuluan sebagai langkah untuk membantu kontraktor-kontraktor yang menjalankan kontraktor dengan Kerajaan.

Pembayaran pendahuluan sebanyak 15% daripada nilai kontraktor dengan had maksima \$1.5 juta (bagi kontraktor bernilai \$10.0 juta ke atas) akan diberi kepada kontraktor-kontraktor binaan dan juga kontraktor-kontraktor bekalan yang merupakan pembuat dan bukan ejen.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan soal cara bayaran perunding dan menyebut adanya cara bayaran yang tujuannya ialah menguntungkan pihak perunding dan bukan pihak Kerajaan.

Dalam perkara ini saya ingin mengatakan bahawa kenyataan yang ditimbulkan itu tidaklah tepat. Cara-cara pembayaran yang ditetapkan oleh Perbendaharaan adalah mengambil kira semua faktor-faktor yang munasabah supaya Kerajaan memperoleh pembayaran yang paling berfaedah.

Bayaran perunding yang berdasarkan tangga (scale) bayaran yang ditetapkan oleh badan-badan professional yang berkenaan adalah didapati hanya bagi projek-projek kecil sahaja, di mana nilainya kurang daripada 3 (tiga) juta ringgit dan kadar ini berpandu kepada nilai tender yang diterima atau anggaran nilai projek, mengikut mana yang terendah.

Bagi projek-projek yang bernilai lebih daripada 3 (tiga) juta ringgit, bayaran perunding biasanya dibuat secara rundingan sama ada berdasarkan tangga (scale) bayaran ataupun lain-lain formula. Tetapi jika berdasarkan tangga (scale) bayaran yang ditetapkan oleh badan-badan professional berkenaan, pembayarannya adalah dirundingkan lagi supaya dapat dikurangkan lagi daripada apa yang ditetapkan mula-mulanya oleh badan-badan professional berkenaan.

Mengenai pembayaran sekali gus pula bagi plan-plan untuk pembangunan sekolah atau hospital, biasanya plan-plan yang 'standard' yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya ada digunakan. Soal pembayaran perunding tidak berbangkit dalam perkara ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah mengambil masa agak panjang bagi menjawab soal-soal penting yang dibangkitkan dalam perbahasan Belanjawan tahun 1979 ini. Ini ialah sebab

saya memandang sebagai suatu perkara yang mustahak bagi saya memberikan penerangan dan keterangan yang panjang dan jelas terhadap issue-issue yang penting yang telah dipersoalkan, yang berkait dengan ekonomi dan kewangan, bukan sahaja di dalam Dewan ini tetapi juga di kalangan rakyat amnya.

Suka juga saya menyatakan di sini bahawa jawapan saya yang panjang lebar itu adalah sebagai tanda penghargaan dan penghormatan saya terhadap Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan yang telah nyata mengambil berat dan meluangkan masa mengkaji Ucapan Belanjawan dan dokumen-dokumen yang berkait dengannya. Dengan berbuat demikian, mereka telah banyak memberi sumbangan ke arah menjadikan perbincangan Belanjawan ini begitu meriah dan menarik. Sesungguhnya, saya rasa perbincangan Belanjawan tahun 1979 ini adalah yang paling baik dan ghairah pernah saya alami sebagai Menteri Kewangan.

Saya juga berpuas hati yang strateji dan cadangan-cadangan Belanjawan tahun 1979 itu telah mendapat sambutan dan sokongan yang meluas di kalangan rakyat. Sokongan rakyat yang begitu baik, tentulah ada terbayang dari gaya sambutan yang ghairah yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan dalam masa membahaskan Belanjawan ini.

Meski pun demikian, ada juga terdapat reaksi-reaksi yang negatif, iaitu dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Ini sudah maklumlah. Dan juga dari segelintir manusia yang nyatalah menjadi penyokong-penyokong pihak-pihak Pembangkang.

Saya suka menegaskan semula bahawa dasar-dasar dan rancangan-rancangan belanjawan Kerajaan adalah dibentuk dan dilaksanakan untuk kebajikan rakyat Malaysia seluruhnya. Dasar-dasar Kerajaan bukanlah untuk memuaskan kepentingan-kepentingan yang sempit akan tetapi ialah untuk mencapai matlamat-matlamat kepentingan negara yang sebaik-baiknya bagi rakyat.

Kerajaan akan terus mencuba sedaya-upayanya melaksanakan dasar-dasar dan langkah-langkah yang membawa faedah

kepada segenap sektor masyarakat Malaysia terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Memanglah, kita tak dapat memuaskan kehendak semua orang secara serentak. Tetapi, insya Allah, kita akan dapat berikhtiar secara beransur-ansur dan tetap untuk mencapai kebajikan seluruh rakyat kita, dalam rangka matlamat sosio-ekonomi kita selaras dengan potensi dan keupayaan ekonomi dan kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sukalah saya melafazkan di sini rasa penghargaan saya bagi pihak Kerajaan yang mendalam kepada setiap Ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan dan juga kepada rakyat jelata seluruhnya, atas sokongan penuh yang diberikan oleh mereka kepada Belanjawan Kerajaan tahun 1979 ini.

Saya suka juga mengambil peluang di sini untuk melafazkan penghargaan saya kepada sekalian pemimpin dari pelbagai sektor ekonomi kita yang telah mengambil bahagian dalam pertemuan-pertemuan dialog belanjawan yang diadakan baru-baru ini, atas segala syor-syor dan buah fikiran yang mereka kemukakan. Sungguhpun tidak semua saranan-saranan mereka itu telah dimasukkan dalam Belanjawan 1979 ini, tetapi ada juga yang telah diterima oleh Kerajaan. Ini ialah kerana Kerajaan terpaksa memikirkan serta menjaga kepentingan negara secara menyeluruh.

Sukalah saya di sini berjanji akan terus mengadakan rundingan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan dan juga orang ramai, bagi mendapatkan pendapat dan saranan mereka mengenai dasar-dasar wang, kewangan dan ekonomi bagi menyiapkan belanjawan negara, supaya kita sama-sama dapat berkhidmat kepada dan untuk rakyat dengan lebih memuaskan lagi.

Saya yakin bahawa berkat sokongan saudara-saudari daripada rakyat sekalian, terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat yang terus-menerus dalam azam kita hendak mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi kita. Insya Allah, Malaysia akan terus maju dan makmur, demi kepentingan rakyat semua. (*Tepuk*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi

tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari Selasa, 14hb November, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.45 malam.*